

Jilid II
Bil. 31



Hari Selasa
27hb Oktober, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6721]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6802]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti [Ruangan 6802]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992) [Ruangan 6841]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1992 [Ruangan 6848]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1994

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOUB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Pegawai Penerbitan: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 27hb Oktober, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh.

(Soalan No. 1 - Y.B. Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dr. Osman bin Minudin.

(Soalan No. 2 - Y.B. Dr. Osman bin Minudin tidak hadir)

**KUTIPAN TOL JALAN GELANG
PATAH/JALAN SKUDAI/
JALAN TAMPOI—KESESAKAN**

3. Tuan Woon See Chin minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah jalan pilihan yang dikecualikan kutipan tol yang membolehkan dan memberikan alasan bagi Kerajaan melaksanakan kutipan tol atas kenderaan-kenderaan yang menggunakan Jalan Kulai-Senai ke Johor Bahru;

(b) apakah Kerajaan akan menghapuskan kutipan tol atas kenderaan-kenderaan yang menggunakan Jalan Kulai-Senai semasa Lebuhraya Selatan-Utara ke Johor Bahru sudah sedia untuk digunakan; dan

(c) apakah cadangan Kerajaan bagi langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kesesakan jalan di Simpang Jalan Gelang Patah/Jalan Skudai dan Jalan Tampoi/Jalan Skudai.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan (a) dan (b) serentak:

Bagi mereka dari Kulai yang hendak melawat ke Johor Bahru boleh menerusi jalan Negeri melalui Ulu Tiram dari Kota Tinggi ataupun menerusi Lebuhraya Senai ke Johor Bahru. Memang benar jarak perjalanan dari Kulai ke Johor Bahru menerusi Ulu Tiram dan Kota Tinggi adalah lebih jauh dan memang memakan masa yang lebih lama dibandingkan dengan jarak perjalanan melalui Lebuhraya Senai ke Johor Bahru. Di waktu Kerajaan menetapkan Perjanjian Konsesi pada tahun 1988, ianya mengambilkira kos pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan. Dan dalam Perjanjian tersebut, kutipan tol dikenakan di Senai atas kenderaan yang menggunakan jalan Kulai ke Senai. Selaras juga dengan

Perjanjian tersebut, kutipan tol masih dilakukan, walaupun Lebuhraya Utara-Selatan siap dibina kelak.

Baru-baru ini, oleh kerana permintaan dari Kerajaan Johor, Kerajaan Persekutuan telah berbincang semula dengan pihak syarikat yang mempunyai konsesi jalan tersebut telah membenarkan kutipan tol di Senai sehala sahaja mulai dari 1hb Januari hadapan dan tidak dua hala seperti yang ditetapkan dalam konsesi asal.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (c) pihak Kementerian memang menyedari akan kesesakan lalu-lintas di simpang Jalan Gelang Patah/Jalan Skudai dan Jalan Tampoi/Jalan Skudai dan sebenarnya memang sudah mempunyai rancangan awalan bagi mengatasi kesesakan tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan yang terhad, ianya belum mendapat peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa bekas Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri S. Samy Vellu dahulu, ada membuat satu perjanjian dan disaksikan oleh Ahli EXCO Negeri Johor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya bahawa kutipan tol di Kulai-Senai itu akan dihapuskan apabila Lebuhraya Utara-Selatan ke Johor Bahru itu sudah disiapkan dan dilaksanakan kutipannya.

Soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat Ahli EXCO merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya Negeri Johor itu tersilap dengar ataupun Yang Berhormat bekas Menteri Kerja Raya tidak membuat perjanjian begitu?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya telah bertanya dengan rakan saya bekas Menteri Kerja Raya dan beliau telah menerangkan bahawa tidak ada membuat perjanjian seperti itu. Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat yang terlibat. Dalam Perjanjian tersebut (Concession Agreement), memang tidak termasuk tujuan untuk menghapuskan pengenaan tol di tempat itu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah merujuk kepada bahagian (c) soalan asal.

Yang Berhormat Menteri mengatakan walaupun kesesakan jalan Simpang Gelang Patah/Jalan Skudai dan Jalan Tampoi/Skudai disedari oleh pihak Kementerian dan pihak Kementerian mengatakan oleh kerana kekurangan peruntukan, maka perkara ini tidak dapat dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Oleh kerana bandar Johor Bahru adalah gateway ataupun pintu masuk daripada Singapura dan merupakan jalan yang paling sibuk di utara bahagian selatan Semenanjung, tidakkah ada satu priority khas untuk memberi keutamaan kepada jalan ini oleh kerana sementara waktu kita menunggu Lebuhraya Utara-Selatan siap, perkara ini telah menjadi satu "hazard" yang dihadapi oleh setiap penduduk dan orang yang hendak masuk ke Johor Bahru.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Persekutuan memanglah memahami kehendak-kehendak penduduk tempatan setakat kemampuan kita untuk mengeluarkan perbelanjaan yang diperlukan. Walaupun kita menyedari tempat-tempat yang tersebut itu kesesakan lalulintas memang berlaku tetapi oleh kerana peruntukan memang terhad, kita tidak mendapat peruntukan khusus bagi projek tersebut.

Walau bagaimanapun, Lebuhraya Utara-Selatan giat dalam pembinaan. Baru-baru ini, pada awal bulan Oktober ini, kita telah siap membina lebuhraya jarak daripada Pagoh ke Yong Peng, telah dibuka kepada lalulintas. Bagi Yong Peng ke Air Hitam pula, kita berharap akan dapat dibuka kepada lalulintas pada pertengahan tahun hadapan dan seterusnya terus ke Johor Bahru.

PENDAFTARAN PENGUNDI— GALAKAN

4. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada setiap warganegara diwajibkan menjadi pengundi bagi mengelakkan berlakunya mendaftar dua kali di kawasan pilihanraya yang berasingan. Sila nyatakan:

- (a) sama ada warganegara yang tidak mendaftar sebagai pengundi apabila mencapai had umur yang ditetapkan akan didakwa di mahkamah; dan
- (b) sama ada mendaftar dua kali sebagai pengundi di kawasan pilihanraya yang berasingan boleh dihukum penjara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua,

- (a), (i) Kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan warganegara yang telah layak mendaftar sebagai pemilih.
- (ii) Oleh sebab Kerajaan tidak bercadang mewajibkan pendaftaran sebagai pemilih di negara ini, maka soal mendakwa warganegara yang tidak mendaftar sebagai pemilih di mahkamah tidak berbangkit.

(b) Mengikut Seksyen 10 Akta Pilihanraya 1958, tidak ada seseorang pun berhak dicatatkan namanya dalam Daftar Pemilih bagi lebih daripada satu bahagian pilihanraya. Orang yang melakukan perbuatan tersebut boleh didakwa mengikut Seksyen 3(1)(a) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954. Dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 2 tahun atau denda tidak lebih daripada \$2,000 atau keduanya sekali.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, persoalan pendaftaran pengundi, dahulunya pihak parti politik telah dibenarkan untuk menolong pihak SPR untuk mendaftarkan pengundi-pengundi. Dan ini telah tidak dibolehkan semenjak beberapa tahun yang kebelakangan ini. Dan soalan saya ialah, adakah tindakan-tindakan Kerajaan sebegini telah menjejaskan usaha Kerajaan untuk menggalak pendaftaran pengundi di seluruh negara terutama sekali di tempat-tempat kawasan pilihanraya negeri yang mana kesedaran dari segi persoalan politik belum lagi mencapai tahap yang dikehendaki ataupun memberi mereka insentif untuk mendaftar sendiri?

Yang kedua, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi kelemahan daripada segi pendaftar pengundi ini?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang baru-baru ini SPR tidak membenarkan parti politik untuk mendaftar pemilih dengan secara langsung. Kerana mengikut pengalaman yang lepas apabila parti politik terlibat, ia akan menimbulkan berbagai masalah kepada SPR. Kadang-kadang parti politik mengambil kesempatan demi

menjaga kepentingan diri sendiri, oleh yang demikian maka SPR merasakan parti politik tidak dapat mengambil bahagian dengan secara langsung dalam gerakan pendaftaran pemilih.

Walau bagaimanapun, parti politik boleh menasihatkan dan memberi penerangan kepada bakal-bakal pemilih yang telah layak untuk mendaftar supaya mereka juga sedar masa dan tempat di mana mereka mendaftar sebagai pemilih.

Mengikut pengalaman kita yang lepas, khasnya baru-baru ini sistem yang tidak melibatkan parti politik secara langsung ini dianggapkan sebagai tidak menjejaskan sambutan orang ramai. Ini juga termasuk keadaan di luar bandar. Saya harap Yang Berhormat mengambil peranan juga, jangan hanya mengharap SPR sahaja. Yang Berhormat harus memberitahu kepada pemilih-pemilih di kawasan Yang Berhormat masing-masing untuk mendaftar kerana itu adalah satu peluang mereka untuk menjadi pengundi. Publicity memang dibuat secara meluas melalui semua media massa untuk memberitahu kepada bakal pemilih untuk mendaftar dengan memberitahu waktu dan di mana tempatnya. Setakat ini kita dapati sambutan yang diberikan sangat memuaskan.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu masalah ialah pusat-pusat pendaftar pengundi tidak dibuka pintunya pada masa yang ditetapkan atau dijadualkan. Dan jika dibuka pun tiada pegawai yang bertugas di sana. Apa tindakan yang boleh diambil terhadap pegawai-pegawai yang cuai dan tidak bertanggungjawab itu, sebab masalah ini sangat serius terutamanya di kawasan saya di Negeri Perak.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat mendapati ada pegawai yang bertugas yang tidak menjalankan tugas di tempat

yang ditetapkan, saya minta Yang Berhormat memberi laporan supaya SPR dapat mengambil tindakan selanjutnya.

INDUSTRI INSURANS— MASALAH PENIPUAN

5. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian melalui Ketua Pengarah Insurans untuk mencegah kejadian-kejadian penipuan seperti polisi kenderaan yang palsu dan kelewatan atau keengganan membayar pampasan kepada pihak yang menuntut dalam sektor insurans am;
- (b) adakah benar dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh Persekutuan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) bahawa industri insurans am adalah penuh dengan ketidakcekapan, kelalaian serta penipuan secara besar-besaran akibat daripada kurangnya pengawasan oleh Ketua Pengarah Insurans; dan
- (c) adakah pihak Kerajaan bercadang memberhentikan syarikat-syarikat insurans am daripada mengenakan (dengan izin) "unfair loadings of motor insurance tariffs".

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bank Negara, sebagai badan pengawal dan pengawas kepada industri insurans di negara ini, sentiasa berusaha untuk memastikan industri insurans di negara ini beroperasi dengan baik dan cekap. Di antara perkara-perkara yang diberi

perhatian serius ialah masalah penipuan dalam insurans motor. Bagi mengatasi masalah itu, langkah-langkah berikut telah pun diambil:

- (i) Mengeluarkan garis panduan yang menghendaki syarikat-syarikat insurans meningkatkan lagi kawalan dalaman mereka bagi menghindarkan berlakunya penipuan dari segala aspek termasuklah penanggungan, pengurusan tuntutan dan pengawalan ke atas ejen-ejen insurans, penyelaras kerugian (loss adjuster) dan bengkel-bengkel membaiki motor;
- (ii) Bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengatasi masalah penipuan nota perlindungan iaitu cover note;
- (iii) Pengawasan yang lebih rapi ke atas bengkel-bengkel membaiki kenderaan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia;
- (iv) Meminta kerjasama orang ramai melaporkan segera sebarang penipuan kepada Bank Negara Malaysia ataupun Syarikat Insurans; dan
- (v) Persatuan Insurans Am dengan kerjasama Bank Negara Malaysia juga sedang merangka satu sistem pungutan premium yang lebih kemas dan berkesan yang akan membolehkan bayaran premium dibuat melalui Jabatan Pengangkutan Jalan. Sistem ini

bertujuan untuk mengelakkan pengeluaran nota perlindungan palsu dan juga bayaran premium kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Mengenai kelewatan bayaran pampasan oleh syarikat-syarikat insurans, langkah-langkah berikut telah diambil:

- (i) Mengeluarkan garis-panduan kepada pengarah dan pihak pengurusan syarikat-syarikat insurans supaya menjalankan urusan dengan lebih profesional dan cekap;
- (ii) Meningkatkan pemeriksaan ke atas buku akaun dan rekod transaksi syarikat insurans, broker, penyelaras kerugian dan ejen bagi memastikan mereka beroperasi dengan kukuh dan berkesan;
- (iii) Mengarahkan syarikat-syarikat insurans supaya sentiasa mengawasi kedudukan kewangan mereka memenuhi sebarang tuntutan;
- (iv) Mana-mana syarikat insurans yang kurang modal akan diarah menambah modal dengan secukupnya. Sekiranya pemegang saham yang sedia ada tidak mampu menambah modal; mereka digesa mengambil pemegang saham baru;
- (v) Penubuhan Biro Pengantaraan Insurans oleh Persatuan Insurans Am Malaysia yang memainkan peranan untuk menyelesaikan masalah

berhubung dengan aduan-aduan, pertikaian-pertikaian dan tuntutan-tuntutan yang dibuat berhubung dengan polisi insurans perseorangan. Biro ini akan berkuasa membuat keputusan dan mempercayakan penyelesaian tuntutan yang tidak melebihi \$50,000.

(b) Sebagaimana yang telah dijelaskan tadi, Bank Negara sentiasa memberi perhatian serius ke atas memaju dan memperbaiki industri insurans di negara ini khususnya untuk meningkatkan prestasi dan kecakapan mereka. Adalah tidak benar jika ada pihak-pihak yang menuduh industri insurans tidak diberi pengawasan yang sewajarnya oleh pejabat Ketua Pengarah Insurans kerana Bank Negara sebagai badan pengawasnya, sedang memberi perhatian serius ke arah memperbaiki industri insurans. Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:

- (i) meminda peruntukan-peruntukan tertentu Akta Insurans 1963;
- (ii) meminta syarikat-syarikat insurans meningkatkan kegiatan latihan kakitangan mereka;
- (iii) meminta syarikat-syarikat insurans menukar pegawai-pegawai yang tidak cekap;
- (iv) mengambil tindakan ke atas mana-mana syarikat insurans yang tenat dan menghadapi masalah kewangan;

- (v) meminta syarikat-syarikat insurans memperkemas peraturan-peraturan dan kawalan dalaman mereka;
- (vi) memeriksa syarikat-syarikat insurans dari masa ke semasa untuk mengesan prestasi mereka; dan
- (vii) bekerjasama dengan pihak-pihak persatuan insurans untuk sama-sama memperbaiki industri insurans khususnya dari segi latihan dan membanteras penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya untuk soalan:

(c) tarif motor yang berkuatkuasa sekarang ini tidak menggambarkan tuntutan sebenar yang pada amnya adalah sangat tinggi. Tindakan-tindakan sewajarnya sedang diambil untuk mengumpul data-data bagi mewujudkan satu sistem tarif yang lebih saksama dan tepat. Dengan sebab itu, buat sementara waktu ini Kerajaan telah membenarkan syarikat-syarikat insurans mengenakan premium tambahan atau, dengan izin, loadings, bagi menampung kos tuntutan yang dihadapi oleh mereka. Bagi mengelakkan pengenaan bayaran premium tambahan yang tidak adil, Kerajaan telah pun mengeluarkan garis panduan mengenai loading premium motor yang berkuatkuasa pada 2 Januari, 1992. Garis panduan itu menyatakan had-had premium tambahan yang boleh dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans seperti berikut:

- (i) tidak boleh melebihi 50% bagi kenderaan biasa;

- (ii) tidak melebihi 100% bagi kenderaan perdagangan;
- (iii) bagi kenderaan yang sukar mendapat perlindungan insurans, misalnya kenderaan yang berisiko tinggi, ia boleh didapati dari, dengan izin, un-pleased motor pool, yang dikendalikan oleh Peratuan Insurans Am Malaysia. Syarikat-syarikat insurans tidak boleh mengenakan loading yang lebih tinggi daripada had tersebut kecuali setelah mendapat kelulusan khusus daripada Bank Negara.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat, iaitu sekarang ini kita ada badan pengawas iaitu Bank Negara sendiri, saya tertarik hati dengan perkataan "Biro" tadi sebagai badan perantara di antara syarikat insurans dan juga pengguna. Saya percaya hari ini akan diluluskan oleh Parlimen iaitu berhubung dengan Suruhanjaya Sekuriti di mana kita ada Akta Sekuriti, tetapi kita masih menghadapi banyak masalah dalaman. Dahulu, daripada Kementerian kita telah beri kepada Bank Negara sendiri untuk mengawas dan saya percaya Bank Negara mungkin dengan pembangunan yang begitu pesat, Labuan yang akan muncul sebagai Pusat Kewangan, Bank Negara akan bertambah banyak kerja. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk membuat seperti yang kita buat kepada sekuriti, kita menubuhkan Suruhanjaya sekuriti ataupun kita bercadang untuk mengupgradakan, dengan izin, biro tadi untuk dijadikan Lembaga ataupun dalam bentuk suruhanjaya Insurans untuk memastikan bahawa masalah-masalah yang telah disebutkan tadi dapat diselesaikan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa pada dahulunya ini adalah terletak di bawah Perbendaharaan, untuk mengawasi industri insurans, tetapi untuk beberapa tahun kebelakangan ini diserahkan kepada pihak Bank Negara sebagai Ketua Pengarah Insurans untuk mengendalikan sektor industri insurans ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk beberapa tahun ini kita telah pun dapat mengesan kemampuan pihak Ketua Pengarah Insurans mengendalikan tugas ini. Tugasnya adalah begitu besar kerana industri ini merupakan industri yang penting yang perlu di kawal. Lebih kurang dua tahun yang lalu kita telah pun membuat pindaan kepada Akta untuk memberi peruntukan undang-undang yang lebih bermakna, sambil itu pula pihak Bank Negara sudahpun membuat langkah-langkah mengikut peruntukan undang-undang tersebut dan untuk beberapa tahun ini pihak Bank Negara juga telah mempertingkatkan wibawa dari segi kepakaran dan juga kemampuan pegawai untuk mengendalikan pengawalan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat dari Arau mencadangkan sama ada biro boleh mengambil peranan lebih daripada apa yang diperuntukkan, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini, supaya biarlah biro itu terlebih dahulu membuktikan kemampuannya untuk menyelesaikan masalah melalui aduan-aduan daripada masyarakat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tarif baru yang dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans dan yang telah diluluskan oleh pihak Bank Negara baru-baru ini telah menimbulkan suatu beban yang amat berat kepada pengguna-pengguna kenderaan bermotor. Tadi Yang Berhormat Menteri kata satu kajian sedang dibuat ke atas tarif baru yang

dikenakan oleh syarikat insurans sekarang. Soalan saya, bilakah kajian ini akan selesai, kerana jika ini berpanjangan, dalam keadaan sekarang, kenderaan bermotor adalah merupakan satu necessity dan kalau tarif ini tidak dikenakan secara tepat dalam kadar yang segera, ianya akan membebaskan pengguna kenderaan bermotor. Salah satu cara bagaimana hendak mengatasi masalah ketidakmampuan syarikat insurans yang tidak bermodal untuk membayar tuntutan-tuntutan yang akan dibuat oleh mereka yang mengalami kecederaan ialah dengan mengenakan jumlah kompaun deposit atau deposit yang mesti diberikan oleh syarikat yang berkenaan kepada pihak Bank Negara. Adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan jumlah deposit ini?

Soalan yang kedua ialah berhubung dengan kenderaan bermotor. Seperti mana yang kita tahu sekarang dalam kes kenderaan bermotor, di bawah peraturan undang-undang, yang wajibnya ialah insurans pihak ketiga. Tetapi dalam kes di mana kalau ada perjanjian sewa beli misalnya, pihak tuan punya biasanya mengenakan syarat untuk mengambil comprehensive policy. Adakah Kerajaan berhasrat untuk mengenakan satu peraturan yang umum iaitu hanya insurans pihak ketiga sahaja yang dibenarkan dalam setiap kenderaan bermotor. Ini adalah untuk mengurangkan beban ke atas pengguna-pengguna kenderaan bermotor?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, bila tarif yang ada ini hendak dikaji dan diputuskan, ingin saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa kajian yang terperinci hanyalah berdasarkan kepada data yang cukup. Apabila kita hendak mengkaji tentang premium insurans ini ia memerlukan kepada satu time series data, yang cukup untuk benar-benar menggambarkan

tentang tuntutan dan risiko yang ditanggung oleh pihak pemegang polisi dan juga pihak industri. Jadi, pihak Bank Negara sudah pun meminta supaya pihak industri melengkapkan satu time-series data untuk membuat kajian yang terperinci. Oleh yang demikian pihak Kerajaan telahpun memberi satu jalan keluar untuk sementara waktu ini supaya cara loading itu diperuntukkan supaya isu over-loading tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, loading tambahan ini bukanlah dibiarkan untuk digunakan secara across the board, dengan izin, ianya hendaklah berdasarkan kepada rekod pemegang polisi yang berkenaan. Oleh yang demikian, masyarakat Malaysia yang menggunakan kemudahan polisi motor ini sewajarnya faham bahawa mereka tidak terdedah kepada layanan yang tidak adil berdasarkan kepada sistem loading yang dibenarkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kedua daripada Yang Berhormat dari Kok Lanas, jika sekiranya pihak syarikat insurans tidak mampu membayar tuntutan ianya berdasarkan kepada kajian yang terperinci, kedudukan sama ada syarikat itu, dengan izin, solvent ataupun tidak, maka langkah-langkah untuk memastikan bahawa mereka mempunyai kemampuan adalah sentiasa dikesan dan cara-caranya adalah berbagai-bagai, tidak semestinya cara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ketiga, memanglah diwajibkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan bahawa Third Party Policy, dengan izin, diwajibkan dan kalau sekiranya hendak melebihi daripada itu, ia adalah berdasarkan kepada, dengan izin, mutual decision, di antara pemegang polisi dengan pihak syarikat insurans.

**SUKAN KOMANWEL 1998—
PERSEDIAAN**

6. Tuan Ishak bin Arshad minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan dari segi Sukan Komanwel tahun 1988:

- (a) perbelanjaan yang terlibat untuk membawa sukan ini ke Kuala Lumpur;
- (b) persediaan dari segi perancangan dan pembangunan serta infrastruktur yang telah dan akan dijalankan;
- (c) anggaran jumlah peruntukan keseluruhan untuk sukan tersebut;
- (d) persediaan serta harapan pencapaian athlit negara di sukan tersebut; dan
- (e) faedah langsung dan tidak langsung dari sukan tersebut kepada negara.

2-11-92

11. Dr. V. David minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah kos anggaran bagi menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998;
- (b) apakah tempatnya di Malaysia yang telah dikenalpasti sebagai tempat bertemu bagi Sukan Komanwel ini;
- (c) adakah betul bahawa penganjuran sukan ini akan diswastakan; dan
- (d) apakah nama syarikat yang diberi tugas ini, jumlah modalnya dan siapakah ahli-ahli Lembaga Pengarahnya.

10-11-92

21. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan peruntukan yang diketepikan untuk tujuan Sukan Komanwel 1998; dan

- (b) langkah-langkah atau tindakan yang akan diambil oleh Kementeriaannya untuk memastikan para peserta Sukan Malaysia akan berjaya mendapat lebih pingat.

25-11-92

3. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah perancangan bagi persiapan Sukan Komanwel (SUKOM) 1988 dan berapakah anggaran perbelanjaan yang mungkin akan terlibat, dan dari manakah sumber kewangan yang akan diperolehi bagi membiayai segala kos yang terlibat.

30-11-92

5. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan yang diambil dari sekarang ini agar Sukan Komanwel yang akan diadakan dalam tahun 1998 itu tidak hanya setakat menyediakan tempat-tempat pertandingan yang kagum, menciptakan persembahan pembukaan rasmi yang begitu indah tetapi juga memastikan pingat-pingat dapat digondol oleh peserta-peserta.

2-12-92

12. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa ramaikah ahli Lembaga Pengarah Sukan Komanwel dan siapakah mereka-mereka itu dan adakah menimbulkan masalah di mana-mana pihak ketika lantikan ini dibuat.

8-12-92

1. Tuan Haji Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah persiapan yang dibuat kini untuk menghadapi Sukan Komanwel dalam tahun 1998 dan perbelanjaan yang disediakan bagi

membina kolam renang stadium, gelanggang tinju dan lain-lain kemudahan dan di mana atau negeri mana yang bersedia memberikan tapak untuk mengadakan kemudahan-kemudahan ini.

10-12-92

10. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah persediaan yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengadakan Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur setakat ini dan bagaimanakah rakyat akan memperolehi peluang-peluang pendapatan semasa menjalankan sukan itu.

21-12-92

5. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah dijangka akan dibelanjakan dalam menganjurkan Sukan Commonwealth pada tahun 1998. Berapakah pula hasil yang akan dikutip melalui iklan, tajaan dan lain-lain. Apakah persediaan-persediaan yang besar yang hendak dilaksanakan menjelang sukan tersebut.

24-12-92

16. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah anggaran kasar yang dijangkakan dari segi perbelanjaan dan pendapatan dalam menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998 nanti. Jika boleh, nyatakan jenis perbelanjaan serta pendapatan utama; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian supaya semua anggota masyarakat terlibat sama dalam menjayakan suka tersebut.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan berhubung dengan persediaan Sukan Komanwel 1998 dan memandangkan soalan ini terlalu panjang dan terperinci dan ramainya jumlah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan mengenai perkara yang sama, saya memohon izin untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

- (a) Ahli Yang Berhormat dari Puchong pada 2 November 1992;
- (b) Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai pada 10 November 1992;
- (c) Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru pada 25 November 1992;
- (d) Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pada 30 November dan 2 Disember 1992;
- (e) Ahli Yang Berhormat dari Parit pada 8 Disember 1992;
- (f) Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah pada 10 Disember 1992;
- (g) Ahli Yang Berhormat dari Kimanis pada 21 Disember 1992; dan
- (h) Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah pada 24 Disember 1992.

Saya mohon izin untuk menjawab kesemuanya secara serentak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Dato' Haji Annuar bin Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada 11 Julai 1990, Kerajaan telah bersetuju supaya Kuala Lumpur menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998. Keputusan ini adalah selaras dengan resolusi Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel pada tahun 1989

yang telah membuat teguran bahawasanya harus diberikan peluang yang saksama kepada semua negara-negara Komanwel bagi menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel yang pada masa yang lepas telah dimonopoli hanya oleh negara-negara maju seperti Kanada, United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Kerajaan yakin bahawa Malaysia dapat menguruskan sukan tersebut dengan jayanya kerana kita mempunyai pengalaman serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Keputusan ini juga diharapkan akan memupuk perhubungan dan kerjasama seranta yang lebih erat terutama sekali perhubungan di antara negara Selatan-Selatan. Berasaskan sebab-sebab di atas maka keuntungan kewangan bukanlah merupakan satu kriteria pertimbangan yang utama yang menyebabkan kita menawarkan diri menjadi tuan rumah sukan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos bagi menawarkan sukan ini dibawa ke Kuala Lumpur adalah amat minimum sekali. Negara-negara yang sedang menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik tahun 2000 seperti negara England memperuntukkan sebanyak £50 juta dalam proses 3 tahun penawaran. Ertinya dalam ringgit Malaysia lebih daripada \$200 juta. Negara Australia sendiri yang bersaing dengan kita telah membuat peruntukan sebanyak berbelas-belas juta ringgit tetapi memandangkan kepada keupayaan negara, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak hanya \$2 juta dalam tempoh dua tahun dan ditambah \$1 juta untuk beberapa urusan yang dikendalikan oleh Majlis Olimpik Malaysia. Selain daripada itu sebanyak kira-kira \$1.6 juta telah ditampung melalui pembiayaan sektor swasta yang turut memberikan kerjasama dalam proses penawaran itu. Ini menjadikan penawaran Malaysia menelan belanja dalam masa dua tahun yang amat rendah sekali.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat berkaitan persediaan untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel, suka saya memaklumkan bahawa penyediaan ini bolehlah dibahagikan kepada tiga jenis:

- (i) pengurusan dan pengelolaan sukan;
- (ii) penyediaan tempat pertandingan dan perkampungan sukan;
- (iii) penyediaan pegawai-pegawai serta atlit-atlit Malaysia.

Mengenai pengurusan dan pengelolaan sukan, selaras dengan statut Commonwealth Games Federation, pengurusan dan pengelolaan sukan Komanwel 1998 akan diserahkan oleh CGF kepada Majlis Olimpik Malaysia. Majlis Olimpik Malaysia seterusnya menubuhkan sebuah syarikat bernama SUKOM Ninety Eight Bhd., dengan izin. Tindakan menubuhkan syarikat ini adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan Commonwealth Games Federation (badan antarabangsa yang bertanggungjawab ke atas Sukan Komanwel ini).

Segala kos pengendalian sukan akan ditanggung melalui pembiayaan dan kutipan kewangan yang akan dibuat oleh SUKOM Bhd. dan buat masa ini Kerajaan belum mempunyai sebarang cadangan untuk memberikan sumbangan melainkan setelah menerima cadangan-cadangan tertentu daripada SUKOM Bhd.

Mengikut anggaran awal dalam buku Penawaran Sukan Komanwel, syarikat ini akan membelanjakan peruntukannya sebanyak kira-kira \$77 juta bagi kos pengendalian dan dijangkakan akan dapat mengutip pendapatan sebanyak kira-kira \$78 juta. Sebahagian besar sumber kewangan ini adalah daripada sumbangan-sumbangan, sponsorships hak pemasaran domestik dan antarabangsa, penjualan tiket, hak siaran televisyen ke seluruh dunia dan sebagainya.

Dalam Memorandum of Article SUKOM Ninety Eight Bhd. membolehkan badan ini melantik tidak kurang dari dua orang ahli Lembaga dan tidak lebih dari 15 orang ahli Lembaga. Ahli Lembaga akan dicadangkan oleh Majlis Olimpik Malaysia kepada Kerajaan untuk persetujuan dan kelulusan bersama-sama dengan draf agreement yang akan ditandatangani oleh MOM dan CGF dan juga memerlukan kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

Mengenai penyediaan tempat pertandingan dan kampung sukan, Kerajaan akan terlibat dengan secara langsung untuk menyediakan tempat-tempat pertandingan. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 11 acara yang akan dipertandingkan, kesemua tempat-tempat pertandingan telah pun dikenalpasti, dilawati dan diluluskan oleh Commonwealth Games Federation. Semua kemudahan-kemudahan ini, kecuali Kompleks Sukan di Bukit Jalil dan kemudahan "lawn bowls" di Bukit Kiara Equestrian & Country Resort terdiri daripada kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Sungguhpun demikian, tindakan masih perlu diambil untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di tiap-tiap venue tersebut supaya sesuai dengan taraf kejohanan antarabangsa. Dalam hal ini, Kementerian Belia dan Sukan sedang mengkaji dengan lebih terperinci keperluan menaikkan taraf kemudahan-kemudahan tersebut.

Bagi Kompleks Sukan di Bukit Jalil, usaha sedang dibuat oleh Kerajaan untuk menswastakannya. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, telah dipertanggungjawabkan untuk membina sebuah perkampungan sukan bagi penginapan para atlit serta pegawai-pegawai yang terlibat. Pembinaan kampung sukan ini juga akan dilaksanakan di bawah program penswastaaan yakni program pen-

swastaaan perumahan awam yang biasa dalam program Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Suka saya tegaskan di sini, bahawa perbelanjaan yang akan dibuat ke atas kemudahan-kemudahan sukan ini sebenarnya bukanlah kerana kita telah memenangi usaha untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel malah sebahagian besar, hampir kesemuanya adalah program-program yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang dirancang lebih awal daripada itu.

Perkara yang kedua, mengenai penyediaan pegawai dan atlit Malaysia. Selain daripada kemudahan di atas, iaitu kemudahan-kemudahan prasarana, Malaysia juga perlu menyediakan atlit dan pegawai-pegawai teknikal untuk mengambil bahagian dalam Sukan Komanwel 1998. Dari sekarang sehingga tahun 1998, beberapa persiapan tertentu telah pun dilakukan. Yang pertama, menyusun dan memperkemarkan organisasi beberapa buah persatuan kebangsaan terutamanya yang terlibat dalam acara-acara Sukan Komanwel. Yang kedua, mengenalpasti acara dan sasaran pingat kerana beberapa jenis acara yang bersesuaian dengan keupayaan rakyat Malaysia perlu diberikan tumpuan bagi membolehkan kita memenangi pingat dalam acara-acara tertentu.

Sukan-sukan seperti sukan terjun, renang berirama, gimnastik, gimrama dan menembak adalah di antara sukan selain daripada badminton yang telah dikenalpasti akan membawa cabaran negara untuk membawa pingat-pingat dalam kejohanan itu. Yang ketiga, mengambil khidmat jurulatih asing dan tempatan. Yang keempat, mengenalpasti atlit-atlit dari peringkat sekolah lagi. Yang kelima, mempertingkatkan kemudahan latihan termasuk peralatan di pusat-pusat latihan yang disediakan sekarang. Yang keenam, melantik pengurus projek secara sepenuh masa

untuk setiap acara ataupun persatuan sukan. Tugas-tugas pegawai ini adalah untuk membantu penyediaan perancangan jangka panjang yang telah pun siap dirangka oleh Kementerian dan akan mula dilaksanakan dalam tahun 1993. Yang ketujuh, membekal khidmat sokongan Sains Sukan yang merangkumi bidang kepakaran seperti perubatan sukan, fisiologi, biomekanik dan nutritionist; dan yang kelapan, mengambil contoh dan mengkaji sistem negara-negara yang telah maju dan telah mencapai kejayaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jawapan panjang lagikah?

Dato' Haji Annuar bin Musa: Dua minit, ataupun seminit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, padatkan.

Dato' Haji Annuar bin Musa: Suka saya maklumkan di sini, sebuah Jawatankuasa Perancangan Peraksanaan Persediaan Sukan telah pun dibentuk oleh Kementerian dan akan menjalankan tanggungjawabnya dari semasa ke semasa.

Akhirnya, suka saya memaklumkan kepada soalan Yang Berhormat bahawasanya keuntungan yang bakal diperolehi oleh Syarikat SUKOM Ninety Eight Bhd adalah hanya satu daripada kriteria yang diambilkira. Dijangkakan negara memperoleh keuntungan-keuntungan tidak langsung di mana dijangkakan kira-kira 7,000 peserta akan mengambil bahagian tidak termasuk para pegawai dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam acara sukan ini.

Sukan ini juga akan membawa promosi nama negara ke seluruh dunia dan diharapkan dengan promosi itu akan meletakkan negara dalam peta dunia dengan secara lebih berkesan lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan pun telah melantik bekas General Tan Sri Hashim Mohd. Ali dan saya ingin tahu tidakkah ada orang lain yang lebih sesuai dengan jawatan itu dan apakah kriteria yang telah dibuat sama ada oleh Kerajaan ataupun Majlis Olimpik Malaysia? Yang kedua, apakah kriteria-kriteria perlantikan Pengarah-pengarah yang lain yang duduk di dalam Syarikat ataupun SUKOM Bhd.?

Dato' Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Tan Sri Hashim Mohd. Ali bukan dilantik oleh Kerajaan, tetapi beliau dilantik dan dicadangkan oleh Majlis Olimpik Malaysia. Antara kriteria yang telah diambilkira ialah kesediaan dan kesanggupan orang berkenaan untuk bekerja sepenuh masa dan mempunyai latar belakang dan penglibatan yang luas dalam bidang-bidang kesukanan.

Bagi soalan yang kedua, bagi Ahli Lembaga Pengarah yang juga akan dicadangkan dan dilantik oleh Majlis Olimpik Malaysia akan mengambilkira, selain daripada kriteria yang sama dengan Ketua Eksekutif, adalah juga mengambilkira peranan dan sumbangan yang boleh mereka berikan bagi memastikan kejayaan Sukan Komanwel.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengenai dengan perancangan dan pembangunan infrastruktur bahawasanya ada 11 acara yang akan dipertandingan dalam Sukan Olimpik dan tempat-tempat tersebut sudah pun dikenalpasti. Apakah tempat-tempat ini sekitar bandaraya ataupun tempat-tempat yang dikenalpasti ini berselerak di seluruh negara? Maksudnya apakah dari segi pertandingan acara Sukan Komanwel ini di mana tuan rumahnya diberi kepada beberapa negeri bagi membolehkan seluruh rakyat terlibat

dalam mengambil bahagian terutama-nya melihat apabila pertandingan itu sewaktu dilangsungkan Sukan Komanwel nanti?

Soalan yang kedua, apakah pihak Kementerian bercadang untuk memperkenalkan sukan-sukan tradisional rakyat walaupun bukan dalam acara pertandingan, tetapi sebagai suatu pertunjukan semasa Sukan Komanwel di mana kita mempunyai banyak sukan tradisional rakyat yang boleh kita perkenalkan kepada tetamu-tetamu negara daripada seluruh negara Komanwel waktu pertandingan sukan ini diadakan nanti?

Dato' Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, Sukan Komanwel 1998 akan hanya dikenali sebagai "Kuala Lumpur '98", ataupun "Kuala Lumpur 98" mencerminkan semua kejohanan akan berlangsung di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan bukan di luar daripada kawasan Kuala Lumpur dan ini adalah atas kelulusan dan persetujuan CGF.

Mengenai sukan rakyat, Kerajaan bercadang untuk mengemukakan kepada CGF bagi mengadakan acara demonstrasi bagi sukan sepak takraw dan sukan silat. Langkah-langkah akan mula diambil untuk memperkenalkan kedua-dua sukan ini di kalangan negara-negara Afrika dan Caribbean bagi membolehkan negara-negara tersebut mengambil bahagian dalam demonstrasi tersebut.

BARANG KEPERLUAN HARIAN— KENAIKAN HARGA

7. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sebab-sebab kenaikan harga beberapa jenis makanan utama pada tahun ini;

- (b) apakah usaha bagi menstabilkan harga jenis makanan di rumah (food at home) seperti ikan, sayuran dan buah-buahan; dan
- (c) apakah indeks makanan pengguna bagi tahun 1990, 1991 dan sehingga September 1992.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagai negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas, harga barang-barang pada amnya ditentukan oleh kuasa penawaran dan permintaan. Dalam keadaan ini, paras harga biasanya meningkat apabila permintaan melebihi penawaran dan menurun apabila keadaan sebaliknya. Selain dari itu, faktor-faktor yang lain seperti kos bahan mentah, kos pengangkutan, kos bahan bungkus, kadar matawang asing, kos buruh, kualiti barangan dan lain-lain turut mempengaruhi harga sesuatu barangan. Tekanan kos-kos tersebut menyebabkan beberapa jenis barangan telah mengalami kenaikan harga di pasaran. Walau bagaimanapun, bagi barang-barang perlu tertentu khususnya beras, gula bertapis, tepung gandum, simen, besi keluli bulat, minyak tanah, minyak petrol (premium dan regular), minyak diesel dan gas petroleum cecair, Kerajaan menetapkan harga ke atas barang-barang tersebut. Bagi barangan ini tidak ada kenaikan harga yang berlaku.
- (b) Berbagai usaha telah dibuat oleh Kementerian-Kementerian berkaitan untuk menstabilkan harga barangan terutamanya barang-barang makanan dan barang-barang perlu yang lain.

Kementerian ini telah dari semasa ke semasa mengadakan perbincangan dengan para pengeluar dan pengedar yang berkaitan supaya mereka bekerjasama untuk tidak menaikkan harga barang dan seberapa yang boleh menyerapkan sebarang kenaikan kos yang berlaku. Usaha ini akan diteruskan supaya kadar inflasi dapat dibendung di paras yang rendah jika tidak dapat dikurangkan. Di samping itu tindakan penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan bagi membanteras penyelewengan timbang sukat, kegagalan meletak tanda harga, kegiatan anti-sorok dan lain-lain.

Sebenarnya harga bagi kebanyakan jenis ikan, sayuran dan buah-buahan di dalam keadaan biasa tidak mengalami banyak perubahan. Kebiasaannya kekurangan penawaran dalam negara ditampung oleh import dari negara-negara jiran. Walau bagaimanapun, keadaan luar biasa seperti kejadian musim tengkujuh yang serius akan mengakibatkan kenaikan harga ikan. Begitu juga dengan harga sayuran dan buah-buahan akan mengalami sedikit kenaikan apabila berlaku wabak penyakit dan/ataupun perubahan cuaca yang ketara. Sungguhpun begitu, kejadian kenaikan harta dalam keadaan luar biasa bagi barangan-barangan ini hanyalah untuk jangka pendek sahaja. Dalam jangka panjang, paras harga akan kembali kepada kedudukan seimbang.

Seterusnya tanggungjawab membedung inflasi atau kenaikan harga barangan bukanlah berada di tangan Kerajaan sahaja, malah semua rakyat sebagai pengguna hendaklah memainkan peranan

dalam mengawal kenaikan harga barang dengan sentiasa berwaspada dan bersikap rasional apabila berbelanja. Mereka juga hendaklah sentiasa sedar tentang tanggungjawab sebagai pengguna yang bijak.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kedudukan Indeks Harga Pengguna bagi tahun 1990 ialah 3.1%, tahun 1991 adalah 4.4% manakala bagi tahun 1992 sehingga Ogos ialah 4.6%. Indeks Barang Makanan bagi tahun 1990 ialah 4.2%, 1991 ialah 4.7% dan tahun 1992 sehingga Ogos ialah 6.8%.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa keadaan inflasi bukanlah akibat daripada situasi permintaan dan pembekalan sahaja, tetapi ia menjadi satu fasal struktur di Malaysia ini iaitu pertumbuhan ekonomi Malaysia begitu pesat yang akan memanaskan ekonomi negara kita ataupun overheating. Maka ini bukan satu masalah bermusim, tetapi satu masalah struktur dan adakah beliau sedar bahawa dari segi masalah struktur ini harga komponen makanan di kesemua price index ini sudah menjadi satu tanda yang boleh membahayakan. Ini bukan bermusim sahaja. Dan jika ya, bagaimanakah boleh negara kita, secara kerjasama mungkin di antara Kementerianannya dengan Kementerian Pertanian untuk mengurangkan kos pengeluaran makanan khususnya pengeluaran sayur dan ikan dan mengurangkan ataupun memperbaiki sistem pemasaran kedua-dua item ini supaya harganya boleh dikawal. Sebenarnya kenaikan price index untuk kedua-dua item ini, iaitu ikan dan sayur adalah lebih tinggi dari 5% dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sedikit kenyataan tentang hal ini?

Yang keduanya, mengenai consumption pattern dalam negara kita ini, bagaimanakah boleh Kementerian ini ataupun Kerajaan Persekutuan keseluruhannya menggalakkan lebih lagi simpanan wang ataupun savings dari segi mengurangkan kelebihan dalam consumption barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikeluarkan dalam negara ini? Sekian.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikehendaki ataupun apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat sudahpun saya menjawab dengan detailnya tadi apabila saya menjawab Soalan (b) tadi. Walau bagaimanapun mengenai ikan dan sayur, sebagaimana yang saya katakan, setakat ini tidak mendapat masalah yang besar. Kadang-kadang hanya terdapat masalah-masalah untuk jangka pendek sahaja iaitu masa musim tengkujuh yang serius ataupun musim-musim yang didapati penyakit dan sebagainya. Jadi tidaklah mendapat satu masalah yang agak jangka panjang lagilah setakat ini. Namun demikian, sebagaimana yang telah dinyatakan beberapa kali, pihak Kerajaan telah pun melantik satu firma antarabangsa untuk mengkaji harga-harga guna-harian rakyat pada keseluruhannya termasuk di Sabah dan Sarawak. Kajian ini telah pun siap dan diserahkan kepada pihak Kementerian, tetapi ada beberapa aspek kajian ini yang kami rasa tidak begitu puashati dan harus didalami lagi, maka laporan ini telah pun dikembalikan kepada firma tersebut untuk dikaji dengan lebih mendalam lagi. Insya Allah, bila kajian itu selesai, maka kita dapatlah merancang tindakan-tindakan yang lebih berkesan lagi dari apa yang telah dijalankan sekarang ini.

Tentang consumption pattern yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, memanglah pihak Kementerian ini telah pun menjalankan ikhtiar sepanjang masa iaitu menerusi persatuan-persatuan pengguna me-

ngeni Majlis Penasihat Pengguna yang telah pun ditubuhkan di tiap-tiap negeri ini, iaitu untuk mengajar para pengguna supaya lebih berhati-hati dalam berbelanja. Apabila mereka membeli hanya apa yang perlu sahaja, tidak berbelanja yang bukan-bukan, maka sudah tentulah dengan sendirinya kita dapat mengurangkan consumption dan ini satu cara yang seelok-eloknya untuk meningkat savings.

DBKL—WANG PENDAHULUAN KEPADA PEGAWAI

8. Tuan Wee Choo Keong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kenapakah pada tahun 1988 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) masih memberi wang pendahuluan baru kepada pegawainya walaupun pegawai tersebut belum menjelaskan pendahuluan daripada tahun 1984 hingga 1987 sebanyak \$82,910.00;
- (b) bagaimanakah lima orang pegawai DBKL diberikan wang pendahuluan walaupun mereka belum menjelaskan 32 pendahuluan yang berjumlah \$391,169.00 pada akhir tahun 1988. Sila berikan nama-nama pegawai DBKL terlibat dan sama ada mereka sudah menyelesaikan wang pendahuluan kepada DBKL; dan
- (c) sama ada DBKL menetapkan prosedur yang baru bahawa wang pendahuluan tidak akan diberikan kepada pegawainya jikalau pendahuluan belum diselesaikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberikan wang pendahuluan diri kepada pegawai-pegawainya kerana pendahuluan diri ini

bukan untuk tujuan peribadi semata-mata tetapi adalah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur seperti pembelian barang-barang kelengkapan DBKL di luar negeri, menguruskan pertunjukan kebudayaan dan urusan rasmi di dalam dan di luar negeri.

Dalam tahun 1988, hanya terdapat seorang sahaja pegawai Dewan Bandaraya yang belum menyelesaikan pendahuluan diri yang diambil pada tahun 1984 dengan jumlahnya sebanyak \$360.00. Pegawai tersebut sebenarnya telah meletakkan jawatan pada tahun yang sama sebelum beliau sempat mengeluarkan penyata perbelanjaannya. Bekas pegawai ini hanya mengemukakan penyata perbelanjaannya pada tahun 1989. Pegawai-pegawai lain yang mengambil wang pendahuluan diri kerana menjalankan urusan-urusan rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menggunakan wang tersebut dan telah menghantar penyata-penyata perbelanjaan kepada pihak pentadbiran tetapi penyata-penyata tersebut belum sempat diselaraskan dengan akaun pendahuluan diri pada 31hb Disember 1988 kerana pihak pentadbiran memerlukan penjelasan lanjut bagi beberapa item perbelanjaan dalam penyata tersebut. Sekarang ini semua akaun pendahuluan diri bagi tahun 1990 dan sebelumnya telah pun selesai diselaraskan setelah semua peraturan dipatuhi. Pada tahun 1991 dan 1992, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengemaskinikan rekod-rekod yang berkaitan. Lima orang pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dimaksudkan itu sebenarnya telah membelanjakan wang pendahuluan tersebut untuk menjalankan aktiviti-aktiviti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Nama-nama pegawai tersebut ialah:

- (1) Encik Abu Bakar Minal
- (2) Encik Mohamad Zaini bin Ismail
- (3) Encik Lau Lee Ching

(4) Encik Yusof Ariffin

(5) Encik Abdul Khalil Hassan

Pada masa ini akaun pendahuluan diri bagi pegawai-pegawai ini telah selesai diselaraskan. Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menetapkan prosedur wang pendahuluan pegawai-pegawai di mana mereka tidak akan dibenarkan mengambil wang pendahuluan lagi sekiranya wang pendahuluan yang terdahulu belum diselesaikan. Pihak pentadbiran juga akan menahan gaji mereka sekiranya mereka tidak menyediakan penyata perbelanjaan selama 30 hari dari tarikh urusan mereka selesai.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri iaitu mengenai apa-apa yang disebutkan oleh beliau mengenai wang pendahuluan berjumlah \$391.169.00 ini terlibat dalam membeli mangkuk piring (cookery) dalam DBKL dengan harga ordernya \$2 juta, tetapi pada masa ini DBKL sudah belanja \$600,000 untuk mangkuk dan pinggan (cookery) itu di DBKL dan juga sama ada wang ini adalah instalment untuk pembelian ini. Kedua, kenapa pegawai DBKL perlukan wang pendahuluan ini, oleh kerana DBKL boleh menggunakan bank guarantee ataupun bank draft untuk membuat pembayaran. Kenapakah pegawai-pegawai DBKL mesti diberikan wang pendahuluan ini?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama pembelian pinggan-mangkuk yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang tidak ada kena mengena dengan wang pendahuluan ini. (*Disampuk*) Ini yang disebut adalah wang pendahuluan diri apabila mana-mana pegawai diberi tugas untuk keluar negeri. Ini memang terdapat perkara biasa dalam prosedur Kerajaan, terdapat dalam General Orders. Mereka boleh dituntut daripada tuntutan elaun perjalanan harian dan

lain-lain, tetapi apabila mereka hendak keluar negeri memang kebiasaannya diberi wang pendahuluan dan sama sekali tidak ada sangkut-paut dengan apa yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang berkaitan dengan pinggan-mangkuk.

AHLI SUKAN/ OLAHRAGAWAN—PRESTASI

9. Puan Hajjah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan berbagai insentif dan kemudahan yang diadakan oleh Kerajaan, mengapakah ahli sukan dan olahragawan kita masih kecundang di arena antarabangsa seperti pemain badminton Rashid Sidek.

Dato' Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengakui bahawasanya atlit kita adakalanya menang, adakalanya kalah dan adalah mustahil untuk kita menang sentiasa. Walaupun demikian, kita bersetuju bahawasanya prestasi pemain badminton negara Rashid Sidek dalam kejohanan di luar Malaysia belum mencapai tahap yang memuaskan. Pihak Persatuan Badminton telah pun mengambil langkah-langkah yang tertentu terutamanya untuk memantapkan kekuatan mental dan psikologikal pemain yang berkenaan. Antara bidang-bidang dan perkara-perkara tindakan yang telah diambil ialah untuk memberikan bimbingan dalam bidang kemahiran kendali-diri (coping skill), kemahiran relaksasi (relaxation skill), kemahiran pemikiran positif (positive thinking skill), kemahiran konsentrasi (concentration skill), kemahiran ulangan-mental (Mental rehearsal skill) dan beberapa perkara lain. Ini telah dipertanggungjawabkan kepada seorang pakar psikologi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya banyak juga kejayaan-kejayaan yang cemerlang selain daripada ketewasan-ketewasan pasukan

negara, misalnya dalam tempoh beberapa bulan yang lalu, kejayaan mengembalikan Piala Thomas, kejayaan memenangi pingat pertama di Sukan Olimpik, kejayaan pasukan Hoki negara menyertai peringkat akhir Olimpik dan yang terbaru sekali ialah pasangan bergu negara Cheah Soon Kit dan Su Beng Keang telah menjuarai lima kejuaraan dunia dan sedang meningkat naik. Di kalangan pasukan remaja negara, pasukan remaja bina badan, remaja hoki, remaja skuasy dan karajudo telah mencapai tahap cemerlang di peringkat dunia.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sebelum itu saya ucapkan tahniah dahulu kerana dapat gelaran "Dato". Soalan tambahan berbangkit di sini, adakah benar ahli sukan dan olahragawan kita menjadi begitu "money face" sekali, mereka pandang daripada segi insentif, bukan memandang kepada kemenangan daripada sukan itu sendiri. Kalau soalan ini benar, apakah tindakan-tindakan Kementerian supaya perkara ini tidak berlaku? Tetapi kalau tidak benar, tindakan supaya jangan berlaku?

Dato' Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian tidak berpendapat bahawa ahli-ahli sukan hanya semata-mata bermain untuk insentif kewangan. Tetapi suka saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, sebarang bentuk insentif yang kita kemukakan adalah juga mengambilkira faktor insentif yang dikemukakan di negara-negara lain.

PENDIDIKAN SEKS DI SEKOLAH—RASIONAL

10. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan rasional, matlamat dan implikasinya ke atas masyarakat mengenai program pendidikan seks yang telah menjadi

pendidikan kesihatan keluarga yang sedang dan akan diajar di sekolah-sekolah.

9-11-92

14. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian telah membuat kajian dengan teliti supaya guru-guru yang terlatih dan mempunyai bahan-bahan yang lengkap bagi pengajaran seks yang akan diwujudkan di sekolah;
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang supaya pengajaran seks disampaikan melalui guru perempuan kepada pelajar perempuan dan guru lelaki kepada pelajar lelaki; dan
- (c) adakah guru-guru untuk pelajaran seks terdiri dari guru-guru biasa atau dipilih khas dan diberi kursus khas berhubung dengan mata pelajaran ini.

24-11-92

12. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kandungan-kandungan sukatan pelajaran sekolah yang akan diajar kepada pelajar-pelajar yang terlibat;
- (b) adakah pelajaran ini juga akan diajar di sekolah-sekolah swasta; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menukarkan nama "Pelajaran Seks" kepada Pelajaran Kesihatan.

25-11-92

17. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah konsep dan matlamat memperkenalkan pendidikan seks di kalangan murid-murid sekolah;
- (b) apakah yang mendorong Kementerian untuk memperkenalkannya tanpa mendapat maklumbalas yang secukupnya sehingga menimbulkan keresahan umum khususnya di kalangan umat Islam negara ini;
- (c) adakah kajian terperinci telah dibuat sebelum memperkenalkannya sehingga Kementerian begitu yakin untuk melaksanakan pendidikan tersebut. Jika ya, pihak manakah yang ditugaskan untuk membuat kajian itu. Jika tidak mengapa; dan
- (d) setakat manakah pandangan para ulama dan Pusat Islam dirujuk dalam memperkenalkan pendidikan seks terhadap murid-murid sekolah yang beragama Islam. Apakah pandangan mereka dan apakah reaksi Kementerian.

9-12-92

19. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh manakah bersungguh-sungguhnya Kerajaan untuk mengadakan kelas ilmu seks ke sekolah-sekolah menengah dan sila terangkan secara kasar kandungan kurikulum yang akan diperkenalkan itu;
- (b) adakah Kerajaan peka terhadap bantahan oleh ibu bapa terhadap cadangan itu. Apakah reaksi Kementerian terhadap bantahan itu;

- (c) oleh kerana pendedahan ilmu seks adalah rambang dan tidak manis menurut akhlak Islam, adakah Kerajaan bercadang untuk memasukkan dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan bahawa ilmu seks tidak boleh diajar di sekolah-sekolah supaya tidak akan ada percubaan lagi untuk memperkenalkannya kelak; dan
- (d) jika sedikit sebanyak ilmu jantina itu patut diketahui oleh murid-murid, adakah memadai jika pengajarannya diserahkan sahaja kepada ustaz dan ustazah yang mengajar ilmu fiqah secara beradab dan penuh santun.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat lagi soalan yang mempunyai maksud yang sama mengenai isu memperkenalkan pendidikan seks di sekolah-sekolah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini. Saya memohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Dr Leo Michael Toyad: Ahli-ahli Yang Berhormat serta tarikh-tarikh soalan tersebut dikemukakan di Dewan Rakyat adalah seperti berikut:

1. Yang Berhormat dari Kota Setar pada 9-11-92
2. Yang Berhormat dari Maran pada 24-11-92
3. Yang Berhormat dari Bachok pada 25-11-92
4. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pada 9-12-92.

Kementerian Pendidikan tidak menggunakan istilah Pendidikan Seks oleh kerana ianya mungkin akan

menbawa satu pengertian yang mengelirukan. Sebaliknya, Kementerian Pendidikan memperkenalkan Pendidikan Kesihatan Keluarga sebagai satu topik yang dimasukkan dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan kepada pelajar-pelajar kita di sekolah menengah. Dalam mata pelajaran ini, unsur-unsur pendidikan kesihatan keluarga yang sesuai diajar kepada pelajar-pelajar sekolah menengah akan dimasukkan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, unsur-unsur pendidikan kesihatan keluarga juga terdapat dalam mata-mata pelajaran yang lain seperti mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan juga mata pelajaran Sains. Matapelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam ada mengaitkan pendidikan kesihatan keluarga dengan penerapan nilai-nilai murni. Matapelajaran Sains pula menjelaskan tentang anatomi manusia dan fungsinya dari segi fakta yang saintifik. Namun begitu, penekanan utama Pendidikan Kesihatan Keluarga diberikan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Sebenarnya, konsep pendidikan kesihatan keluarga telah sedia ada dalam kurikulum sekolah-sekolah menengah (KBSM) melalui mata-mata pelajaran tersebut dengan bermatlamat untuk mewujudkan kesedaran, amalan dan pembentukan gaya hidup rakyat Malaysia yang lebih sihat dan bermoral.

Mengenai kandungan sukatan pelajaran, unsur-unsur pendidikan kesihatan keluarga lebih ditekankan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Antara topik yang akan dibincangkan ialah pengetahuan tentang perubahan fizikal, mental, emosi, rohani dan sosial yang berkaitan dengan perkembangan seksualiti individu. Pengetahuan tentang nilai-nilai yang berkaitan

dengan perkembangan kekeluargaan dan alam keremajaan juga dititikberatkan. Kandungan sukatan ini juga akan menghuraikan beberapa penyakit hubungan jantina yang berpunca daripada gaya hidup manusia yang tidak sihat seperti Gonorrhoea, Sifilis dan AIDS di samping penyakit-penyakit lain seperti penyalahgunaan dadah, barah dan kencing manis.

Kementerian Pendidikan lebih mengamalkan pendekatan secara pencegahan. Justeru itu, Pendidikan Kesihatan Keluarga bukan bermakna pendidikan seks tetapi adalah unsur-unsur pendidikan yang berkaitan dengan seksualiti yang berhubungan dengan kesihatan.

Mengenai keperluan guru pula, Kementerian Pendidikan berpendapatan tidak ada bezanya Pendidikan Kesihatan Keluarga ini diajar oleh guru lelaki atau guru wanita, asalkan mereka dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Manakala guru-guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan pula telah diberikan pendedahan berhubung dengan kandungan Pendidikan Kesihatan Keluarga dalam kurikulum Pendidikan Jasmani dan Kesihatan untuk diajar kepada semua pelajar sekolah menengah. Guru-guru tersebut akan dibekalkan dengan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang berhubungan dengan unsur-unsur Pendidikan Kesihatan Keluarga. Kementerian Pendidikan yakin bahawa implikasi daripada Pendidikan Kesihatan Keluarga ini ke atas masyarakat akan memberikan kesan yang baik. Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkannya sejak dari bangku sekolah lagi.

Kementerian Pendidikan amat peka dengan keperluan masyarakat dan tidak akan melaksanakan sesuatu pembelajaran yang tidak selaras dengan nilai-nilai dan norma-norma hidup masyarakat Malaysia. Setiap kurikulum

yang digubal sentiasa mengambilkira nilai-nilai budaya dan agama masyarakat di negara ini dan tidak sekali-kali diambil secara bulat-bulat dari negara-negara Barat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapam bagi Pertanyaan No. 1, 2, 11 hingga 39 adalah diberi di bawah ini).

ARTIS DI TELEVISYEN— GARISPANDUAN

1. Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Penerangan menyatakan apakah garis panduan perilaku para artis yang muncul dalam program-program hiburan di televisyen selain daripada melarang artis lelaki berambut panjang melebihi paras bahu dan artis perempuan berpakaian menjolok mata.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, segala peraturan-peraturan atau garis panduan bagi para artis untuk muncul dalam program-program hiburan di televisyen adalah semata-mata untuk membantu memupuk nilai baik dalam masyarakat dengan mengurangkan ketahap minima penonjolan budaya yang keterlaluan serta ketara bertentangan dengan budaya ketimuran. Ianya adalah sejajar dengan hasrat matlamat bagi mencapai Wawasan 2020.

Oleh kerana artis mempunyai pengaruh di kalangan generasi muda, melalui garis-garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian melalui RTM memberi tekanan yang sewajar kepada hannya kemunculan artis-artis yang mampu membantu matlamat tersebut di atas. Artis-artis yang diketahui dan dibuktikan mempunyai

perilaku yang tidak sihat dijadikan model akan dikurangkan atau disekat sepenuhnya dari muncul di kaca TV.

Buat masa ini, golongan artis keseluruhannya telah mempunyai perilaku yang baik, hanya kadangkala yang segelintir sahaja yang merosakkan nama artis keseluruhannya. Bak kata pepatah, "disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga".

Yang Berhormat Menteri Penerangan merasakan bahawasanya garis panduan perilaku artis perlu disemak semula dan perlu juga mendapat penglibatan para penglibat industri hiburan di dalam semakan dan merangka garis panduan yang terkini. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan dan dianggotai oleh pertubuhan-pertubuhan seperti SENIMAN, PAPITA, Persatuan Pengeluar Filem, EJA, dan lain-lain akan mengemukakan derafnya beberapa bulan lagi.

HOSPITAL DAERAH RANAU— MASALAH KESESAKAN

2. Dr. Othman bin Minudin minta Menteri Kesihatan menyatakan rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan rumah sakit di daerah Ranau. Kalau ada, apakah rancangan-rancangan itu dan bila akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa Hospital Daerah Ranau masih berupaya menampung keperluan kesihatan penduduk tempatan buat masa ini dan untuk beberapa tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengkaji semula keperluan hospital ini dan jika perlu tindakan akan diambil untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh hospital ini.

BALAI BOMBA DI TUARAN— PEMBINAAN

11. Datuk Monggoh Orow minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai cadangan untuk membina sebuah projek bomba di Tuaran telah pun dibuat dalam Rancangan Malaysia Keempat yang lalu. Pada 20 Oktober 1992 satu kebakaran telah berlaku di pekan Tuaran, dalam mana lima buah bangunan kedai berderet telah musnah dan seorang terkorban, disebabkan ketiadaan perkhidmatan bomba di Tuaran. Memandangkan bahawa Rancangan Malaysia Kelima sudah pun tamat dan sekarang Rancangan Malaysia Keenam sudah separuh jalan; adakah projek ini sudah disingkirkan dan jika ya mengapa? Jika masih dalam Rancangan Malaysia, kenapa lambat dibina dan bilakah ianya akan dibina.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merancang untuk membina sebuah Balai Bomba di Tuaran. Bagi maksud ini, di bawah Rancangan Malaysia Keempat, projek ini telah diluluskan untuk pengambilan tanah sahaja, tetapi di dalam Rancangan Malaysia Kelima, oleh kerana kedudukan kewangan Kerajaan tidak mengizinkan projek ini telah ditangguhkan. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Keenam peruntukan sebanyak \$1.4 juta telah diluluskan.

Pada masa ini agensi pelaksanaan sedang menjalankan kerja-kerja awal seperti ukur dan kajian tanah. Adalah dijangka kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan pada Februari/Mac 1993 dan siap di dalam masa 10-12 bulan.

KRISIS MEKANISMA KADAR PERTUKARAN

12. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada krisis Mekanisme Kadar Pertukaran (Exchange Rate Mechanism) yang melanda Kesatuan Eropah (EC) menjejaskan nilai Ringgit Malaysia dan prestasi perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara EC.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa krisis mata wang di Eropah berpunca daripada spekulasi terhadap mata wang pound Sterling yang makin lemah serta kemelesetan yang makin berterusan dalam ekonomi United Kingdom, berbanding dengan kekukuhan nilai Deutschemarks yang makin meningkat dalam EMS Pound Sterling menghadapi tekanan jualan secara besar-besaran apabila pelabur-pelabur terus menambahkan pembelian Deutschemarks. Pelabur-pelabur telah tertarik kepada kadar faedah yang lumayan di negara Jerman serta dasar-dasar yang lebih kukuh dalam ekonomi Jerman.

Kesan daripada krisis Mekanisma Kadar Pertukaran ini, nilai matawang pound sterling terus lemah. Pada 16 Oktober 1992, nilai pound Sterling telah merosot sebanyak 13.4 peratus terhadap ringgit dan mencapai paras RM4.1291 bagi satu pound Sterling berbanding dengan RM4.7702 bagi satu pound sterling pada 15 September 1992.

Implikasi krisis mata wang Eropah ke atas ekonomi adalah minimal. Ini kerana asas-asas ekonomi Malaysia adalah kukuh. Tambahan pula pihak Kerajaan telah dan terus mengambil beberapa langkah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Dari segi perdagangan dengan EC pula, jumlah perdagangan Malaysia bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 1992 bernilai RM17,697 juta, iaitu jatuh

sebanyak 2.8 peratus berbanding dengan peningkatan sebanyak 24.9 peratus bagi tempoh yang sama tahun 1991. Walau bagaimanapun, eksport ke EC meningkat sebanyak 2.1 peratus bernilai RM9,483 juta berbanding dengan peningkatan sebanyak 43.9 peratus bagi tempoh yang sama tahun 1991. Import pula mengalami kejatuhan sebanyak 7.7 peratus bernilai RM8,848 juta berbanding dengan peningkatan sebanyak 45.6 peratus bagi tempoh yang sama tahun 1991. Secara keseluruhannya, perdagangan Malaysia dengan EC mencatatkan lebihan sebanyak RM998.5 juta bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 1992 berbanding dengan lebihan yang kecil sebanyak RM94.9 juta bagi tempoh yang sama tahun 1991.

Di antara negara anggota EC, perdagangan dengan United Kingdom mencatatkan kemerosotan yang ketara di mana jumlah perdagangan jatuh sebanyak 21.1 peratus bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 1992. Kejatuhan ini disebabkan eksport yang jatuh sebanyak 12.1 peratus, manakala jumlah import jatuh sebanyak 29.4 peratus. Dengan trend ini, lebihan dagangan sebanyak RM254.3 juta telah dicatatkan bagi tempoh tersebut berbanding dengan defisit sebanyak RM353.9 juta bagi tempoh yang sama tahun 1991.

KEKURANGAN DOKTOR— LANGKAH MENGATASI

13. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang memanggil doktor-doktor Malaysia yang berkhidmat di luar negeri balik ke tanah air untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di negara ini sekarang.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk memanggil balik

doktor-doktor warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengalu-alukan warganegara Malaysia yang sedang berkhidmat di luar negeri itu untuk kembali bertugas di Malaysia.

URUSETIA APEC DAN PELAKSANAAN EAEC

14. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada penubuhan Sekretariat APEC akan berlawanan dan menjejaskan cadangan Malaysia untuk EAEC.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Urusetia APEC tidak berlawanan dan tidak akan menjejaskan usaha untuk melaksanakan EAEC.

Perlu diambil ingatan bahawa Urusetia APEC ditubuhkan untuk menyelaras pelaksanaan projek-projek kerjasama forum itu. Dari segi konsepnya, EAEC akan dilaksanakan sebagai satu forum yang berbentuk "consultative" bertujuan memberi suara kepada negara-negara Asia Timur dalam usaha mengukuhkan sistem perdagangan bebas pelbagai hala. Ianya akan juga dapat mengintegrasikan negara-negara membangun di Indo-China dalam sistem perdagangan dunia.

Dalam pertemuan-pertemuan yang telah diadakan dengan beberapa negara Asia Timur, adalah diperhatikan bahawa mereka memahami rationale bagi EAEC. Negara-negara tersebut sedang menunggu ASEAN untuk menyiapkan butir-butir bagi melaksanakan EAEC. Setiausaha Agung ASEAN telah pun menyediakan laporan lengkap yang menghuraikan pendekatan-pendekatan untuk pelaksanaan EAEC. Laporan ini telah pun dimaklumkan kepada Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN di Manila pada 22-23 Oktober, 1992 dan

akan seterusnya dibincangkan mengikut proses yang ditetapkan dalam ASEAN. Proses ASEAN ini perlu dilalui supaya EAEC dapat dilaksanakan sebagai cadangan ASEAN.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE IRELAND—HASIL PERSETUJUAN

15. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Luar Negeri menyatakan fakta utama yang dipersetujui di antara Malaysia dan Ireland semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Ireland baru-baru ini dan bagaimanakah fakta-fakta yang telah dipersetujui ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua Ireland dan Malaysia.

Dato' Dr. Abdullah Fadil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Ireland pada 22-25 September 1992, Malaysia dan Ireland telah mencapai persetujuan dalam berbagai bidang termasuk politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain.

Dari segi politik, kedua pemimpin telah berbincang mengenai berbagai isu antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama. Di antara lain, mereka telah bersetuju bekerjasama untuk mencari penyelesaian kepada masalah Bosnia-Herzegovina, meningkatkan kerjasama ASEAN-Kesatuan Eropah dan penyusunan semula Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu supaya menjadi lebih berkesan dan mempunyai pendekatan seimbang dan adil terhadap isu-isu antarabangsa.

Berkaitan dengan bidang ekonomi pula, persetujuan telah dicapai mengenai perkhidmatan udara di antara Malaysia dan Ireland. Negara tersebut menunjukkan sikap yang positif dan bersedia memberi hak mendarat di Lapanganterbang Shannon kepada Sistem Penerbangan Malaysia apabila ia berkehendakkan kemudahan tersebut. Di samping itu, kedua-dua negara

bersetuju mengadakan rancangan latihan dalam bidang penerbangan, menggalakkan pelancongan menerusi syarikat penerbangan masing-masing dan juga dalam pengurusan lapangan-terbang.

Sementara itu, satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara Kumpulan Perubatan Johore Sdn. Bhd. dan PARC Ltd; untuk bekerjasama di dalam bidang penjagaan kesihatan dan juga dalam pengurusan lapangan-terbang.

Berhubung dengan bidang pendidikan, Ireland telah bersetuju untuk menawarkan tempat tambahan bagi penuntut-penuntut Malaysia di dalam institut-institut pengajian tingginya khasnya bagi jurusan perubatan dan pergigian. Kedua-dua negara juga akan mengkaji kemungkinan untuk mengadakan program-program 'twinning' di antara Universiti dan Kolej tertentu negara masing-masing.

Adalah jelas bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Ireland menandakan satu permulaan yang baru bagi hubungan dua hala kedua negara. Perseetujuan yang dicapai dalam berbagai bidang pasti akan mengerat dan meningkatkan lagi hubungan dua hala khasnya dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

JUMLAH JUTAWAN YANG TIDAK MEMBAYAR CUKAI

16. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah jutawan yang tidak membayar cukai;
- (b) kategori atau bidang perniagaan yang diceburi mereka;
- (c) jumlah cukai yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan dalam tempoh 5 tahun yang lalu;
- (d) apakah tindakan yang sudah diambil oleh Kerajaan terhadap mereka ini; dan

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan belum pernah mengesan seseorang jutawan yang tidak membayar cukai pendapatan. Oleh itu, Kementerian ini tidak dapat memaklumkan mengenai jumlah jutawan yang tidak membayar cukai, bidang perniagaan yang diceburinya dan jumlah cukai yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, penyiasatan pernah dijalankan ke atas jutawan yang mengisytiharkan pendapatan kurang daripada jumlah yang sebenarnya untuk mengelak dari membayar jumlah cukai pendapatan yang lebih tinggi. Penyiasatan tersebut mendapati antara bidang perniagaan yang diceburi adalah sektor pengilangan, pembalakan, perumahan, perniagaan serta perkhidmatan.

Jabatan Hasil Dalam Negeri sentiasa berusaha mengesan dan seterusnya mengambil tindakan tegas ke atas setiap kes pengelakan cukai pendapatan di kalangan orang perseorangan dan juga syarikat tanpa mengira jumlah cukai yang terlibat supaya setiap jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar dapat dipungut.

LAPANGAN TERBANG IPOH—PENDARATAN WAKTU MALAM

17. Tuan Haji Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah agaknya lapangan terbang baru akan dibina di Perak Darul Ridzuan memandangkan lapangan terbang yang ada di Ipoh tidak lengkap dan sesuai bagi pendaratan pesawat-pesawat besar dan juga pendaratan di waktu malam dan jumlah pelancong-pelancong ke Negeri Perak pula semakin bertambah dari tahun ke tahun.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh sudah berkeupayaan untuk mengendalikan pendaratan pesawat B.737. Kerajaan berpendapat kemudahan-kemudahan yang terdapat di lapangan terbang ini, termasuk bangunan terminal sudah berkeupayaan untuk mengendalikan permintaan trafik dalam beberapa tahun yang akan datang. Operasi waktu malam ke lapangan terbang ini akan dimulakan semula sebaik sahaja alat-alat perhubungan yang sekarang ini tidak berfungsi sepenuhnya dapat dipulihkan.

KENAIKAN HARGA IKAN DAN SAYURAN—LANGKAH MENGATASI

18. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Tindakan jangka pendek dan panjang untuk mengatasi soal kenaikan angkaunjuk Harga Pengguna, khasnya kenaikan harga ikan dan sayuran;
- (b) Jumlah hasil tangkapan ikan dan keluaran tanaman sayuran negara sekarang;
- (c) berapa banyakkah keperluan ikan dan sayuran di dalam negara sekarang; dan
- (d) berapakah jumlah eksport dan import ikan dan sayuran negara.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian sentiasa berusaha untuk membendung kenaikan harga bahan makanan terutama sayur-sayuran dan ikan. Langkah jangka pendek yang diambil bagi tujuan tersebut adalah dengan menambah bekalan ikan dan sayur-sayuran melalui galakan pengeluaran

tempatan dan dengan cara mengimport bahan-bahan tersebut dari luar negeri terutama semasa musim-musim perayaan. Kementerian juga akan menentukan bahan-bahan makanan seperti ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan yang dihasilkan oleh petani dapat dipasarkan terus kepada pengguna melalui pasar-pasar tani, pasar borong tani dan operasi urusetia yang dikendalikan oleh FAMA sendiri. Dengan cara ini kos pemasaran dapat dikurangkan dan seterusnya harga bagi komoditi tersebut dapat dikurangkan.

Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian melalui agensi-agensi yang berkaitan sedang berusaha meningkatkan lagi pengeluaran ikan dan sayur-sayuran melalui beberapa langkah seperti berikut:

1. Pengeluaran Ikan

- (i) Menggiatkan lagi perkembangan industri ikan laut melalui usahasama dengan syarikat negara asing yang maju dalam penangkapan ikan laut dalam dan akuakultur supaya bekalan ikan dapat ditingkatkan;
- (ii) Memperluaskan operasi penangkapan ikan laut dalam ke kawasan-kawasan yang mempunyai sumber ikan yang masih belum diterokai seperti di Sabah, Sarawak dan Labuan;
- (iii) Menggiatkan usaha mengawal sumber ikan daripada berkurangan terutama di kawasan perairan pantai;

2. **Pengeluaran Sayur-Sayuran**

- (i) Meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran tempatan melalui konsep sepadu seperti satu kampung satu komoditi;
- (ii) Membuka kawasan baru pengeluaran sayur-sayuran dengan menggalakkan pertukaran tanah sawah terbiar;
- (iii) Menerokai kawasan baru tanah tinggi bagi pengeluaran sayur-sayuran jenis 'temperate' di Ulu Kelantan, Sarawak dan Sabah.
- (iv) Menambah bilangan kemudahan bilik-bilik sejuk bagi menyimpan ikan dan sayur-sayuran semasa pengeluaran yang berlebihan;
- (v) Menambah bilangan pasar-pasar tani di seluruh negara;
- (vi) Meningkatkan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti pengeluaran sayur-sayuran dan ikan.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti yang dinyatakan di atas, saya yakin harga bahan-bahan makanan seperti ikan dan sayur-sayuran dapat dikurangkan.

- (b) Jumlah hasil tangkapan ikan pada tahun 1991 ialah 915,200 tan metrik. Manakala jumlah keluaran sayur-sayuran negara ialah 629,413 tan metrik.
- (c) Keperluan ikan negara pada masa ini dianggarkan sebanyak 650,626 tan metrik. Anggaran penggunaan ikan kapita pada masa ini ialah 36 kg./ seorang/ setahun. Sementara keperluan sayur-sayuran pula telah dianggarkan sebanyak 831,736 tan metrik.
- (d) Jumlah keseluruhan eksport bagi ikan sehingga Jun 1992 bernilai \$365 juta. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$64.8 juta terdiri daripada ikan basah dan dibekukan, manakala selebihnya adalah ikan yang telah diproses. Nilai eksport sayur-sayuran pula bernilai \$62.6 juta. Nilai import bagi semua jenis ikan yang dicatatkan sehingga Jun 1992 bernilai \$286 juta. \$178.4 juta terdiri daripada ikan basah dan dibekukan, manakala selebihnya ikan yang telah diproses. Sementara itu, nilai import bagi sayur-sayuran pula ialah sejumlah \$198.6 juta bagi tempoh yang sama.

PENDATANG TANPA IZIN— PENGHANTARAN PULANG

19. Tuan George Sangkin minta Perdana Menteri menyatakan tindakan-tindakan berterusan yang diambil oleh Kementeriannya untuk menghantar pulang pendatang-pendatang tanpa izin ke negara asal mereka. Juga apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menghantar pulang pendatang-pendatang tanpa izin itu yang sudah tinggal sekian lama di Kg. Marak Parak, Kota Marudu dan di Kg. Badarang Kurina serta Kg. Tanah Merah dalam daerah Kudat, Sabah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, tindakan penangkapan dan penghantaran balik Pendatang Luar Negeri (PLN) yang dikenalpasti sebagai Pendatang Tanpa Izin adalah merupakan suatu proses yang berterusan. Tindakan-tindakan tersebut telah, sedang dan akan terus dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasa yang ada iaitu oleh Jabatan Imigresen, Polis dan Jabatan Buruh.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak bulan Januari 1990 hingga September 1992, seramai 20,878 orang telah dihantar kembali ke negara asal masing-masing. Sementara itu, terdapat sejumlah 13,736 orang Pendatang Luar Negeri yang kembali secara sukarela ke negara asal masing-masing. Ini bererti sejak tahun 1990 hingga September 1992, seramai 34,614 orang telah meninggalkan negara ini.

Berhubung dengan kedudukan Pendatang Luar Negeri yang tinggal di Kg. Marak Parak, Marudu dan Kg. Badarang Kurnia serta Kg. Tanah Merah dalam daerah Kudat, usaha-usaha sedang diambil bagi menentukan kategori mereka. Tindakan-tindakan yang bersesuaian akan diambil berdasarkan kepada kategori tersebut. Bagi Pendatang Luar Negeri yang tergolong dalam kategori Pendatang Tanpa Izin, tindakan penangkapan dan penghantaran balik akan diambil terhadap golongan tersebut.

PROGRAM USAHAWAN MUDA— KEBERKESANAN

20. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (i) Apakah program-program yang dirancang mengenai Pembangunan Usahawan Muda (PUM).

- (ii) Apakah keberkesanan; dan
- (iii) Apakah tindakan susulan yang akan diambil terhadap program ini.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Program Usahawan Muda mula diperkenalkan di Sekolah Menengah pada tahun 1989 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan pensyarah-pensyarah Universiti Pertanian Malaysia. Pada peringkat awal program ini dapat dilaksanakan kepada 2 buah sekolah sahaja, tetapi pada tahun 1992 sebanyak 29 buah sekolah dengan 2,320 penuntut telah terlibat di dalam program ini dengan kerjasama pensyarah-pensyarah universiti-universiti lain.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam masa yang sama, Kumpulan Industri Elektronik Malaysia—Amerika Syarikat memulakan program seumpama ini di 21 buah sekolah dan pihak ESSO pula menaja 3 buah sekolah.

Program di Sekolah Menengah telah mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan dan akan diambil alih olehnya di bawah Program Usahawan Remaja. Kementerian Perusahaan Awam akan terus membantu di dalam melaksanakan Program Usahawan Remaja Kementerian Pendidikan di samping meneruskan Program Usahawan Muda di Maktab-maktab Sains MARA (MRSM) dan sekolah-sekolah di luar Kementerian Pendidikan.

Di antara aktiviti-aktiviti yang terlibat di dalam Program Usahawan Muda ini meliputi, mengenalpasti produk yang

ingin diniagakan, cara-cara untuk mendapat modal bagi memulakan perniagaan, cara pendaftaran syarikat, perjalanan perniagaan dan pembubaran syarikat. Aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan secara teori dan amali di dalam tempoh antara 16-18 minggu.

- (ii) Semenjak 3 tahun program ini dilancarkan, kajian terperinci terhadap keberkesanan belum dijalankan tetapi hasil dari soal-selidik yang dijalankan, oleh pensyarah universiti secara rambang didapati ianya menunjukkan satu kesan yang positif terhadap pelajar berkenaan. Di antaranya ialah:

(a) Kesedaran dan minat untuk berniaga di kalangan penuntut telah meningkat. Ini dapat dilihat apabila terdapat penuntut-penuntut yang ingin meneruskan perniagaan walaupun tempoh program telah tamat.

(b) Telah wujud ciri-ciri mengamalkan kerja secara kumpulan termasuk semasa menjalankan kegiatan perniagaan serta latihan-latihan di dalam kelas, di mana sebelum ini ianya tidak begitu ketara.

(c) Terdapat di setengah sekolah, pencapaian dari segi akademik meningkat bagi peserta-peserta yang mengikuti Program Usahawan Muda.

- (iii) Memandangkan sambutan yang positif dari semua pihak, program ini akan diteruskan secara berperingkat-peringkat, tertakluk kepada peruntukan

kewangan dan kemampuan tenaga-tenaga yang diperlukan bagi menjayakan program ini.

PELABURAN MALAYSIA DI VIETNAM—PENCAPAIAN

21. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat manakah usaha-usaha pelabur-pelabur Malaysia ke Vietnam sudah mengambil langkah dan dalam bidang manakah pelabur-pelabur kita telah dipanggil untuk melabur ke Vietnam. Apakah prospek masa hadapan.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa dan akan terus berusaha untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara Vietnam.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil setakat ini adalah seperti berikut:

- (i) Menghapuskan sekatan lawatan ke atas rakyat untuk melawat Vietnam dan sebaliknya;
- (ii) Menubuhkan Pejabat Perdagangan Malaysia di bandar Ho Chi Minh untuk membantu ahli-ahli perniagaan Malaysia yang ingin berurusniaga di Vietnam;
- (iii) Menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan, Perjanjian Kerjasama Pos dan Telekomunikasi, Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal dan Perjanjian Perdagangan;
- (iv) Menggalakkan pembukaan projek-projek usahasama antara sektor swasta Malaysia dengan

pihak berkuasa Vietnam, khususnya dalam sektor perlombongan, pembinaan, perkhidmatan institusi kewangan, pengeluaran minyak mentah, perkhidmatan telekomunikasi dan perhotelan; dan

- (v) Pemberian galakan cukai seperti diumumkan dalam Belanjawan 1991 bagi pelaburan Malaysia di luar negeri yang diluluskan.

Pihak swasta sendiri telah mengambil beberapa inisiatif untuk melabur di Vietnam. Di antaranya termasuklah:

- (i) Missi pelaburan perdagangan ke Vietnam yang dianjurkan oleh pihak swasta seperti FMM, dan Dewan-dewan Perniagaan;
- (ii) Penubuhan Pejabat-pejabat Perwakilan (representative office) oleh pihak swasta di bandar Ho Chi Minh;
- (iii) Penglibatan pihak swasta dalam satu konsortium untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai zon pemerosesan eksport (Export Processing Zone) di Vietnam; dan
- (iv) Penubuhan satu persatuan di kalangan pihak swasta bagi mengkaji peluang-peluang pelaburan di negara-negara selatan termasuk Vietnam.

Setakat ini terdapat 10 syarikat Malaysia telah melabur di Vietnam dengan jumlah pelaburan dianggarkan sebanyak RM220 juta. Bidang-bidang yang diceburi termasuklah petroleum, telekomunikasi, bank, perhotelan dan pelancongan, dan pembuatan.

Prospek pelaburan Malaysia di Vietnam adalah cerah berdasarkan bahawa sikap terbuka Kerajaan Vietnam terhadap pelaburan asing termasuk Malaysia dan potensi pasaran yang besar dengan bilangan penduduk seramai 70 juta orang.

DASAR PERTAHANAN MALAYSIA

22. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Pertahanan memandangkan negara-negara besar seperti Amerika Syarikat telah mengurangkan perbelanjaan Angkatan Tentera, apakah sebenarnya dasar pertahanan Malaysia. Apakah sebabnya Kerajaan hendak mempertingkatkan perbelanjaannya. Sejak adanya MOU (Memorandum of Understanding) dengan United Kingdom, berapa jenis dan berapa banyakkah senjata yang telah dibeli dan akan dibeli dari United Kingdom dan juga negara-negara lain dan berapakah jumlah perbelanjaannya. Selain daripada RM6 bilion yang diperuntukkan untuk pertahanan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan RM2-RM3 bilion untuk MOU tersebut, berapa banyak lagikah yang akan diperuntukkan.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, tujuan dasar pertahanan Malaysia adalah untuk melindungi kepentingan nasional dan mengekalkan keselamatan negara. Dasar pertahanan Malaysia adalah berasaskan prinsip berdikari (self-reliant), kerjasama serantau (regional cooperation) dan bantuan luar (external assistance).

Dasar Pertahanan Negara juga adalah menyokong dan sealiran dengan dasar dalam dan luar negeri. Untuk mencapai hasrat atau objektif ini, Malaysia memerlukan angkatan tentera yang berkemampuan untuk mempertahankan negara di samping kemampuan untuk mendapatkan bantuan luar apabila keadaan memerlukan.

Malaysia di dalam ertikata sebenarnya tidak meningkatkan perbelanjaan pertahanannya. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima (RMK 5) perbelanjaan pertahanan telah dikurangkan. Untuk menampung

keperluan yang telah dibekukan pada tempoh RM5, perbelanjaan pertahanan di tempoh RM6 perlu dipertingkatkan. Sebahagian besar perbelanjaan pertahanan bagi tempoh RM6 adalah bagi mengganti alat peralatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah usang dan ketinggalan zaman, serta memodenkan ATM dengan peralatan yang lebih canggih.

Sejak MOU ditandatangani di antara negara Britain dan Malaysia, empat kontrak telah ditandatangani, iaitu untuk perolehan Radar Martello, Sistem C31 (Command, Control, Communications dan Intelligence System), Pesawat HAWK dan Kapal Frigate. Kementerian saya sedang mengkaji beberapa kemudahan dan peralatan lain yang mungkin diperolehi daripada pihak British, seperti pembinaan kompleks-komplek di Mersing dan Gemas untuk Tentera Darat. Kontrak-kontrak yang telah ditandatangani dengan pihak British berjumlah lebih kurang RM5 bilion.

Sepertimana yang Berhormat daripada Kepong sedia maklum, Kementerian saya telah diperuntukkan sebanyak RM6,010 juta bagi tempoh RM6, dan peruntukan ini memang tidak mencukupi untuk menampung keperluan semasa Kementerian Pertahanan. Kerajaan sedang mengkaji secara mendalam keperluan sebenar Kementerian saya, dan sebaik sahaja satu keputusan muktamad dibuat, perkara ini akan dimaklumkan supaya projek-projek baru dapat dilaksanakan untuk meningkatkan keupayaan ATM untuk mempertahankan negara.

PAMPASAN DARI KERAJAAN JEPUN

23. Tuan Wong Wing On minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedia mengadakan perundingan dengan Kerajaan negeri Jepun demi mendapat pampasan untuk rakyat Malaysia dan atau anak-cucu

mereka yang dibunuh atau dcederakan oleh tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua, jika ya, bagaimana mereka boleh berkerjasama dengan pihak berkuasa; jika tidak, kenapa.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak berhasrat untuk mengadakan perundingan dengan Kerajaan Jepun demi mendapat pampasan untuk rakyat Malaysia dan/atau anak-cucu mereka yang dibunuh atau dcederakan oleh tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Isu ini telah pun diselesaikan setelah Jepun bersetuju memberi sebanyak RM25 juta kepada Malaysia sebagai "pembayaran muhibbah" (goodwill payment). Jumlah ini telah dipersetujui dalam satu perjanjian yang ditandatangani pada 26 September 1967. Wang ini bertujuan untuk membantu kita dalam melancarkan Syarikat Perkapalan Nasional kita sendiri dan dengan bantuan tersebut kita telah pun memberi dua buah kapal untuk Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad. Dengan yang demikian masalah ini tidaklah berbangkit lagi.

Buat masa sekarang, hubungan Malaysia-Jepun begitu baik sekali. Sejak sepuluh tahun yang lepas, Kerajaan Jepun telah banyak memberikan sumbangan kearah pembangunan ekonomi Malaysia melalui geran di dalam pelajaran melalui geran di dalam pelajaran, program-program latihan, pelaburan dan perdagangan.

LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN INFLASI

24. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan selain daripada dasar kewangan yang ketat sejak 1989 untuk mengawal inflasi apakah langkah-langkah lain yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan supaya objektif

jangka panjang Kerajaan untuk mengurangkan kadar inflasi ke tahap 2-3% dapat dicapai. Adakah tiada kemungkinan dasar kewangan Kerajaan ini yang membenarkan kadar faedah meningkat dan mengetatkan syarat-syarat untuk pinjaman pengguna (consumer credit) akan mengakibatkan kelembapan dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1993.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab pada 21 Oktober 1992 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru.

KERETA PROTON SAGA MENGUNAKAN MINYAK SAWIT

25. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kesannya minyak kelapa sawit digunakan sebagai bahan bakar bagi kenderaan Mercedes Benz model 250D berenjin EISBETT setakat ini. Adakah Kementeriaannya bercadang menguji kegunaan minyak sawit bagi kereta Proton Saga.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, PORIM telah menjalankan ujian ke atas enjin ELSBETT yang dipasang kepada kereta Mercedes Benz model 190D pada tahun lepas. Kereta tersebut telah berjalan sejauh 45,000 kilometer dengan menggunakan minyak sawit mentah dan prestasi yang dicapai adalah sangat memuaskan. Enjin tersebut dapat mengurangkan kadar pengeluaran asap hitam dan adalah 30% lebih efisien jika dibandingkan dengan enjin disel petroleum biasa.

Pada masa ini sebuah kereta Mercedes Benz model 250D telah dipasangkan dengan enjin ELSBETT dan beberapa buah kereta lagi akan diuji dengan menggunakan minyak sawit

mentah sebagai bahan bakar. Untuk makluman Ahli Yang terhormat, enjin ini juga boleh menggunakan berbagai minyak sayuran yang lain jika dikehendaki serta diesel petroleum biasa.

Berdasarkan kepada pengujian ke atas kereta-kereta ini, kemungkinan pada masa hadapan, enjin tersebut boleh digunakan sebagai penjana kuasa elektrik, enjin bagi pam air dan jentera pertanian. Selepas makluman-makluman lengkap diperolehi daripada pengujian tersebut, kemungkinan minyak sawit mentah digunakan sebagai bahan bakar untuk kereta Proton Saga akan diteliti.

KESTABILAN NILAI RINGGIT

26. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam menstabilkan nilai ringgit akibat krisis mekanisme kadar pertukaran wang di kalangan beberapa negara anggota Kesatuan Eropah sekarang.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab pada 19 Oktober 1992, semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan.

TATA PERILAKU PARA PEMIMPIN

27. Dr. Kua Kia Soong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan berniat membentuk satu Tata Perilaku untuk para pemimpin Kerajaan supaya meletak jawatan apabila mereka sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah;
- (b) sama ada wujudnya kredibiliti apabila Perdana Menteri memuji Datuk Bandar Kuala Lumpur

kerana meletakkan jawatannya semasa disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah, manakala Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pula enggan berbuat demikian; dan

- (c) sama ada Perdana Menteri gagal menjalankan tanggungjawabnya kerana mengarahkan Menteri yang berkenaan untuk meletakkan jawatannya semasa disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah atas sebab disyaki melibatkan diri dengan tindakan rasuah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan pertama dan sekaligus menjawab soalan-soalan kedua dan ketiga daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan kerana soalan-soalan tersebut mempunyai asas yang sama dan berkisar kepada satu persoalan pokok.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Badan Pencegah Rasuah menjalankan siasatan sesebuah kes rasuah itu ialah untuk mengumpulkan keterangan-keterangan bagi mengesahkan sama ada maklumat atau aduan rasuah yang dilaporkan itu benar atau sebaliknya. Oleh yang demikian, selagi siasatan masih dijalankan, orang-orang yang ditohmah dan belum dibuktikan bersalah, adalah dianggap tidak bersalah di bawah undang-undang. Dengan lain perkataan, "a man remains innocent until proven guilty" dengan izin.

Justeru itu, Kerajaan tidak berniat untuk membentuk apa-apa Tata Perilaku untuk para pemimpin seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sekiranya orang-orang yang sedang disiasat oleh BPR memutuskan sendiri untuk meletakkan jawatan, maka ianya

merupakan hak kebebasan individu. Oleh yang demikian, persoalan-persoalan seterusnya tidak berbangkit.

PENEBAANGAN HUTAN PAYA BAKAU—TINDAKAN

28. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar kebanyakan hutan paya bakau di daerah Klang, Pelabuhan Klang, Kuala Selangor dan pulau-pulau sekitar telah ditebang dan dibersihkan untuk pembangunan dan ini mengakibatkan hakisan pantai, banjir, pencemaran dan pemusnahan hidupan laut, jika sedar, apakah tindakan Kementerian yang diambil selama ini berikutan kejadian penebangan hutan paya bakau yang menjadi-jadi itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan hutan bakau adalah di bawah bidangkuasa pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, sebarang penebangan hutan-hutan bakau adalah diawasi dan dikawal oleh pentadbiran Kerajaan-kerajaan negeri masing-masing.

Sesuatu projek pembangunan yang melibatkan penebangan kawasan hutan, termasuk hutan bakau, jika sekiranya tertakluk dengan keperluan menyediakan Kajian Penilaian Alam Sekeliling (EIA), di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, maka pengusaha projek berkenaan hendaklah mengemukakan laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini jabatan tersebut masih belum menerima laporan EIA mengenai pelaksanaan projek-projek yang melibatkan penebangan hutan bakau di kawasan-kawasan berkenaan.

BANGUNAN SEKOLAH, ASRAMA DAN PERALATAN SEKOLAH

29. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) dalam keadaan kewangan dan prestasi ekonomi yang telah pulih sekarang dalam jangka berapa tahunkah Kementerian boleh memperbaiki dan menambah untuk mencukupi peruntukan bangunan sekolah, asrama, bilik makan, tandas dan kelengkapan sekolah yang lama, usang dan tidak sesuai di negara ini;
- (b) dalam jangka berapa tahunkah dasar peningkatan tahap untuk memperbaiki bangunan sekolah, asrama, bilik makan, tandas dan kelengkapan sekolah di Sarawak terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar boleh selesai; dan
- (c) adakah Kementerian membuat kajian dan mengenalpasti sekolah-sekolah terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar yang perlukan pembaikpulih atau bina semula. Dan berapakah peruntukan diberi untuk tujuan ini mengikut negeri.

Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

Jawapan bagi (a) dan (b).

Secara keseluruhannya keperluan sekolah, asrama, peralatan dan lain-lain kemudahan sekolah sentiasa bertambah dari tahun ke tahun selaras dengan pertambahan penduduk. Oleh itu, kemudahan fizikal pembelajaran berkenaan perlu disediakan setiap tahun. Kemudahan pembelajaran mungkin cukup pada tahun ini, tetapi tidak pada tahun hadapan.

Oleh itu, usaha-usaha menyediakan peruntukan untuk melengkapkan keperluan fizikal dan kelengkapan sekolah dalam sistem pembelajaran tiada penghujungnya selagi rakyat memerlukan pendidikan termasuklah di negeri Sarawak.

- (c) Kementerian sentiasa cuba memastikan kemudahan fizikal pembelajaran selamat untuk digunakan sama ada di bandar atau di luar bandar. Setiap tahun Kerajaan menyediakan peruntukan bagi tujuan memperbaiki, mengubahsuai, menaiktaraf dan menggantikan bangunan dan kemudahan di sekolah. Dalam tempoh RM6 Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$120 juta bagi tujuan berkenaan untuk sekolah-sekolah menengah dan rendah. Pembahagian tidak dibuat mengikut negeri tetapi berdasarkan kepada keperluan.

MAJLIS BAHASA BRUNEI/ INDONESIA/MALAYSIA

30. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak kesepakatan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia dan sekarang termasuk Brunei, apakah hasilnya. Apakah yang telah dicapai oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia dan berapa buah bukukah yang telah dicetak mengenai pedoman ejaan dan sebutan setakat ini. Ketika Malaysia melaksanakan ejaan baru dan bahasa baku, setakat manakah Indonesia dan Brunei melaksanakannya. Adakah kesepakatan ini dituruti oleh Singapura.

Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) yang ditubuhkan pada tahun 1972 telah bertukar menjadi Majlis Bahasa Brunei

Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) pada tahun 1985. Kerjasama dalam bidang bahasa ini telah berjaya menghasilkan beberapa kemajuan dari segi pemantapan dan penyelarasan mutu bahasa dan peningkatan penggunaan bahasa Melayu bagi rantau ini, khasnya dalam bidang penyelarasan sistem ejaan dan pembinaan istilah. Sehingga kini tiga belas penerbitan mengenai pedoman ejaan, istilah dan perkamusan telah dicetak dan diterbitkan oleh Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM).

Sejak penubuhan Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia pada tahun 1972, jawatankuasa ini telah berjaya menghasilkan lapan penerbitan tentang pedoman ejaan dan peristilahan untuk kegunaan umum di Malaysia.

Selain daripada itu jawatankuasa ini juga menjadi penasihat kepada penggunaan pedoman ejaan Rumi dan sebutan baku. Ketika Malaysia melaksanakan ejaan baru dan bahasa baku pihak Indonesia juga telah melaksanakan persetujuan-persetujuan tentang ejaan dan peristilahan yang dicapai oleh MBIM//MABBIM sejak dari awal sebagaimana yang dilaksanakan oleh Malaysia. Tentang sebutan baku, pihak Indonesia telah menggunakannya dalam komunikasi formal lebih awal daripada di Malaysia.

Sementara itu Brunei Darussalam mula melaksanakan penggunaan ejaan Rumi baru yang sama dengan penggunaan di Malaysia dan di Indonesia pada tahun 1982.

Singapura juga telah mengambil bahagian dalam kegiatan kesepakatan kebahasaan serantau ini dengan penyertaan mereka dalam MABBIM sebagai Pemerhati bermula tahun 1985. Pihak Singapura telah menggunakan sistem ejaan Rumi yang sama dengan yang digunakan di Malaysia dan Indonesia. Tentang sebutan baku, pihak

Kerajaan Singapura telah bersetuju dengan cadangan daripada Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura untuk melaksanakan penggunaan sebutan baku di peringkat tahun satu sekolah bermula tahun 1993.

KEGIATAN SULIT YANG MENCEMARKAN NAMA BAIK PERDANA MENTERI

31. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Penerangan menyatakan nama dan kegiatan 2 orang pegawai Bahagian Hal Ehwal Khas di Jabatan Penerangan digesa menjalankan kegiatan sulit untuk mencemarkan nama baik dan menjatuhkan Perdana Menteri yang telah dikatakan oleh Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan pada 20-9-92 di Kuantan, Pahang.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin, supaya bersama-sama dengan soalan ini dapat menjawab soalan Y.B. dari Seputeh yang dijadualkan dijawab pada 10-12-1992.

Laporan akhbar yang menyatakan dua orang pegawai Bahagian Hal Ehwal Khas, Jabatan Penerangan adalah penulisan laporan yang tidak jelas berpunca dari salah tafsiran oleh pihak pemberita ke atas apa yang dinyatakan oleh Y.B. Setiausaha Parlimen.

Sukacita dimaklumkan, bahawa tidak ada walau seorang pun pegawai Bahagian Khas yang menjalankan kegiatan sulit sepertimana dipersoalkan. Malahan, Kementerian Penerangan sangat berpuas hati di atas peranan yang dimainkan oleh anggota-anggota Bahagian Hal Ehwal Khas dan Jabatan Perkhidmatan Penerangan.

**PERMASALAHAN BOSNIA-
HERZEGOVINA—RUMUSAN
SIDANG KEMUNCAK NAM**

32. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan berpuashati dengan hasil dan rumusan Sidang Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Jakarta baru-baru ini, khususnya yang berkaitan dengan permasalahan Bosnia-Herzegovina;
- (b) adakah benar bahawa terdapat negara-negara tertentu tidak menyetujui ketetapan untuk mengutuk Serbia-Montenegro dalam tragedi yang menimpa rakyat dan umat Islam Bosnia. Jika benar, nyatakan negara-negara itu dan sebab-sebab pendirian mereka; dan
- (c) apakah langkah-langkah susulan yang diambil oleh Kerajaan dalam melaksanakan ketetapan NAM mengenai permasalahan Bosnia-Herzegovina.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Pada keseluruhannya kita berpuas hati dengan hasil dan rumusan sidang kemuncak NAM di Jakarta baru-baru ini.

Sidang kemuncak tersebut telah dapat mengukuhkan lagi azam ahli pergerakan untuk lebih bersepadu dalam mengatasi masalah-masalah yang mengancam kepentingan negara sedang membangun. Pergerakan ini telah meluluskan pembentukan mekanisme misalnya penubuhan Kumpulan Kerja Peringkat Tinggi untuk mengkaji penyusunan-semula Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sidang Kemuncak itu juga memberi mandat kepada Pengerusi Pergerakan Negara-negara

Berkecuali untuk mengadakan mesyuarat khas Ketua-ketua negara ahli pergerakan untuk membincangkan soal-soal penting yang melibatkan pergerakan tersebut.

Kita juga berpuas hati dengan pendirian yang diambil oleh pergerakan itu mengenai isu Bosnia-Herzegovina yang mana Malaysia telah memainkan peranan yang aktif.

Pergerakan Negara-negara Berkecuali dalam 'Watikah Muktamad' (Final Document) telah mengutuk dasar 'penghapusan kaum' (ethnic cleansing) yang dilakukan oleh kaum Serb ke atas rakyat Bosnia dan juga menggesa supaya diberhentikan sebarang penguasaan dan perampasan wilayah Bosnia.

- (b) Ada beberapa negara Afrika yang tidak mahu menyoalkan keahlian Yugoslavia di NAM atau mengutuk kekejaman serta pelanggaran hak asasi manusia di Bosnia-Herzegovina oleh Serbia. Pendirian yang diambil oleh negara-negara ini adalah berlandaskan kepada prinsip mereka bahasa Pergerakan Negara-negara Berkecuali tidak seharusnya mempersoalkan dan membincangkan isu-isu mengenai ahli-ahli ataupun menjadi forum pergerakan untuk mengutuk ahli-ahlinya.

Namun begitu, negara-negara ini akhirnya tidak mambantah perenggan yang mengutuk keganasan dan pencabulan hak asasi yang dilakukan ke atas penduduk Bosnia-Herzegovina, dalam Watikah Muktamad (Final Document) Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali tersebut. Cuma

Yugoslavia sahaja yang merakamkan 'reservation'nya terhadap perenggan berkenaan.

- (c) Pergerakan Negara-negara Berkecuali di Sidang Kemuncak Jakarta tidak mengambil ketetapan tertentu mengenai isu Bosnia-Herzegovina. Pergerakan tersebut telah mengutuk keras kekejaman dan pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan ke atas rakyat Bosnia. Saranan tegas pergerakan itu yang dimuatkan di Watikah Muktamadnya merupakan satu tekanan politik kepada pihak Serbia.

Malaysia sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum atas dasar kita sendiri telah memainkan peranan yang penting di arena antarabangsa membela nasib rakyat Bosnia-Herzegovina yang sekarang ini menjadi mangsa kekejaman pihak Serbia.

UNIVERSITI ISLAM TEMPATAN

33. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menubuhkan Universiti Islam tempatan memandangkan permohonan yang kian meningkat untuk melanjutkan pelajaran dalam Pengajian Islam yang tidak mampu ditampung sepenuhnya oleh pusat-pusat pengajian tempat dan di samping kesukaran mendapatkan tempat pengajian di luar negeri. Jika ya, bila dan di manakah ia dibina. Jika tidak, mengapa; dan
- (b) oleh kerana sebuah lagi universiti akan didirikan di Sarawak, adakah konsep dan falsafah Pengajian Islam diutamakan di universiti tersebut.

Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah lagi universiti Islam. Ini adalah kerana telah wujud Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang menjalankan berbagai-bagai program di peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan. Di samping UIA, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia juga menawarkan kursus-kursus dalam Pengajian Islam.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti yang akan didirikan di Sarawak adalah agak meluas bidang pengajiannya (broad-based) dan ia akan menumpukan kepada pengajian bercorak sains dan sains gunaan, perubatan, kejuruteraan dan teknologi, sains sosial dan kemanusiaan, pendidikan ekonomi dan pengurusan. Unsur-unsur konsep dan falsafah Islam walau bagaimanapun akan diserapkan ke dalam bidang-bidang pengajian tersebut di mana-mana sesuai.

SIASATAN BPR KE ATAS MENTERI/TIMBALAN MENTERI DAN EXCO NEGERI

34. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli EXCO Negeri yang telah disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) sejak pilihanraya besar 1990 yang lepas;
- (b) jumlah mereka yang diarah oleh BPR untuk pengisytiharkan hartabendanya dan berikan identiti mereka; dan

- (c) mengapakah Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli EXCO Negeri tidak digantung kerja sehingga siasatan BPR ini tamat.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli EXCO Negeri yang telah dan sedang disiasat oleh BPR sejak tahun 1990 adalah seperti berikut:

1. Menteri	—	4 orang
2. Timbalan Menteri	—	1 orang
3. Setiausaha Parlimen	—	1 orang
4. Ahli EXCO	—	2 orang
		—
		8 orang
		—

Setakat ini bilangan mereka yang telah diarah oleh BPR untuk mengisytiharkan harta mereka ialah seramai 4 (empat) orang iaitu:

1. Seorang Menteri Kabinet;
2. Seorang Timbalan Menteri;
3. Seorang Setiausaha Parlimen; dan
4. Seorang Ahli EXCO.

Tidak ada peruntukan undang-undang ataupun peraturan yang membolehkan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Ahli-ahli EXCO Negeri digantung kerja apabila disiasat oleh BPR.

BEKALAN ELEKTRIK TERPUTUS—ANGGARAN KERUGIAN

35. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab bekalan elektrik terputus di Semenanjung Malaysia pada 29hb September tahun ini dan anggaran kerugian yang dialami oleh aktiviti-aktiviti perniagaan dalam negara akibat bekalan elektrik yang terputus.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah pun dijawab bersama-sama dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 19hb Oktober, 1992 dan saya tiada apa-apa maklumat lain untuk ditambah.

BEKALAN AIR PAIP DI DAERAH BEAUFORT/KUALA PENYU DAN MENUMBUK

36. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Kerajaan hendak mengadakan rancangan membekal air paip dari rumah ke rumah di daerah Beaufort/Kuala Penyu dan Menumbuk memandangkan Projek Antah Biwater telah pun siap dilaksanakan dan berfungsi sekarang.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, skim bekalan air Beaufort-Kuala Penyu-Menumbuk yang telah siap bermula operasi pada 8-11-91 dan berharga \$36.5 juta berkapasiti membekalkan sebanyak 4.4 juta gelen sehari. Kapasiti ini boleh membekalkan air kepada jumlah penduduk sebanyak 74,900 sehingga tahun 2000. Ingin dimaklumkan bahawa skop skim ini di bawah Rancangan Khas Bekalan Air Luar Bandar yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan adalah terhad kepada pembinaan satu loji rawatan air dan 13 buah tangki air.

Untuk penduduk-penduduk dapat menikmati bekalan air baru ini, ianya meliputi sambungan paip-paip retikulasi daripada tangki air untuk diedarkan kepada pengguna-pengguna. Untuk tujuan ini, Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukkan sebanyak \$7.0 juta bagi kerja retikulasi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri di daerah Beaufort dan ianya telah pun dibelanja. Setakat ini adalah diberitahu bahawa retikulasi telah pun disediakan di pekan Beaufort, pekan Kuala Penyu dan pekan Menumbuk serta kawasan-kawasan sekitarnya.

Sambungan daripada paip retikulasi telah pun dibuat oleh penduduk sendiri untuk menikmati bekalan air bersih ini. Adalah benar masih terdapat penduduk-penduduk yang belum lagi mendapatkan bekalan air. Ini adalah kerana lokasi rumah mereka berselerak, terpencil dan jauh daripada paip retikulasi. Oleh itu, amat sukar untuk membekalkan air kepada penduduk-penduduk pedalaman ini.

SUKAN KOMANWEL 1998— PELAJAR BERBAKAT

37. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Sukan Sekolah Malaysia untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berbakat dalam sukan bagi menentukan kejayaan Sukan Komanwel pada tahun 1998.

Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia telah mengenalpasti beberapa jenis permainan yang akan dipertandingkan dalam sukan Komanwel 1998 di mana pelajar-pelajar sekolah merupakan atlet-atlet yang akan mewakili negara dalam masa 4 atau 5 tahun lagi.

MSSM juga bekerja rapat dengan Majlis Sukan Negara bagi menentukan pelajar-pelajar yang dikenalpasti diberi latihan sewajarnya bagi menentukan kejayaan di Sukan Komanwel nanti.

Antara langkah yang telah dijalankan ialah dengan melancarkan 'Program Tunas Cemerlang' dan 'Program Pusat Cemerlang'.

PELABUR ASNB DI LONG LAMA BARAM

38. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) dari manakah wang yang diberi oleh Jabatan Pos untuk membayar sebanyak RM376,425.00 kepada 242 pelabur ASNB yang ditipu oleh seorang pegawai pos di Long Lama, Baram, Sarawak dengan nilai pelaburan sebanyak RM549,786.09 pada tahun 1990 diperolehi;
- (b) bilakah baki sebanyak RM173,361.09, akan dibayar kepada pelabur ASNB yang tertipu itu dan adakah dividen yang penuh dibayar kepada pelabur-pelabur berkenaan atas pelaburan yang terlibat itu; dan
- (c) apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak ASNB untuk memberi jaminan dan keyakinan pelabur-pelabur ASNB di kawasan P.179 Baram bahawa kecuiaan ASNB dan Pos Malaysia tidak berlaku atas pelaburan mereka di kawasan ini lagi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelabur-pelabur ASB seramai 242 orang yang telah ditipu oleh pegawai pos di

Long Lama, Baram, telah pun mendapat balik kesemua wang pelaburan mereka kerana pihak ASNB telah mendahulukan wang tersebut. Pihak ASNB telah menuntut balik bayaran gantirugi daripada Jabatan Pos Malaysia. Setakat ini pihak pos telah membayar sebanyak RM376,426 sementara baki sebanyak RM173,361.09 masih lagi belum dijelaskan oleh Jabatan Pos.

- (b) Berkenaan dengan baki sebanyak RM173,361.09 ia adalah urusan di antara pihak ASNB dan Jabatan Pos tanpa melibatkan para pelabur. Sementara dividen dan bonus yang layak diterima oleh pelabur-pelabur terlibat juga adalah tidak terjejas. Mereka tetap akan dibayar bonus.
- (c) Untuk makluman ahli Yang Berhormat, langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak ASNB adalah:
- (i) Mengarahkan supaya tiap-tiap pelaburan tambahan yang melebihi \$10.00 yang dibuat oleh pelabur dikeluarkan resit penerimaan bagi menentukan pelaburan tersebut dibuat secara rasmi dan mengingatkan kerani kaunter supaya lebih berhati-hati.
- (ii) Pihak ASNB juga menggunakan sistem komputer sejak April 1989 bagi semua urusan pelaburan. Bagi pejabat Pos Long Lama, pihak ASNB telah menyediakan sistem komputer sejak awal tahun 1991. Dengan cara ini pelaburan dapat dibuat secara "online" dan dapat mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan, dan

- (iii) Pihak ASNB akan memasukkan siri nombor buku pelaburan yang aktif ke dalam sistem pengkomputeran pelabur-pelabur ASNB. Ini bertujuan mengelakkan dari berlakunya penipuan sekiranya terdapat sebarang kehilangan buku pelaburan asal, yang kemudiannya diganti dengan buku pelaburan yang baru. Ini bermakna buku pelaburan asal tidak boleh digunakan untuk sebagai urusniaga.

INDUSTRIAL ESTATE—JUMLAH PELABURAN ASING

39. Tuan James Jimbun Anak Punga minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah industrial estate dalam setiap negeri;
- (b) berapakah jumlah yang dijalankan oleh orang tempatan dan kongsian dengan orang asing (foreign joint venture); dan
- (c) berapa banyak jumlah pelaburan orang asing dan tempatan.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat 1hb Julai 1992 terdapat sejumlah 165 kawasan perindustrian yang telah dimajukan di negara ini. Jumlah kawasan perindustrian mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Kawasan Perindustrian Yang Wujud</i>	<i>Jumlah Keluasan Hektar</i>
1. Johor Darul Takzim	21	2,938.8
2. Melaka	7	598.1
3. Negeri Sembilan	7	477.3
4. Negeri Selangor Darul Ehsan	22	2,732.5

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Kawasan Perindustrian Yang Wujud</i>	<i>Jumlah Keluasan Hektar</i>
5. Federal Territory— Labuan	2	214.2
6. Perak Darul Ridzuan	26	2,066.3
7. Penang	9	1,790.5
8. Kedah Darul Aman	16	899.9
9. Perlis	4	153.9
10. Kelantan Darul Naim	7	737.6
11. Terengganu Darul Iman	14	2,380.7
12. Pahang Darul Makmur	11	2,546.2
13. Sabah	8	230.1
14. Sarawak	11	2,738.8
Jumlah	165	20,494.88

- (b) Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, kesemua 165 kawasan perindustrian yang dimaksudkan telah dibangunkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Lembaga Kemajuan Wilayah dan Majlis-majlis Tempatan. Setakat ini tidak ada kawasan perindustrian yang dimaju oleh orang asing.
- (c) Mengikut penyiasatan tahunan yang dijalankan oleh pihak MIDA, bagi tempoh berakhir 31hb Disember, 1991, jumlah modal pelaburan dari syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan 1975 dan sedang beroperasi di kawasan perindustrian ialah sebanyak \$23,145 juta. Dari jumlah ini, sebanyak \$12,515 juta atau 54.1% merupakan pelaburan tempatan dan \$10,631 juta atau 45.9% adalah modal pelaburan asing.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1993

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (22hb. Oktober, 1992)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Wakil Kota Melaka diberi masa 2 minit lagi untuk menggulung.

Tuan Lim Guan Eng: 2 minit sangat singkat!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, memang. Kalau Yang Berhormat semak kembali kepada halaman 132, keputusan telah pun dibuat, tinggal 5 minit sahaja. Jadi, sekarang ini saya beri 2 minit lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini tak ada tawar-menawar. Keputusan ini telah dibuat pada minggu lepas.

Tuan Lim Guan Eng: Ini amat tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan, 2 minit sahaja.

3.38 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas saya sebut tentang Syarikat Dataprep di mana seorang pengarah, Mirzan bin Mahathir, anak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi pengarah syarikat di mana syarikat tersebut telah membuat satu janji kosong. Saya ingin sebutkan satu syarikat lagi, iaitu UCM di mana anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu Mokhzani bin Mahathir sekali lagi sebagai seorang pengarah sebuah syarikat yang telah membuat satu janji kepada semua para pelabur bahawa pada tahun depan, iaitu pada 31hb Disember tahun ini, Syarikat UCM akan membuat keuntungan sebanyak \$13 juta, tetapi sehingga hari ini, selepas keputusan prestasi kewangan untuk tahun pertengahan dalam bulan Julai diumumkan, keuntungan ialah sebanyak \$339,000 dan syarikat tersebut juga telah mengumumkan bahawa mereka tidak akan membayar dividen sebanyak 12% seperti yang diumumkan dalam prospektus pada 4hb Mac, 1992.

Saya hendak bertanya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat yang telah menipu dan mengelirukan para pelabur supaya melabur ke atas syarikat mereka dan membeli saham mereka di BSKL dan

prospektus ini telah diluluskan oleh pihak Kerajaan. Apakah tindakan yang akan diambil ke atas syarikat itu, terutamanya pengarah-pengarah mereka kerana berdasarkan pengumuman atau janji ini, para pelabur telah membeli saham itu. Nyata sekali kerugian yang banyak telah dialami oleh semua pelabur ini.

Saya hendak tahu sama ada Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti, adakah ini bermakna kalau para Pengarah atau Ahli-ahli Lembaga Pengarah tidak akan diambil tindakan, seperti yang telah dilakukan di United States Security Exchange Commission, dengan izin, di mana seorang Pengarah kalau dia melakukan sesuatu pengumuman atau satu dugaan prediction yang keluar daripada 10%, tindakan akan diambil. Adakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka, sungguhpun Ahli Lembaga Pengarah anak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat masa 2 minit sudah cukup ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak membantah keputusan Tuan Yang di-Pertua yang sungguh tidak adil ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini bukan keputusan sekarang, tetapi keputusan yang telah pun dibuat minggu lepas, semak kembali sebelum membuat teguran.

Tuan Lim Guan Eng: Ini sangat tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Sekali lagi tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Timbalan Menteri diminta jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Saya membantah, berat sebelah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila.

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992.

Yang Berhormat dari Klang telah membangkitkan bahawa hukuman yang diperuntukkan di bawah Fasal 13(4) adalah ringan memandangkan kesalahan yang diwujudkan di bawah Fasal 13(1).

Fasal 13(1) memperuntukkan bahawa sekiranya seseorang anggota Suruhanjaya atau mana-mana Jawatankuasa yang mempunyai apa-apa kepentingan, apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Suruhanjaya atau Jawatankuasa hendaklah mendedahkan kepada Suruhanjaya atau Jawatankuasa mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat dan jenis kepentingannya itu. Mana-mana anggota Suruhanjaya atau Jawatankuasa yang tidak mendedahkan kepentingannya adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \$250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Hukuman di bawah Fasal 13(4) adalah terhad kepada kesalahan ketidakdedahan kepentingan dan adalah memadai selaras dengan kesalahan.

Kesalahan-kesalahan yang lebih berat, yang melibatkan transaksi sekuriti tidak dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini, tetapi terkandung dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Memandangkan betapa seriusnya gejala jenayah kolar putih, saya memberi jaminan bahawa penalti yang lebih berat bagi kesalahan-kesalahan perdagangan sekuriti supaya kegiatan tersebut apat diatasi ataupun dicegahkan atau diperuntukkan apabila pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibuat berikutan dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 ini.

Yang Berhormat dari Kelang juga telah membantah peruntukan Fasal 13(5) kerana walaupun seseorang anggota disabitkan kesalahan tidak mendedahkan kepentingannya di dalam sesuatu tindakan ataupun prosiding yang dibincangkan, tindakan atau prosiding tersebut masih dianggap sah di bawah Fasal 13(5).

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 15(5) ini menyatakan bahawa tiada tindakan ataupun prosiding Suruhanjaya boleh jadi tidak sah atas alasan anggota Suruhanjaya telah melanggar peruntukan seksyen iaitu tidak mendedahkan kepentingannya. Kesalahan di bawah seksyen ini perlu disabit dahulu sebelum dikenakan penalti. Oleh itu kesabitan kesalahan boleh mengambil masa yang agak lama, akan tetapi cadangan-cadangan yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya telahpun dilaksanakan dan sekuriti diterbitkan. Adalah tidak praktikal sekiranya tindakan ataupun prosiding dianggap tidak sah dan segala transaksi perlu dibubarkan dan dana yang telah digembelungkan dipulangkan kepada pelabur.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan peruntukan mengenai levi seperti yang telah diucapkan semasa pembentangan Rang Undang-undang pada hari Khamis 22hb Oktober, 1992.

Beban kepada pelabur-pelabur akan diambilkira apabila jumlah levi dikenakan, perbincangan akan diadakan dengan pihak-pihak yang terlibat seperti

bursa-bursa dalam menentukan satu levi yang munasabah dan sanggup dibayar oleh pelabur.

Saya ingin jelaskan di sini bahawa dengan pelaksanaan sistem depository pusat, sebahagian daripada duti setem akan dimansuhkan dan ini akan mengurangkan kostransaksi bagi pelabur-pelabur. Oleh itu pengenaan levi mungkin tidak akan membebaskan pelabur-pelabur.

Yang Berhormat dari Nilam Puri telah menyentuh kegiatan perdagangan dalaman dan keberkesanan Rang Undang-undang menghadapi masalah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam buku berjudul 'Den of Thieves' oleh James Stewarts, jelas kelihatan bahawa kes perdagangan dalaman oleh Michael Milkan dan Ivan Boesky telah dibongkarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Amerika Syarikat. Dengan adanya satu badan pengawalan tunggal yang mempunyai prospektif seluruh pasaran sekuriti dan kewangan niaga hadapan, tindakan yang lebih cekap dan berkesan boleh diambil. Kuasa-kuasa yang sewajarnya telah diperuntukkan supaya Suruhanjaya dapat bertindak sebagai badan pengawalan yang berkesan.

Suruhanjaya dipertanggungjawabkan melalui Fasal 15 bagi mengawasi dan menyelia aktiviti-aktiviti mana-mana bursa, pusat penjelasan.....

Dr Tan Seng Giaw (Kepong):
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Abdul Ghani bin Othman:...
dan depository pusat.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Serta membanteras amalan-amalan yang menyalahi undang-undang yang hina dan yang tidak patut dalam perniagaan sekuriti dan perdagangan kontrak niaga hadapan. Berikutan ini Suruhanjaya akan membiayai sendiri operasinya supaya dapat mengambil kakitangan yang profesional dan mengadakan bahan-bahan teknikal untuk mengendalikan fungsi-fungsi pengawasan dan penguatkuasaan dengan dinamik dan cekap.

Seterusnya seperti yang telah dimaklumkan untuk mencegah jenayah kolar putih, hukuman-hukuman yang lebih berat akan dicadangkan di bawah pindaan-pindaan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 iaitu Akta yang mengawalselia perdagangan sekuriti.

Yang Berhormat dari Arau telah bertanya akan peranan Suruhanjaya mengatasi masalah pergerakan pasaran luar negeri seperti di Tokyo dan New York mempengaruhi suasana tempatan. Walaupun pasaran tempatan adalah pasaran terbuka di mana pengurus dana antarabangsa boleh keluar masuk dengan bebas, tetapi pelabur-pelabur tempatan tidak perlu dipengaruhi sebulat-bulatnya oleh sentimen pasaran luar negeri. Salah satu fungsi Suruhanjaya adalah untuk menggalakkan pembangunan dan perkembangan pasaran sekuriti. Dengan adanya pasaran yang lebih mantap maka perkembangan di pasaran asing tidak akan mempunyai kesan significant ke atas pasaran tempatan, bahkan perkembangan di pasaran tempatan akan mempengaruhi pasaran lain di rantau ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan keberkesanan beberapa peruntukan yang sedia ada dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Dalam ucapan semasa pembentangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 pada hari Khamis 1hb Oktober 1992, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa pasaran modal masa kini diawasi oleh beberapa agensi terutamanya:

- (i) Pendaftar Syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan pengawalan industri sekuriti;
- (ii) Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) yang mengawasi terbitan utama sekuriti oleh syarikat awam dan penyenaaraian di Bursa Saham;
- (iii) Panel Pengambilalihan dan Percantuman yang menguatkuasa etika tata tertib yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam urusan niaga pengambilalihan dan percantuman supaya dilakukan dalam keadaan yang teratur dan untuk melindungi kepentingan pihak pemegang saham minoriti; dan
- (iv) Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) yang bertanggungjawab di dalam hal-hal yang utama berhubung dengan pelaburan asing dan pengambilalihan aset-aset dan kepentingan.

Kecuali FIC, Agensi-agensi yang mengawasi pasaran modal masa kini adalah melalui kuasa undang-undang. Misalnya, kuasa ROC sebagai agensi pengawal industri sekuriti telah diperuntukkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991. Begitu juga dengan CIC di mana kuasanya adalah diperolehi melalui Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Manakala TOP memperoleh kuasa melalui Akta Syarikat 1965. Oleh itu apabila kuasa-kuasa tersebut

diambilalih oleh Suruhanjaya melalui Rang Undang-undang Sekuriti 1992 sudah tentu Rang Undang-undang yang terlibat akan dipinda. Pindaan-pindaan tersebut akan dibentangkan di Parlimen dan Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah membincangkannya apabila pindaan-pindaan tersebut dibentangkan kelak. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah tepat masanya untuk kita membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Mengenai kes yang disebut berkaitan dengan Chua Koh Securities dan Tan Chai Low Securities, perkara ini telah dijawab pada masa lepas dan saya tidak bercadang untuk menjawabnya sekarang.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara mengenai tindakan yang diambil oleh pihak-pihak berkuasa terhadap syarikat-syarikat yang disenaraikan yang tidak mencapai ramalan keuntungan yang terkandung dalam prospektus. CIC telah merangka satu prosedur tindakan susulan ataupun, dengan izin, follow-up terhadap syarikat yang telah membuat permohonan kepada CIC. Sekiranya terdapat ramalan keuntungan yang tidak tepat CIC akan mengkaji sebab-sebabnya dan sekiranya sebab-sebab itu tidak munasabah dan tidak dapat diterima, tindakan akan diambil seperti teguran atau pergantungan syarikat daripada membuat permohonan kepada CIC bagi sesuatu tempoh. CIC memandang berat terhadap perkara ini dan telah pun mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya terhadap pihak-pihak yang berkaitan iaitu Pengarah Syarikat, Penasihat Korporat dan Juruaudit Syarikat.

Isu perlindungan kepentingan pelabur-pelabur terutamanya pelabur-pelabur kecil telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Rang Undang-undang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat...

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya suka menegaskan bahawa objektif Suruhanjaya adalah untuk melindungi kepentingan semua pelabur dengan memelihara...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Biar saya habiskan dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah, teruskan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Dengan memelihara integriti pasaran dan menjamin fair play dalam pasaran. Fungsi-fungsi Suruhanjaya telah dirangka dengan mengambil kira objektif tersebut memandangkan objektif dan peranan Suruhanjaya tidak dapat dinafikan bahawa Suruhanjaya hanya akan berkesan sekiranya anggota-anggota Suruhanjaya adalah anggota yang berintegriti, berintegriti dan berhemah tinggi supaya tugas-tugas Suruhanjaya dapat dikendalikan dengan sempurna.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Dengan itu kami akan memastikan bahawa anggota-anggota yang dilantik sebagai anggota Suruhanjaya mempunyai tahap integriti yang tertinggi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 hingga 48—

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, memandangkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri supaya Suruhanjaya Sekuriti ini dapat dijalankan dengan efektif, dengan berkesan dan efisien seperti di Fasal 4 Keanggotaan Suruhanjaya, bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana kita dapat memastikan semua anggota yang dilantik yang terdiri daripada:

- (a) seorang Pengerusi, yang hendaklah menjadi Pengerusi Eksekutif;
- (b) empat orang anggota yang mewakili Kerajaan; dan
- (c) empat orang lain.

Jadi, baik jugalah kita ada empat orang daripada pihak swasta dan sebagainya yang dapat diwakilinya. Walau bagaimanapun, bagaimana kita memastikan semua orang yang akan dilantik ini tidak ada hubungkait, tidak ada pertalian dengan ahli-ahli politik terutamanya orang kuat dalam Kerajaan. Ini satu perkara yang memang penting, yang hasrat Yang Berhormat Timbalan

Menteri dan juga Menteri hendak melaksanakan Suruhanjaya ini dalam erti-kata yang sebenarnya. Kalau itulah maksud dan kehendaknya, saya hendak bertanya bagaimana kita memastikan semua anggota ini tidak ada hubungkait dengan orang-orang besar dan orang politik biasanya. Dan kalau perkara semacam ini berlaku maka peranan Suruhanjaya tidak akan bebas untuk menjalankan tugas. Itu satu perkara yang sangat penting bagi saya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Rompin bangun pula. Hendak minta apa Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Hendak minta penjelasan sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Minta dari Kepong?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Dari Kepong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong sudah habis bercakap?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Ini Suruhanjaya...

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu. Yang Berhormat Kepong sudah habis berucap atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Dia hanya hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Saya hendak bertanya sama ada Rang Undang-undang Suruhanjaya

Sekuriti ini adalah dari segi pengapungan badan-badan politik yang Ahli Yang Berhormat dari Kepong bimbang, takut parti DAP boleh dibenarkan senarai dan parti lain tidak dibenarkan. Saya rasa dari segi conflict of interest ini kaitannya lebih sesuai kepada mereka yang berhubungkait dengan mereka yang hendak mendaftar atau hendak menyenaraikan syarikat masing-masing. Itu lebih tepat. Conflict of interest with those having vested interest hendak menyenaraikan syarikat masing-masing. Saya nampak sudah melencong jauh benar Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu biasalah Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Kawasan sendiri tidak jaga dengan baik. Endau-Rompin itu kawasan-kawasan simpanan hutan pun tidak ada jaga, kadangkala ada pembalakan haram dibenarkan. Itulah sikapnya. Kalau kawasan sendiri di Rompin tidak boleh dijaga dengan betul, macam mana dapat membuat hujah di dalam Dewan yang mulia ini yang dapat dipercayai? Itulah masalah.

Kita tidak menyentuh mengenai pengapungan saham syarikat sahaja. Ini yang penting sekali. Yang Berhormat Menteri minggu yang lepas ada membangkitkan masalah BMF. Mengikut beliau ini satu perkara yang amat rumit yang belum lagi diselesaikan. Ini ada hubungkait orang-orang yang terlibat dengan....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju bahawa Suruhanjaya Sekuriti ini adalah satu usaha yang tidak begitu serius oleh pihak Kerajaan. Memandangkan bahawa pihak Kerajaan tidak mahu

mengambil berat tentang isu-isu pokok seperti membela nasib pelabur-pelabur kecil dan juga kepincangan yang dilakukan oleh orang-orang atasan di mana ada hubungkait dengan Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Dan mungkinkah ini sebab mengapa Yang Berhormat Menteri tidak berani datang ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Parlimen dan memaksa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri jalan kepada semua Ahli Parlimen dan guillotine the debates, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sememangnya kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak adakan Suruhanjaya yang berkesan, efisien dan efektif, dia mesti mendengar hujah-hujah dan teguran daripada semua pihak termasuk Pembangkang.

Dan kalau seriusnya memang kita hendak mengambil tindakan yang tegas terhadap perlantikan anggota-anggotanya tetapi saya nampak ada hasrat untuk menjayakan Suruhanjaya ini, saya pun seronok juga kalau kita dapat Suruhanjaya yang sangat cekap, bersih dan amanah dan boleh menjamin sektor sekuriti kita dapat dikembang, dimaju dengan baik dan berbillion-billion ringgit wang rakyat tidak akan diboros ataupun dibazirkan melalui segelintir orang yang mempunyai hubungkait dengan orang-orang atasan politik.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat semasa menjawab menerangkan bagaimana kita dapat pastikan ke sembilan anggota ini benar-benar berkelibar, mempunyai kemahiran ataupun skill?

Tuan Pengerusi, memang di dalam sektor seperti ini, satu sektor yang mempunyai kerumitan dan memerlukan

kemahiran, kepakaran, perniagaan, management skills dan sebagainya dan memerlukan professional financier and market makers yang tidak disebutkan di dalam Suruhanjaya ini langsung mengenai professional financier dan market makers yang diperlukan untuk menjayakan semua di dalam sektor sekuriti tetapi tidak ada langsung di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, ada satu lagi yang saya pun tidak begitu faham bagaimana kita dapat melaksanakan, menguatkuasakan Suruhanjaya Sekuriti ini dengan berkesan iaitu Fasal 28. Fasal 28:

“Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyediakan suatu laporan mengenai kegiatan-kegiatannya dalam tahun kewangan itu dan menghantar satu salinan laporan itu kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan satu salinannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen”.

Hasratnya untuk membolehkan pihak Suruhanjaya membentangkan satu laporan yang lengkap kepada kedua-dua Majlis Parlimen. Hasrat itu baik juga. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat berfikir dengan masak-masak bagaimana pihak Majlis, pihak Dewan yang mulia ini dapat memainkan peranan dengan effective di dalam hal ini? Cuma kita membentangkan laporan ini, itu belum memadai. Kalau kita hendak adakan satu sistem yang berkesan dan Parlimen dapat memainkan peranan, adakah ini cukup? Dia kata, dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen; ini bermakna hasratnya untuk menjadikan Dewan ini lebih efektif untuk mengawalselia dan memonitor apa yang terjadi dengan Suruhanjaya Sekuriti ini.

Hasrat ini baik sungguh, tetapi bagaimana kita dapat menyaksikan Parlimen memainkan peranan yang efektif; cuma saya boleh lihat kalau Fasal 28 ini dapat dikuatkuasakan dengan berkesan maka kita perlukan sekurang-kurangnya satu Jawatankuasa Parlimen untuk mengawalkan apa yang berlaku dengan Suruhanjaya berkenaan. Lebih-lebih lagi kerana Yang Berhormat Menteri, minggu lepas ada berkata dengan terus terang bahawa Suruhanjaya ini ialah Suruhanjaya yang benar-benar bebas. Kalau bebas, ini mesti bertanggungjawab hanya kepada Parlimen dan Parlimen sangguplah menubuhkan satu jawatankuasa tetap untuk mengawalseliakan fungsi peranan dan kerja yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti. Itulah satu cara yang betul untuk memastikan Suruhanjaya ini dapat dijayakan pada masa hadapan.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, memandangkan banyak instrument-instrument kewangan (financial instruments) yang bertambah banyak, yang perlu kerana kita hendak menuju ke tahap negara perindustrian dan alat-alat kewangan mesti dipertingkatkan bukan sahaja yang telah saya sebutkan tadi mengenai professional financiers yang diperlukan, yang tidak pun dimasukkan satu Fasal pun tidak ada menyentuh bagaimana Suruhanjaya dapat membantu untuk mewujudkan golongan professional financier dan juga market makers yang sangat perlu dan juga bagaimana kita dapat mengadakan, dengan izin, investment policies of institutional investors, kerana apa yang dibentangkan di sini bukan sahaja untuk mengawalseliakan, bahkan juga untuk mewujudkan, mempermajukan sekuriti kita. Kalau kita hendak mempermajukan sekuriti kita, memang hendak mengkaji semula dasar-dasar pelaburan, pelabur-pelabur berinstitusi. Dan kita perlukan sekurang-kurangnya satu-dua Fasal di

sini yang menerangkan bagaimana kita dapat mewujudkan, kita dapat mengkajikan dasar pelaburan bagi pelabur-pelabur berinstitusi ini di masa hadapan.

Tuan Pengerusi, itu sahaja, Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kok Lanas.

4.07 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Pengerusi, saya berhajat untuk membangkitkan beberapa seksyen kepada Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 ini.

Pertamanya, berhubung dengan seksyen 4 iaitu Keanggotaan Suruhanjaya.

Saya menyokong hujah yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Kepong bahawa peruntukan Menteri untuk melantik ahli-ahli anggota Suruhanjaya ini adalah terlalu luas. Seksyen 4 ada menyebut bahawa boleh melantik:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah menjadi Pengerusi Eksekutif;
- (b) empat orang yang menganggotai ataupun mewakili Kerajaan; dan
- (c) empat orang yang lain.

Kesemua mereka yang akan dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 4 ini tidak menyebut apakah kelulusan dan kelayakan yang diperlukan untuk membolehkan Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan bagi seseorang itu layak untuk menduduki keanggotaan di dalam ahli Suruhanjaya ini.

Ini adalah penting kerana jika tidak ada syarat yang dinyatakan di bawah seksyen ini, bermakna Menteri boleh

melantik sesiapa sahaja yang difikirkan oleh beliau mengikut pertimbangan dan budi bicaranya, sesiapa sahaja mungkin orang yang tidak berkaitan dan tidak berpengalaman di dalam perkara-perkara berhubung dengan industri sekuriti.

Jadi, adalah elok kalau diperincikan untuk menghadkan kuasa Menteri supaya membolehkan Menteri berkenaan melantik hanya orang-orang tertentu, daripada kalangan profesion tertentu, yang ada pengalaman berhubung dengan industri sekuriti bagi membolehkan mereka ini dilantik menganggotai jawatankuasa ataupun Suruhanjaya berkenaan.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, saya hendak membangkitkan ialah berhubung dengan seksyen 32 iaitu berhubung dengan terbitan sekuriti. Suruhanjaya diberi kuasa di bawah seksyen 32 dan berikutnya untuk melulus atau menolak sebarang permohonan oleh syarikat-syarikat yang bercadang untuk menjualkan saham dan sebagainya. Apa yang saya perhatikan di bawah seksyen 32 ini, kuasa diberi kepada Suruhanjaya untuk melulus atau menolak tetapi seksyen ini tidak menyebut berapakah tempoh masa yang diperlukan oleh Suruhanjaya untuk melulus, menolak atau menimbang permohonan sesebuah syarikat sekuriti yang mana memohon untuk mendapatkan suatu kebenaran di bawah seksyen 32 ini.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan masalah masa ini sangatlah penting kerana dalam industri sekuriti, masa memainkan peranan yang penting. Katakan satu-satu syarikat membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran tetapi Suruhanjaya mengambil masa sampai dua-tiga tahun. Jadi, perkembangan atau keadaan struktur organisasi kewangan syarikat pada masa permohonan itu dibuat barangkali berlainan dengan tempoh

tiga tahun kemudiannya. Tuan Pengerusi, jadi, adalah dicadangkan di sini supaya suatu tempoh masa diberikan kepada Suruhanjaya untuk menolak atau melulus atau suatu tempoh masa untuk menimbang sebarang permohonan. Tanpa memberi sekatan masa, ianya akan menjadikan sesuatu permohonan itu lambat dan sebagainya dan ini membantutkan perkembangan sekuriti di negara ini.

Perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan penguatkuasaan dan penyiasatan di bawah seksyen 35. Nampaknya Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 ini mempunyai segala kuasa, boleh mendakwa, boleh didakwa, boleh menyiasat, boleh menuduh orang di Mahkamah dan sebagainya. Kuasanya sebagai sebuah badan yang diluluskan oleh Parlimen ini, boleh mendakwa dan didakwa atas sifatnya sebagai satu Suruhanjaya. Persoalan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah oleh kerana kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan industri sekuriti ini adalah kesalahan-kesalahan komersial, perdagangan yang terlalu sofistikated atau terlalu canggih dalam ayat sekarang, sejauh mana kemampuan Suruhanajaya ini? Sepertimana yang kita tahu, jenayah perdagangan, terutamanya di Jabatan Polis, di bawah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan sebagainya mempunyai banyak keenggotaan. Tetapi pihak Polis sendiri, untuk mendampingi atau untuk berhadapan dengan jenayah kolar putih ini tidak mempunyai kelayakan atau tidak mempunyai pegawai-pegawai yang betul-betul mampu untuk menyiasat kes-kes ini.

Jadi, persoalan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah sejauhmana persiapan yang sudah dibuat ataupun yang akan dibuat oleh Suruhanjaya untuk mengadakan Pegawai-pegawai

yang betul-betul layak. Kerana tidak ada guna kita mempunyai satu Suruhanjaya yang mempunyai kuasa untuk mendakwa dan sebagainya, kalau penyasatannya tidak cekap, tidak menyeluruh, sehingga kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta berkenaan tidak dapat dibawa ke muka pengadilan. Jadi, apakah persiapan yang akan dibuat atau telah dibuat? Barangkali selepas ini akan dibuat oleh pihak Suruhanjaya. Apakah bantuan-bantuan daripada pihak lain, program-program latihan untuk melatih pegawai-pegawai penyasat, pegawai-pegawai pendakwa. Ini penting sebab Suruhanjaya mempunyai kuasa tersendiri dan tidak boleh selepas itu menyerahkan kuasa ini kepada pendakwaan dan membawa ke muka pengadilan dan kepada pihak-pihak lain. Suruhanjaya mestilah bertanggungjawab dan Suruhanjaya mesti bersiap sedia untuk menanggapi segala masalah dan kesalahan-kesalahan yang mungkin berlaku di bawah Akta berkenaan. Itu tiga persoalan yang saya hendak bangkitkan, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

4.13 ptg.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Fasal 15(1)(g) dan juga kepada Fasal tafsiran iaitu Fasal 2. Adalah disebutkan di dalam Fasal 15(1)(g) bahawa:

“Suruhanjaya hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

(g) mengambil segala langkah yang munasabah untuk menjaga kepentingan orang-orang yang berniaga sekuriti ataupun berdagang dalam kontrak-kontrak niaga hadapan”.

Dalam Fasal tafsiran, diberikan makna “berniaga sekuriti”. Di sini adalah jelas bahawa tugas atau fungsi

Suruhanjaya adalah untuk membela ataupun melindungi hak-hak dan kepentingan orang atau peniaga-peniaga sekuriti, bukan pelabur-pelabur kecil. Ini berbalik kepada ketidakpuasan hati saya terhadap Suruhanjaya Sekuriti ini kerana tidak mempunyai kuasa yang luas untuk membolehkan Suruhanjaya ini mengambil tindakan untuk membela dan melindungi hak-hak pelabur-pelabur kecil dan juga mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat yang telah melakukan penyelewengan atau menipu pelabur-pelabur kecil.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menjawab bahawa pihak Kerajaan atau pihak Kementerian tidak akan mengambil apa-apa tindakan lagi mengenai kes skandal penipuan saham di Tampin. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jawapan tentang janji yang diberikan secara peribadi di luar lobby Parlimen kepada mangsa-mangsa saham tersebut, bahawa beliau akan mengarahkan Pendaftar Syarikat supaya meminta dua syarikat saham tersebut iaitu Tan Chai Low Securities dan Chua Koh Securities membayar ganti rugi atau pampasan kepada mangsa-mangsa saham tersebut kerana mereka terlibat secara langsung dalam kes penipuan ini sepertimana yang dibuktikan dalam satu dakwaan yang dibuat oleh Pendaftar Syarikat ke atas seorang pengarah syarikat saham tersebut. Saya berharap bahawa satu jawapan boleh diberikan sama ada janji ini adalah omong-omong kosong atau satu janji yang akan dikotakan oleh Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak merujuk kepada Fasal 4, di mana Yang Berhormat dari Kepong dan Kok Lanas telah berasa khuatir dengan kuasa luas yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk melantik Ahli-ahli Suruhanjaya Sekuriti ini. Bagaimanakah Suruhanjaya ini akan bebas, berkecuali dan berkuasa untuk bertindak kalau kuasa lantikan ini dimonopolikan

oleh Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Suruhanjaya mengambil tindakan terhadap sesebuah syarikat yang disenaraikan di BSKL kalau syarikat tersebut mempunyai hubungan dengan Yang Berhormat Menteri atau orang-orang yang lebih berkuasa seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Saya rasa ini tidak mungkin. Takkanlah Suruhanjaya Sekuriti akan mengambil tindakan ke atas syarikat yang dimiliki oleh sanak-saudara Yang Berhormat Menteri atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti dalam kes UCM dan Dataprep.

Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil ke atas Syarikat Dataprep yang saya telah timbulkan pada minggu lepas. Saya hendak tanya apakah "tindakan yang sewajarnya"? Saya rasa ini adalah satu ayat yang tidak bermakna langsung "tindakan yang sewajarnya".

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Rompin bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, bila habis ini, tentu saya beri, seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya tidak akan khianati Yang Berhormat Rompin. Apakah tindakan sewajarnya ini? Ini adalah satu perkara penting kerana hak pelabur-pelabur kecil terlibat. Keyakinan pelabur terhadap BSKL mungkin terjejas kalau perkara ini dibenarkan, di mana UCM telah membuat ramalan keuntungan sebanyak \$4 juta telah rugi \$2 juta. UCM yang telah membuat ramalan keuntungan sebanyak \$13 juta untuk half-yearly results, dengan izin, keuntungan ialah \$339,000 dan ramalan bahawa mereka yang akan dibayar dividen sebanyak 12%, tetapi sekarang mereka telah mungkiri janji, tidak ada

satu sen dividen yang akan dibayar. Apakah tindakan yang sewajarnya, tanpa tindakan tegas untuk membolehkan pelabur-pelabur kecil yang membeli saham syarikat tersebut atas janji-janji yang diberikan oleh kedua-dua syarikat dan diluluskan oleh CIC. Takkan mereka tidak akan dibayar, sekurang-kurangnya pampasan atau sesuatu tindakan yang tegas ke atas pengarah-pengarah tersebut yang membuat janji-janji ini. Sila.

Dato' Dr. Jamaluddin bin Haji Jarjis: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kota Melaka, bahawa dalam syarikat DATAPREP ini adakah Yang Berhormat sedar bahawa pengasas syarikat ini atau, dengan izin, the prime mover or the Controlling shareholder adalah satu tokoh bernama Ronald Khoo. Ronald Khoo yang pada peringkat awalnya menguasai syarikat ini. Semasa beliau hendak menyenaraikan, beliau menjemput tokoh-tokoh bumiputera, saya rasa yang rugi juga termasuk kepada tokoh-tokoh bumiputera yang dijemput. Saya nampak di sini yang perlu dipersalahkan ialah Encik Ronald Khoo, pengasas kepada syarikat ini. Adakah beliau setuju dengan perkara ini? Beliau nampaknya macam melindungi Ronald Khoo ini.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa Yang Berhormat Rompin mahu saya hentam Ronald Khoo, mungkin atas sebab-sebab tertentu. Saya bersetujulah setakat ini bahawa kalau dia seorang pengasas, tindakan tegas harus diambil ke atasnya, tetapi juga ke atas pengarah-pengarah lain. Sungguhpun beliau telah menarik pengarah-pengarah lain—ini mengikut prospektus Dataprep—seperti Mirzan bin Mahathir, anak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri—ini jelas, kerana alamatnya di sini ialah di Sri Perdana, Jalan Damansara, 50480 Kuala Lumpur. Kalau macam ini bukan sahaja Ronald Khoo sahaja yang mesti diambil tindakan, tokoh-tokoh bumiputera yang

lain pun kena diambil tindakan kerana di antara pelabur-pelabur lain bukan sahaja kaum bukan bumi, kaum bumi pun ada. Mereka telah berminat melabur atas janji-janji yang dibuat dalam prospektus ini dan telah diluluskan oleh pihak Kerajaan, CIC dan juga International Merchant Bankers Bhd. dan juruaudit mereka.

Kalau satu ramalan keuntungan tidak boleh dicapai, mereka tahu memang tidak boleh dicapai, tetapi mereka terus membuat penipuan seperti ini-ramalan \$4 juta keuntungan sebelum dikenakan cukai; akhirnya apa yang berlaku ialah kerugian sebanyak \$2 juta. Ini variance sebanyak 150%. Mengapakah hanya dikatakan tindakan "sewajarnya" akan diambil? Selain daripada jawapan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tindakan "sewajarnya" akan diambil. Saya hendak tahu apakah tindakan "sewajarnya"? Takkan hanya tulis satu surat teguran sahaja! Saya rasa ini tidak bermakna kerana orang yang telah melabur wang mereka tidak berpuashati dengan teguran seperti ini. Mereka mahu wang pampasan dan gantirugi atas satu penipuan yang dicondone, dengan izin, oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat merujuk kepada Fasal 4. Yang Berhormat telah berucap tentang dasar dan Yang Berhormat sudah sebutkan sewaktu pembentangan dasar.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, kerana saya hendak memberikan penjelasan yang baik kepada Yang Berhormat Rompin.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ini dalam Jawatankuasa, minta Yang Berhormat tumpukan di dalam ucapan...

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat Rompin dan sama juga dengan UCM di mana keuntungan diramalkan sebanyak \$13 juta tetapi akhirnya tidak tercapai langsung. Dividen pun telah dibatalkan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Suruhanjaya ini pada masa hadapan kerana ahli-ahlinya dilantik oleh Yang Berhormat Menteri dan kalaulah syarikat seperti ini di mana ia dikuasai oleh sanak-saudara Yang Berhormat Menteri dan juga anak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagaimanakah tindakan boleh diambil, kalau ia tidak bebas, ia tidak berkecuali, ia tidak autonomi?

Saya rasa ini akan menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur asing ke atas keutuhan dan integrity Bursa Saham Kuala Lumpur dan sebab itu saya rasa kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri boleh disalahgunakan seperti yang telah disalahgunakan sekarang. Mengapakah pengarah UCM juga tidak diambil tindakan di mana salah seorang Ahli Lembaga Pengarah ialah Mokhzani bin Mahathir, seorang lagi anak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah pengarah itu lebih penting daripada beribu-ribu pelabur yang telah melabur berjuta-juta wang simpanan mereka ke atas kedua-dua syarikat ini atas janji yang telah dibuat oleh kedua-dua syarikat ini dan yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan? Saya rasa Kerajaan juga harus bertanggungjawab.

Saya amat kesal bahawa tidak ada tujuan untuk mengikuti amalan yang dibuat oleh Amerika Syarikat iaitu United States Securities Exchange Commission yang akan mengenakan hukuman dan tindakan ke atas mereka yang mana kegagalan ramalan keuntungan mereka perbezaannya melebihi sebanyak 10% dan sekali lagi saya amat kesal Yang Berhormat

Menteri tidak berani datang ke Dewan yang mulia ini hari ini. Sungguhpun dia marah minggu lepas tetapi hari ini dia tidak datang langsung dan memaksa Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, sesuatu yang saya rasa dia susah untuk jawab. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya menegaskan bahawa Fasal ini tidak akan membantu tugas dan fungsi Suruhanjaya Sekuriti malah akan menggalakkan lagi semua kepincangan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku sekarang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Fasal 13(5) di mana ia menyatakan bahawa: "Tiada tindakan atau prosiding Suruhanjaya atau Jawatankuasa boleh menjadi tidak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Suruhanjaya atau Jawatankuasa telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen ini".

Tuan Pengerusi, saya rasa ini tidak memanfaatkan kepentingan orang ramai kerana kalau jelas bahawa sesuatu prosiding tidak betul atas sesuatu penyalahgunaan kuasa oleh seorang ahli Suruhanjaya tersebut, ia harus tidak boleh disahkan. Ini adalah kerana hukuman yang dikenakan ialah denda tidak melebihi \$230 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun. Sebagai seorang ahli lembaga atau ahli Suruhanjaya Sekuriti ini, ia mempunyai kuasa yang besar dan luas dan yang melibatkan wang sebanyak berjuta, mungkin berpuluh-puluh juta ringgit. Adakah mereka akan takut kalau mereka kalau mereka hanya akan didenda tidak lebih \$230 ribu atau dipenjarakan tidak lebih 3 tahun? Kalau kita membolehkan sesuatu keputusan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang mereka boleh membuat keuntungan berpuluh-puluh juta ringgit, apa maknanya 3 tahun dipenjara atau denda tidak sampai \$230 ribu ringgit? Oleh sebab itu, saya rasa Fasal ini, kalau bercanggah dengan undang-undang common sense, dengan izin, kalau sesuatu mesyuarat yang

dibuat oleh Jawatankuasa ini tidak betul, ia harus ditidakkan. Ia tidak boleh dibenarkan kerana mungkin berlawanan dengan kepentingan orang ramai.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Fasal 31 mengenai Fasal pelaburan di mana wang Suruhanjaya hendaklah setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini dilaburkan mengikut cara yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya. Di sini saya hendak bertanya, adakah ini memberikan kuasa kepada Suruhanjaya untuk melabur kepada syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL kerana ia tidak dinyatakan dengan jelas apakah hak Suruhanjaya itu untuk melabur wang yang dipungut dari levi-levi dari lain-lain sumber untuk melabur wang mereka. Kalau ini tidak disekat ini bermakna Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk melabur di BSKL dan kalau ini dibenarkan berlaku ini merupakan satu conflict of interest, dengan izin, Tuan Pengerusi. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan mengenai perkara ini.

Mengenai Fasal 34 iaitu tawaran pengambilalihan oleh sesuatu syarikat atau transferor dan tranferee, dengan izin. Tuan Pengerusi, mengikut Fasal 34(4), kalau sesuatu syarikat telah menguasai 9% daripada saham atau ekuiti sesuatu syarikat ia mempunyai kuasa untuk memiliki semua baki saham syarikat tersebut dan mengikut Fasal 34(4) dan (5), transferor atau untuk lebih senang syarikat yang diambilalih itu dikenakan memberi atau memindahkan saham mereka kepada syarikat yang mengambilalih syarikat tersebut. The acquired company has to transfer the shares to the acquiror, dan wang untuk saham tersebut, consideration, dengan izin, mesti dibayar dalam acquired company. Betul atau tidak, mengikut Fasal 34(4)? Ya, betul. Tetapi Tuan Pengerusi, saya hendak

menimbulkan satu soalan kerana acquiror company itu telah menguasai acquired company, ini bermakna wang di tangan sendiri. Betul atau tidak?

Saya rasa ini tidak kena pada tempatnya kerana wang ini harus dipindahkan kepada Public Trustee, tidak kepada acquired company kerana acquired company telah menjadi anak syarikat kepada acquirer. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan mengenai perkara ini sama ada ia seharusnya dikuasai oleh Public Trustee.

Saya ingin merujuk sekali gus Fasal 38(5), 39, dan 44(3). Di sini saya hendak bertanya kerana Fasal 39 menyatakan bahawa sebarang pendakwaan hanya boleh dijalankan dengan kebenaran secara bertulis daripada Pendakwa Raya. Adakah ini bermakna bahawa Suruhanjaya Sekuriti tidak mempunyai kuasa kompaun ke atas mana-mana pihak kerana mengikut Fasal 44(3)(b) yang berbunyi:

“Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini—

(a) xxxxx

(b) boleh membuat peruntukan bagi pengenaan penalti, yang tidak boleh melebihi dua puluh lima ribu ringgit, bagi kesalahan sedemikian.”

Saya hendak bertanya sama ada—ini saya gelarkan kompaun-kompaun ini boleh dikenakan tanpa persetujuan atau kebenaran bertulis dari Pendakwa Raya kerana kalau inipun kena kebenaran secara bertulis daripada Pendakwa Raya, saya rasa adalah susah untuk satu tindakan atau hukuman dijalankan dengan lancar ke atas pihak-pihak yang melakukan kesalahan.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa satu masalah besar mengenai Suruhanjaya

Sekuriti ini sungguhpun dari segi konsepnya adalah baik, risk atau kelemahan besar ialah kegagalan menjaga hak pelabur kecil. Saya rasa tujuan Suruhanjaya Sekuriti kalau kita baca daripada Fasal-fasal yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan lebih memihak kepada peniaga-peniaga sekuriti sama ada remisier, broker atau future traders. Oleh sebab itu, saya harap bahawa untuk menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar serius mengenai Suruhanjaya Sekuriti ini, tindakan tegas mestilah diambil ke atas mereka yang melakukan kesalahan dan contoh yang paling baik untuk memberikan keyakinan ialah bahawa bukan sahaja tindakan diambil, tetapi janji-janji yang dibuat ditunaikan khususnya mengenai kes penipuan saham di Tampin.

Saya benar-benar harap—dan saya amat kesal Yang Berhormat Menteri tidak ada di sini—bahawa janjinya boleh ditunaikan, janganlah tinggal omong-omong kosong sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.34 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih....

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu): (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagikah Fasal-fasal?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya percaya tak ada kuorum.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Setiausaha, kira. Kuorum tidak cukup. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: Lebih 26 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 47, lebih dari cukup kuorum. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Kok Lanas dan Kota Melaka yang telah bangun di peringkat Jawatankuasa sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Kok Lanas dan juga Kota Melaka membangkitkan tentang soal keahlian Suruhanjaya Sekuriti ini. Seperti yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila membentangkan Rang Undang-undang ini dan telahpun saya ulangi, betapa pentingnya keahlian itu terdiri daripada mereka yang mempunyai integriti yang tinggi. Di samping itu pula sewajarnya pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan melantik mereka di kalangan yang mempunyai latar belakang dari segi kemahiran dan kepakaran untuk memberi sumbangan yang sewajarnya kepada kerja-kerja dan fungsi Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Pengerusi, adalah tidak munasabah langsung untuk mana-mana pihak mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan akan melantik orang yang tidak ketentuan dari segi wibawa, dari segi integriti, kemahiran dan kepakaran mereka walhal kita tahu bahawa bukan sahaja Yang Berhormat Menteri Kewangan, bahkan Kerajaan keseluruhannya bertanggungjawab terhadap industri sekuriti itu sendiri supaya ianya dapat dikawal dengan sebaik-baiknya dan berkembang daripada satu tahap kepada

satu tahap yang lain sebagai sebahagian daripada sektor ekonomi kita. Bukan sahaja Kerajaan dan Menteri Kewangan khususnya bertanggungjawab kepada industri tersebut dan mereka yang terlibat secara langsung sebagai pelabur ataupun mereka yang bergiat dalam industri itu, tetapi juga kepada masyarakat dan juga kepada Parlimen ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya inginlah memberi jaminan bahawa kita serahkan kepada kebijaksanaan dan budi bicara yang sewajarnya ada pada pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk melantik mereka yang mempunyai wibawa, integriti dan kemahiran yang sewajarnya untuk menganggotai Suruhanjaya Sekuriti.

Kalau sekiranya Yang Berhormat Kepong dan Kok Lanas mengatakan bahawa mereka mungkin terdiri daripada orang yang dikenali oleh Menteri Kewangan, Tuan Pengerusi, mana satu manusia di peringkat yang kita harapkan dari segi integriti dan kepakarannya yang tidak dikenali oleh sesiapa oleh kita sendiri, jadi kalau sekiranya hendak pilih orang yang kita tidak kenal langsung mungkin orang itu tidak ada latar belakangnya, tidak ada kepakarannya dan mungkin juga bukan orang Malaysia. Jadi kita kenal.....

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:....antara satu dengan yang lain Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya juga ingin memberi penegasan di sini bahawa

kalau Yang Berhormat daripada Kepong merujuk tentang kandungan daripada Akta ini, Yang Berhormat daripada Kepong akan dapat mengesan bahawa dari segi operasi, dari segi kerja-kerja dan fungsinya bahawa Suruhanjaya ini akan melaksanakan dengan cara yang paling bebas.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Di mana Suruhanjaya mempunyai.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak bagi jalan ataupun tidak.....Kepong bangun lagi itu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Peruntukan—saya tidak beri jalan—saya hendak habiskan hujah saya. Suruhanjaya mempunyai kuasa yang cukup sama ada dari segi hendak membentuk biro ataupun jawatankuasa bahkan melantik pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran, mengenakan peraturan-peraturan yang sewajarnya, bahkan menggunakan kuasa yang begitu luas yang ada dalam Akta ini untuk digunakan dengan sebaik-baiknya oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti ini dalam soal kerjanya. Bahkan pada hari ini, jika sekiranya sesuatu permohonan itu ditolak ada permohonan untuk dirayu dan rayuan itu disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam peruntukan ini tidak ada langsung untuk permohonan ataupun rayuan dibawa kembali kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Terserah kepada pihak Suruhanjaya ini untuk menerima rayuan-rayuan dalam satu jangkamasa yang tertentu, kalau tidak silap saya, dalam masa tiga puluh

hari untuk menimbangkan rayuan-rayuan daripada pihak yang berkaitan dengan kerja-kerja, berkaitan dengan Suruhanjaya ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa walaupun ada peruntukan-peruntukan dalam mana pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan ada kaitannya dengan Suruhanjaya ini tetapi dari segi pelaksanaan kerja-kerja Suruhanjaya, ianya dalam keadaan yang begitu bebas untuk menjalankan kerja-kerja mereka.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Fasal 28 yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Kepong mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh pihak Parlimen. Tuan Pengerusi kita sedia maklum bahawa laporan tahunan diwajibkan untuk dibentangkan di kedua-dua Parlimen kita dan saya percaya Yang Berhormat daripada Kepong sedia maklum bahawa kita sudahpun ada cara-caranya dan juga peraturan-peraturan di peringkat Parlimen, Dewan Negara dan Dewan Rakyat untuk memberi penilaian yang sewajarnya terhadap laporan-laporan yang disampaikan kepada pihak Parlimen.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong mengenai market makers dengan izin, institutional investors....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun lagi*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dia tidak bagi jalan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya tidak faham apa yang maksud Yang Berhormat daripada Kepong.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun lagi*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun dua tiga kali Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Peruntukan Undang-undang di hadapan kita ini Tuan Pengerusi, ianya berkaitan dengan satu peruntukan undang-undang untuk mewujudkan satu organisasi, satu institutional set-up, dengan izin, yang dipanggil Suruhanjaya Sekuriti 1992. Maka apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada Kepong seperti istilah beliau market makers, institutional investors yang memerlukan kepada peraturan-peraturan yang tersendiri, saya percaya Yang Berhormat daripada Kepong sepatutnya lebih arif kerana dapat membacanya dalam Security Industry Act 1983, maka tidak perlu, bahkan tidak wajar untuk dibincangkan, bahkan tidak dimasukkan di dalam Akta kita pada hari ini dan sewajarnya tidak dibincangkan dalam konteks Akta ini.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kok Lanas, dalam hal yang pertama saya sudahpun menjawab mengenai Fasal 4 iaitu keanggotaan keahlian. Saya ingin merujuk kepada Fasal 32 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kok Lanas mengenai tempoh masa sampai bila Suruhanjaya ini menimbangkan permohonan ataupun cadangan-cadangan di hadapan mereka. Tuan Pengerusi, saya sekadar untuk menyebutkan di sini bahawa mereka dalam hal ini pihak Suruhanjaya Sekuriti akan membuat peraturan mereka sendiri, prosedur mereka sendiri dan saya yakin bahawa perkara-perkara ini lebih-lebih yang berkaitan dengan soal jadual masa akan dijadikan, diumumkan dan akan menjadi transparent dengan izin, supaya semua pihak tahu tentang prosedur yang akan digunakan oleh Suruhanjaya Sekuriti ini.

Tuan Pengerusi, Fasal 35, Yang Berhormat daripada Kok Lanas menyebut tentang kemampuan Suruhanjaya untuk melaksanakan peruntukan undang-undang yang ada dalam Akta ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Kok Lanas, kita sedia maklum bahawa sebelum daripada ini kita mempunyai peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh badan-badan yang berlainan, sama ada Pendaftar Syarikat ataupun pihak yang lain. Maka apabila dirumuskan dalam satu peruntukan Akta ini dan badan yang menguatkuasakannya adalah Suruhanjaya Sekuriti ini maka saya percaya Yang Berhormat daripada Kok Lanas bersetuju dengan saya bahawa dari segi kemampuan, dari segi penyelarasan, kerja-kerja yang lebih tersusun, lebih sistematik akan dapat dilaksanakan oleh badan yang satu ini lebih-lebih lagi apabila peruntukan undang-undang itu diberikan kepada Suruhanjaya Sekuriti ini.

Selain daripada itu, Akta ini juga memberi ruang yang begitu luas kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk melantik pegawai-pegawai di semua peringkat yang sewajarnya meliputi berbagai-bagai kepakaran dan kemahiran teknikal dan juga bidang yang lain. Mereka yang betul-betul mahir yang akan bekerja sebagai anggota, kakitangan Suruhanjaya ini ataupun mereka-mereka yang akan berkhidmat di peringkat Jawatankuasa ataupun Biro yang mungkin akan dibentuk oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti ini. Apabila kita memberi peruntukan di mana pihak Suruhanjaya boleh mengenakan levi maka adalah harapan kerajaan Suruhanjaya ini merupakan satu badan yang mempunyai sumber kewangannya tersendiri dan yang mencukupi, maka melalui kemudahan kewangan tersebut, maka Suruhanjaya Sekuriti akan mampu untuk melantik dan memberi ganjaran yang sewajarnya kepada mereka yang mempunyai kemahiran yang sesuai untuk kerja-kerja Suruhanjaya Sekuriti

ini. Jadi, melalui kemampuan kewangan itu saya percaya bahawa wibawa Suruhanjaya ini akan dapat diletakkan pada tahap yang paling tinggi melalui perlantikan pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran dan kepakaran yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya sekadar hendak menambah sedikit sahaja bahawa langkah-langkah yang diperuntukkan adalah seperti berikut, reprimand letter, public reprimand ataupun suspension. Jadi Tuan Pengerusi, langkah-langkah awal telah dibuat di mana kerja-kerja siasatan susulan telah dibuat. Reprimand secara umum telah pun dibuat dan saya percaya tidak ada siapa yang terkecuali dalam hal ini jika sekiranya pihak CIC pada hari ini mendapat sebab-sebab yang mencukupi untuk bertindak mengikut peruntukan yang ada pada hari ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Melaka bangun mahu minta jalan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sudah sebut langkah-langkah ini, reprimand letter, public reprimand dan seterusnya langkah-langkah yang lebih keras lagi sama ada suspension ataupun melarang pihak Merchant Bank untuk berurus dengan pihak CIC dan sebagainya. Jadi ini termasuk langkah-langkah—saya sudah sebut dalam jawapan awal saya tadi—terhadap pengarah syarikat, penasihat korporat dan juruaudit syarikat. Kita sudah sebut, Tuan Pengerusi.....

Tuan Lim Guan Eng: Apakah tindakannya?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sudah baca peruntukannya.

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak beri, Yang Berhormat. Duduklah!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Melaka sedia maklum apa yang telahpun diusahakan oleh pihak Kerajaan dalam hal yang berkaitan dengan mangsa-mangsa saham Tampin bahawa Pendaftar Syarikat sebagai penguatkuasa kepada Akta tersebut sudahpun membuat laporan kepada polis mengenai kes ini dan pihak polis sudahpun selesai menjalankan penyiasatan mereka. Penyiasatan polis telah memberi hasil seperti berikut. Ketiga-tiga mereka yang dikaitkan iaitu Khoo Khee Huat, Yau Su Ting dan Lee Siow King sudahpun dicaj di mahkamah kerana melakukan kesalahan jenayah di bawah Seksyen 87A, Akta Perindustrian Sekuriti dan sekarang sedang menunggu pembicaraannya. Tuduhan bahawa Yau Su Ting bertindak sebagai agen kepada TCL dan SSSB adalah tidak berasas kerana tidak ada bukti yang menunjukkan kegiatan jualbeli saham oleh beliau dilakukan dengan pengetahuan pihak pengurusan TCL dan SSSB. Sungguhpun Lee Siow King adalah seorang Pengarah SSSB, penglibatan beliau dengan Yau Su Ting adalah secara peribadi. Bukti menunjukkan bahawa beliau melakukan urusaniaga dengan tidak mengikut cara-cara yang ditetapkan oleh syarikat. Oleh yang demikian, perlakuan beliau tidak boleh dianggap sebagai perbuatan jenayah yang dilakukan oleh syarikat di mana beliau menjadi pengarah.

Kemudian, Tuan Pengerusi.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak beri, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:.... tuntutan untuk mendapatkan kembali daripada kedua-dua syarikat wang yang dilesapkan oleh Yau Su Ting.....

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Biar saya habiskan jawapan.....tidak dapat dilayan kerana beliau bukanlah agen yang dilantik oleh syarikat-syarikat yang berkenaan. Akta Perindustrian Sekuriti juga tidak mempunyai peruntukan pembayaran pampasan kepada mereka yang mengalami kerugian berpunca daripada penipuan yang dilakukan oleh peniaga haram. Tuntutan gantirugi seperti yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut hanya boleh dipertimbangkan jika penyelewengan dilakukan oleh peniaga-peniaga yang berlesen. Jadi, itu sebenarnya kedudukan. Pihak Kerajaan sudahpun menyiasat peringkat yang paling mendalam untuk mengambil tindakan yang sewajarnya supaya dapat memelihara kepentingan pelabur-pelabur kecilan.

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, iaitu tabungan Suruhanjaya. Jadi, saya percaya Yang Berhormat dari Kota Melaka.....

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak beri, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:.... bersetuju dengan saya kalau sekiranya Suruhanjaya menggunakan budi-bicaranya dengan sebaik-baiknya supaya tidak terlibat dalam kegiatan pelaburan yang mana ianya mempunyai kepentingan. Walaupun begitu, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka sekurang-kurangnya untuk mengingatkan supaya ianya tidak berlaku.

Mengenai soal peranan Pendakwa Raya, Tuan Pengerusi, ini adalah berdasarkan kepada proses perundangan negara di mana peranan Pendakwa Raya diberi tempat yang sewajarnya. Untuk makluman Yang Berhormat dari Kota Melaka, bahawa dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 ini hanya terdapat dua kesalahan sahaja, maka tidak ada peruntukan untuk kompaun oleh pihak Suruhanjaya.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja perkara yang saya fikir dapat saya jawab sempena dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di peringkat Jawatankuasa ini. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia sudah habis.

Dr Tan Seng Giaw: Belum habis lagi itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia sudah habis. Tadi sebelum dia menggulung, Yang Berhormat patut bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, di dalam Jawatankuasa kita boleh bangun.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tahu, Yang Berhormat boleh bangkit banyak kali. Tetapi sebelum dia menggulung tadi, Yang Berhormat patut bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Oh, dia jawab sahaja. Tak ada hal gulung-menggulung di dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak rujuk yang mana?

Dr Tan Seng Giaw: Tak boleh menggulung di dalam Jawatankuasa, cuma jawapan sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya telah beri peluang kepada semua untuk bangun dua, tiga, empat atau lima kali sebelum dia menjawab. Dia telah selesai menjawab semua.

Fasal 1 hingga 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1992)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.57 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$281,858,200 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1992 adalah berjumlah \$317,098,300. Dari jumlah ini, sebanyak \$281,858,200 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$35,240,100 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut.

Tambahan sebanyak \$105.5 juta di bawah Maksud B.30, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun adalah untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak \$55.5 juta untuk dicarumkan kepada Kumpulan Tabung Pinjaman Pelajaran bagi menampung keperluan membiayai pinjaman kepada pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negeri.
- (ii) sebanyak \$50 juta untuk dicarumkan kepada Kumpulan-wang Amanah Pembiayaan Komputer anggota Perkhidmatan Awam bagi memberi kemudahan pinjaman pembiayaan komputer kepada anggota Perkhidmatan Awam di bawah Sistem Saraan Baru.

Tambahan sebanyak \$45.5 juta di bawah Maksud B.19—Kementerian Pertanian untuk menampung perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak \$36 juta untuk membiayai bayaran balik subsidi harga padi yang telah dibelanjakan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara; dan
- (ii) sebanyak \$9.5 juta untuk membiayai bayaran rebet pengeksportan ternakan ayam, itik dan khinzir.

Tambahan sebanyak \$32.5 juta di bawah Maksud B.52—Kementerian Kerja Raya untuk menampung bayaran imbuhan ke atas premium harga saham bagi Projek Penswastaaan Jalan-jalan dan Persimpangan Bertingkat di Kuala Lumpur.

Tambahan sebanyak \$32.1 juta di bawah Maksud B.18—Kementerian Perusahaan Utama untuk menampung Perbelanjaan Mengurus Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Getah Malaysia (MRRDB) bagi tahun 1992.

Tambahan sebanyak \$24.7 juta di bawah Maksud B.34—Kementerian Kesihatan untuk menampung perbelanjaan mengurus Institut Jantung Negara, subsidi perbelanjaan rawatan kakitangan Kerajaan di Institut tersebut dan geran pelancaran Institut Jantung Negara.

Tambahan sebanyak \$12.1 di bawah Maksud B.21—Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk membiayai bayaran emolumen kakitangan baru, bagi melaksanakan aktiviti baru yang diwujudkan di empat belas pejabat cawangan baru di seluruh negara. Tambahan tersebut adalah juga membiayai sewaan ruang pejabat baru, kos ubahsuai ruang pejabat baru berkenaan, pembelian alat-alat kelengkapan pejabat, perabot dan kenderaan.

Tambahan sebanyak \$6.9 juta di bawah Maksud B.1—Parlimen untuk membiayai bayaran tunggakan, elaun dan kenaikan elaun bulanan bagi Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan tunggakan serta kenaikan gaji kakitangan Parlimen.

Tambahan sebanyak \$6.9 juta di bawah Maksud B.47—Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak \$3.5 juta untuk bayaran subsidi ke atas kerugian yang dialami oleh Sistem Penerbangan Malaysia bagi Perkhidmatan Udara Luar Bandar di Sabah dan Sarawak bagi tahun kewangan 1990/1992; dan
- (ii) sebanyak \$3.4 juta untuk menampung kenaikan kos percetakan dokumen keselamatan Kerajaan yang telah berkuatkuasa dengan tarikh dikebelakangkan pada bulan Mei 1990.

Tambahan sebanyak \$3.3 juta di bawah Maksud B.22—Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk meningkatkan kegiatan galakan promosi pelancongan ke arah Tahun Melawat Malaysia 1994.

Tambahan sebanyak \$2.9 juta di bawah Maksud B.10—Jabatan Peguam Negara untuk menampung kenaikan gaji baru di bawah Sistem Saraan Baru, kenaikan kadar sewaan ruang pejabat, pembelian kenderaan Jabatan dan kereta khas.

Tambahan sebanyak \$2.7 juta di bawah Maksud B.28 - Perbendaharaan untuk geran pelancaran (launching grant), bagi Lembaga Pembangunan Labuan yang telah ditubuhkan pada 16hb Mac, 1992.

Tambahan sebanyak \$2 juta di bawah Maksud B.17—Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai penyertaan kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik di Barcelona pada bulan Julai, 1992 dan bantuan kewangan kepada Majlis Sukan Negeri Kelantan.

Peruntukan tambahan yang lain sebanyak \$4,849,300 adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.6—Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, B.7—Jabatan Perdana Menteri, B.20—Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, B.26—Kementerian Pendidikan, B.45—Kementerian Sumber Manusia dan B.56—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan (Ketiga) 1992 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 1992 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22A Tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1992. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1992 adalah berjumlah \$1,079,890,810. Jumlah tersebut adalah perbelanjaan cara langsung.

Tambahan peruntukan adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek berikut, tambahan sebanyak \$985.8 juta di bawah Maksud P.25—Kementerian Pertahanan untuk Perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak \$66.6 juta untuk pembelian alat kelengkapan Tentera Darat;

- (ii) sebanyak \$542.1 juta untuk membiayai pembelian kapal-kapal bagi Tentera Laut;
- (iii) sebanyak \$145.4 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek-projek Tentera Udara yang sedang dilaksanakan;
- (iv) sebanyak \$78.3 untuk pembelian alat-alat kelengkapan Tentera Udara;
- (v) sebanyak \$4.8 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek-projek Tiga Perkhidmatan yang sedang dilaksanakan;
- (vi) sebanyak \$146.3 juta untuk pembelian alat-alat kelengkapan Tiga Perkhidmatan;
- (vii) sebanyak \$2.1 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek-projek pembinaan awam yang sedang dilaksanakan; dan
- (viii) sebanyak \$197,000 untuk menampung bayaran alat-alat kelengkapan awam yang telah dibekalkan.

Tambahan sebanyak \$49.7 juta di bawah Maksud P.28—Perbendaharaan untuk membiayai perberlanjaan projek Lembaga Pembangunan Langkawi seperti berikut:

- (i) sebanyak \$20 juta untuk menampung kos pengambilan balik tanah bagi Air-Based Industry;
- (ii) sebanyak \$19.7 juta untuk membiayai pembelian tanah seluas 173 ekar di Mukim Kuah untuk "land bank"; dan
- (iii) sebanyak \$10 juta untuk membiayai pembinaan Komplek Balai Pameran di Langkawi.

Tambahan sebanyak \$20.6 juta di bawah Maksud P.40—Jabatan Penjara untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak \$15.9 juta untuk menampung bayaran pampasan pengambilan balik tanah seluas 220.25 ekar bagi penjara baru di Sungai Buluh, dan untuk menjelaskan bayaran bagi membina 4 blok rumah Kelas G, penjara Marang, Terengganu dan untuk membiayai kerja-kerja awal penjara baru di Pokok Sena, Kedah;
- (ii) sebanyak \$910,000 adalah untuk menjelaskan bayaran pembinaan 6 blok rumah kelas "G" Kolam Air dan Dewan Serbaguna di Penjara Penor, Pahang.
- (iii) sebanyak \$2.1 juta adalah untuk menjelaskan bayaran pembinaan 6 blok rumah kelas "G" dan Dewan Serbaguna Institut Pemulihan Dadah, Jelebu.
- (iv) sebanyak \$1.5 juta adalah untuk membiayai kerja-kerja awalan untuk membina Asrama Pelatih, Dewan Makan, Lapang Sasar dan Stok Maktab Penjara, Kajang.
- (v) sebanyak \$200,000 adalah untuk membina satu blok rumah kelas "G" Pusat Pemulihan Akhlak Muar.

Tambahan sebanyak \$14 juta di bawah Maksud P.51—Kementerian Luar Negeri untuk menampung bayaran kemajuan pembinaan projek Kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta.

Tambahan sebanyak \$9.8 juta di bawah Maksud P.47 Kementerian Pengangkutan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (a) sebanyak \$6 juta untuk membiayai kerja-kerja pembinaan jeti penumpang dan kerja-

kerja pengorekan harbour basin, dengan izin, dan laluan masuk ke jeti Kuala Perlis bagi projek pembangunan pelabuhan kecil Kuala Perlis.

- (b) sebanyak \$3.8 juta untuk membiayai kerja-kerja ukur tanah dan kajian tanah Kompleks Terminal Baru dan pembelian serta pemasangan alat-alat "Doppler Very High Frequency Omni Directional Range" and "Distance Measuring Equipment" bagi projek pembangunan Lapangan Terbang Labuan.

Peruntukan tanda sebanyak \$10 di bawah Maksud P.7—Jabatan Perdana Menteri untuk mewujudkan Butiran Projek baru Institut Kefahaman Islam Malaysia. Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1992 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1992 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23A Tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1992 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1992

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang

dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Satu Ribu Tujuh Puluh Sembilan Juta, Lapan Ratus Sembilan Puluh Ribu, Lapan Ratus Sepuluh Ringgit (\$1,079,890,810) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1992, untuk menampung sejumlah Satu Ribu Tujuh Puluh Sembilan Juta, Lapan Ratus Sembilan Puluh Ribu, Lapan Ratus Sepuluh Ringgit (\$1,079,890,810) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas penyata tersebut

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua

sekarang. Dan masalah bahawa Usul di atas nama Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Kepong.

5.14 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mendapati bahawa peruntuk yang terbesar daripada Perbekalan Tambahan ini ialah untuk pertahanan yang merupakan lebih 80% daripada lebih \$1,079 bilion. Ini satu angka yang besar untuk pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa sebelum akhir tahun 80an kerana faktor-faktor tertentu termasuk kemerosotan ekonomi dunia dan Malaysia yang teruk terutamanya pada tahun 1984-1985. Dan dengan keadaan yang demikian saya nampak perbelanjaan untuk pertahanan, untuk pembangunan tidak begitu besar.

Tetapi pada dua tiga tahun ini saya nampak perbelanjaan untuk pertahanan telah meningkat dengan pesat sehingga pada hari ini kelengkapan-kelengkapan untuk Tentera Udara dan Tentera Laut diadakan. Dan tidak disebutkan di sini sama ada ini termasuk dalam Memorandum of Understanding (MOU) atau Memorandum Persefahaman antara Malaysia dengan United Kingdom pada tiga tahun yang lepas. Kalau tidak silap saya, lebih \$3 billion dianggarkan waktu itu. Dan adakah pembelian alat-alat kelengkapan ini termasuk di dalam MOU. Tidak disebutkan langsung di sini. Mungkin ada kena-mengena dengan pesawat-pesawat pejuang Hawk yang dibeli daripada United Kingdom.

Walau bagaimanapun, kita hendak mengambil kira keadaan zaman moden di dalam Orde Baru Dunia.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, memang dengan kematian Soviet Union, maka pada masa ini ada hampir 16 buah negara yang mempunyai senjata nuklear termasuk kebanyakannya di negara-negara bekas Soviet Union dan di seluruh dunia termasuk di Asia.

Ada negara-negara yang berlumba-lumba untuk membeli, untuk membuat, untuk mengadakan senjata-senjata canggih (sophisticated) termasuk negara China. Mereka memperolehi pesawat-pesawat pejuang daripada Soviet Union seperti Soyuz dan sebagainya yang canggih belaka. Mereka juga sedang berusaha untuk mendapatkan aircraft carrier atau kapal induk pembawa kapalterbang dan sebagainya. Inilah yang nampak.

Begitu juga sikap negara China untuk mengambil sikap yang tegas terhadap kepulauan dengan dakwaan bertindih-tindih seperti Spratly Island termasuk Terumbu Layang-Layang. Dan mereka sanggup mengadakan perjanjian dengan syarikat trans-national Amerika Syarikat untuk mencari gali di perairan Spratly.

Ini menunjukkan pihak Republik Rakyat China telah menambahkan senjata-senjata yang moden untuk menjadikan kuasa yang besar di rantau ini. Dan juga kita nampak di Taiwan, mereka baharu sahaja dapat memperolehi 16 pesawat yang canggih daripada Amerika Syarikat dan juga dikhabarkan mereka akan mendapat Mirage 2000, pesawat pejuang mutakhir daripada Perancis.

Dan di rantau ASEAN pula, kita nampak daripada negara Thailand, Indonesia, mereka memang memperolehi senjata-senjata baru yang canggih belaka. Dan dengan keadaan sedemikian adakah Kerajaan Malaysia

mempunyai dasar yang serupa untuk berlumba-lumba merebut mendapat senjata-senjata canggih berbanding dengan negara-negara yang lain di rantau ini. Ini satu tanda yang sangat membimbangkan. Saya mengakui bahawa kita mesti mempunyai senjata yang cukup dan mutu ketiga-tiga sayap tentera ini mutu yang tinggi, itu perlu untuk mempertahankan negara. Tetapi kita mesti menseimbangkan dengan kemampuan negara ini untuk membeli senjata-senjata yang canggih, kerana kalau kita hendak banding dengan Taiwan misalnya, mungkin tidak boleh, kekuatan tentera kita tidak sampai ke tahap itu, dan kalau hendak dibandingkan dengan Republik Rakyat China, jauhlah, kita tidak boleh.

Tetapi kita mesti mempunyai kekuatan yang cukup untuk mempertahankan negara Malaysia. Itu sangat diperlukan, tidak payah kita hendak nampakkan orang dapat yang canggih, khabarnya kita hendak beli Mirage 2000 juga, yang sangat sofistikated, adakah ini benar, dan juga kita hendak beli MIG yang mutakhir, itupun disebutkan juga. Jadi, saya hendak menekankan bahawa perlu kita menggubalkan satu dasar pertahanan yang seimbang dengan kemampuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, setahu kita Jepun boleh menjadi kuasa ekonomi yang unggul, salah satu kuasa ekonomi yang terbesar di dunia kerana mereka tidak membelanjakan dengan banyak untuk pertahanan—Dia ada banyak wang untuk memajukan sektor sosial dan ekonomi, bukan sektor pertahanan, dan kita mesti mencontohi negara Jepun misalnya, supaya kita dapat wang lebih banyak untuk sektor ekonomi dan sosial. Bagi memajukan negara ini kita hendaklah memenuhi hasrat Wawasan 2020, kalau kita berbelanja terlalu banyak ke atas sektor pertahanan maka Wawasan 2020 menjadi wawasan 0202.

Itu memang bukan hasrat dan cita-cita kita menjadikan wawasan 0202. Mungkin itu hasrat Arau, saya pun tidak tahu, dia senyum sahaja. (*Ketawa*)

Dengan perbelanjaan pada hari ini, tambahan yang minta diluluskan telahpun digunakan lebih \$832 juta untuk membeli senjata-senjata, jenis-jenis senjata itu tidak dijelaskan di dalam Kertas Perintah yang dirujuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya cuma hendak bertanya Ahli Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat telah menyebutkan bahawa Russia, China dan lain-lain lagi mempunyai pertahanan yang canggih tetapi Malaysia nampaknya Yang Berhormat tidak bersetuju diadakan pertahanan yang canggih, takut jadi 0202. Jadi, saya hendak tanya, macam mana Yang Berhormat boleh bertelagah pendapat dalam masa Yang Berhormat bercakap, adakah Yang Berhormat berkehendakkan Malaysia ini lemah supaya dikuasai oleh negara-negara lain Yang Berhormat sokong?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau memang corak dia, ragam dia untuk menyoal yang bukan-bukan. Walau bagaimanapun, saya telah sebutkan tadi, kita mesti menetapkan satu dasar menseimbangkan kemampuan kita sebagai kuasa yang kecil, kita kuasa kecil walaupun ada hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak jadikan kuasa yang terkuat, di tahun yang lepas dia menyebutkan bahawa kita mesti menjadi kuasa yang terkuat tetapi maklumlah, kita boleh menjadi kuasa di dalam ekonomi kalau kita mempunyai pengurusan yang cekap tetapi di dalam ketenteraan, jauhlah, kita

tidak boleh. Hendak dibandingkan dengan negara Taiwan misalnya, Taiwan membeli 150 F16, bolehkah negara kita membeli 150 F16. Mampukah kita berbuat demikian? Sebab itulah kita mesti ukur baju kita di badan kita supaya kita janganlah membayar dengan lebih, itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dari Arau tidak mempunyai sikap yang keliru lagi mengenai hal ini. Itu satu perkara yang penting di dalam hasrat kita memajukan ekonomi dan menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian. Dan tahun demi tahun, tiap-tiap sesi, tiap-tiap mesyuarat memang ada penambahan untuk Pulau Langkawi. Pada tiga, empat tahun ini tidak bolehlah kita lupa Pulau Langkawi, hari inipun ada Maksud P.28 untuk Pulau Langkawi, misalnya untuk air base industry, untuk land bank, untuk kompleks balai pameran di Pulau Langkawi. Saya seronok juga mendengar hujah-hujah yang akan menjadikan Pulau Langkawi sebagai satu pulau yang boleh menarik ramai pelancong-pelancong, bukan sahaja pelancong dari dalam negara bahkan juga dari luar negara. Itu memang kita galakkan, kita hendak adakan lebih banyak pelancong untuk kepentingan negara ini.

Walaupun bagaimanapun, ada juga hasrat untuk menjadikan pulau itu sebagai Air-Based Industry, dengan kelengkapan yang cukup termasuk kompleks balai pameran untuk mempamerkan, memaparkan senjata-senjata, pesawat-pesawat dan kapal-kapal daripada pelbagai negara, sebagai satu pusat untuk Air Based Industry dan sebagainya. Dan nampaknya di sini hanya untuk pengambilan balik tanah \$20 juta diperuntukkan untuk tanah itu. Dan dengan perbelanjaan yang begitu banyak, memang kita mesti ada sistem pengurusan kewangan yang lebih baik untuk memastikan bahawa semua

peruntukan ini walaupun ini telah digunakan, tidak digunakan dengan cara boros, cara yang tidak berjimat-cermat kerana kita sedang menghadapi bermulanya kemerosotan ekonomi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dua hari yang lepas pun ada mengakui tentang kesan kemerosotan, walaupun ada perkara Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak setuju, mungkin dia mempercayai bahawa pertumbuhan ekonomi, dasar-dasar dan juga langkah-langkah kewangan (monetary measures) yang diambil oleh Kerajaan itu cukup untuk membolehkan Malaysia menanggung atau mempertahankan daripada kesan ekonomi daripada negara-negara perindustrian. Kalau tidak silap saya, bidang-bidang yang tertentu, termasuk alat-alat ganti pengangkutan dan eksport kepada Jepun, Eropah dan sebagainya, nampaknya ada kekurangan sebanyak 20%-30%—itu untuk bidang pengangkutan sahaja. Bidang-bidang yang lain juga kekurangannya dirasai oleh rakyat sekarang. Jadi, ini adalah tanda-tanda harga yang menunjukkan adanya kemerosotan ekonomi di negara ini, walaupun saya nampak pada minggu yang lepas di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa jumlah pelaburan itu begitu banyak. Inflasi pun tidak sampai 5% lagi. Mungkin dia hendak tambah lagi, pengangguran pun begitu rendah, mungkin tidak ada pengangguran sekarang. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian tidak ada kemelesetan. Itu satu sikap yang tidak betul.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Ahli dari Kepong. Dia sudah confuse, kerana dia bercakap mengenai kemerosotan ekonomi tetapi apa yang dimaksudkannya ialah inflasi. Kemerosotan ekonomi tidak berlaku apabila ada growth, ada pertumbuhan.

Jadi, kalau dia kata rakyat berasa tentang kenaikan harga itu bukan kemerosotan ekonomi, itu adalah inflasi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Terap itu hanya melihat dari satu sudut-sudut Padang Terap. (*Ketawa*) Sekurang-kurangnya beliau mengakui bahawa harga barangan termasuk harga makanan telah meningkat. Harga makanan meningkat dengan pesat, misalnya untuk ikan, naik lebih 16%. Itu adalah menurut Consumer Food Index. Padang Terap ini memang faham tentang Consumer Price Index (CPI). Inilah sudut dia sekarang.

Consumer Food Index sekarang, untuk ikan, 16% kenaikannya dan juga untuk sayur-sayuran, buah-buahan meningkat hampir 15%.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apakah Yang Berhormat bersetuju oleh kerana di antara barangan yang menimbulkan kedudukan harga yang melambung dari masa ke semasa ialah barang makanan, termasuk sayur-sayuran. Di antara sayur-sayuran yang Kerajaan mengenakan kawalan quota import ialah kubis di mana tujuannya ialah untuk mempertahankan petani-petani di Cameron Highlands. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk membuka kawalan ini di mana petani-petani ini akan mogok, mengamuk dan sebagainya supaya barangan kita akan jatuh harga seperti kubis-kubis daripada luar negeri?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau itu asyik dengan masalah kubis sahaja. Memang kubis salah satu pengeluaran hasil dari Cameron Highlands tetapi sekarang keluaran yang terbanyak bukan kubis lagi, bunga-bunga yang cantik dan indah. Arau tidak tahu apa

bunganya, yang dia tahu kubis sahaja. Hasil yang terbanyak sekarang di Cameron Highlands ialah bunga.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya dan Yang Berhormat mencabar kewibawaan saya sebagai Pengerusi FAMA yang pakar. Bila Yang Berhormat cuma tengok ada satu kebun bunga di Cameron Highlands, maka Yang Berhormat kata seluruh Cameron Highlands tanam bunga. Kena ingat, di Cameron Highlands pengeluaran yang besar sekarang ialah kubis. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat adakah kita bersetuju supaya Kerajaan menarik balik kawalan dan membiarkan supaya berlaku lambakan kubis dan bila kubis turun harga dengan itu tidak berlaku inflasi, tetapi petani-petani akan marah, kerana ini DAP yang minta, supaya kawalan import ini dibuka. Adakah DAP bersetuju dengan kita?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya di sini ialah harga sayur-sayuran, bukan sahaja kubis. Memang Arau percaya kerana ada kuota, maka harga kubis akan naik. Tetapi sayur-sayuran ini terdiri daripada pelbagai jenis bukan sahaja kubis. Saya akan sentuh hal ini tidak lama lagi. Walau bagaimanapun, setakat ini memang inflasi telah meningkat dan ini telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada minggu yang lepas. Adalah perlu bagi pihak Kerajaan dan juga bagi rakyat jelata, supaya kita bersama-sama memperjuangkan dan mempertahankan negara daripada kesan inflasi. Tetapi di sini saya nampak langkah-langkah kewangan (monetary measures) memang diambil oleh pihak Kerajaan pada beberapa tahun ini, tetapi untuk mencegah kenaikan harga sayuran, makanan-makanan yang lain dan sebagainya, langkah-langkah yang diambil itu belum mencukupi untuk mempertahankannya dan mungkin pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mempertimbangkan

dasar dan langkah yang lebih spesifik untuk mencegah harga-harga makanan termasuk kubis.

Tuan Yang di-Pertua, setahu kita, bukan sahaja kubis yang digemari oleh Arau, lazaria pun digemari—lazaria itu ialah arnab. Tahun yang lepas saya dengar dia buat interview di dalam radio, disebutkan lazaria, iaitu daging arnab, begitu lazatnya, tetapi sekarang senyaplah. Tidak tahu macam mana pasarannya, berjaya ataupun tidak. Itu cara dia, mula-mula hangat. Nah, lihat kubis, sahaja, dia juga suka mempelam. Saya nampak, mempelam di Perlis tidak cukup lagi, dia pergi ke Kedah, banyak itu, lebih daripada Perlis, kalau tidak silap saya.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, berapa jam lagi masa yang diberikan untuk saya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah berucap 25 minit, tinggal 5 minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: 25 minit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap sudah 25 minit, tinggal lagi 5 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: 5 minit lagi? Tetapi tidak beri apa-apa arahan dahulu. Saya ingat ada satu jam lagi sekurang-kurangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Perbincangan dasar ini hanya diperuntukkan satu hari sahaja mengikut Peraturan Mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya faham. Tetapi yang saya telah cadangkan ialah dasar-dasar yang bernas, iaitu hendak mencegah inflasi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya tidak begitu puas hati dengan Kementerian Dalam Negeri mengenai perkembangan projek-projek penjara. Pada mulanya ada satu projek yang

dirancangkan di kawasan saya iaitu Kepong untuk mengadakan satu penjara bagi remand prisoners tetapi nampaknya beberapa bulan yang lepas kerana faktor-faktor yang tertentu iaitu tempat penjara itu telah dipindahkan dari Kepong ke Sungai Buluh dan nampaknya lebih \$13 juta telah diperuntukkan untuk membeli tanah dan untuk bayaran pampasan kerana pengambilan balik tanah seluas lebih 220 ekar di Sungai Buluh. Mungkin kerana tanah tersebut lebih sesuai dan sebagainya. Walau bagaimanapun, cara-cara pihak Kementerian untuk membina penjara perlu dikaji semula kerana saya nampak ia tidak begitu berkesan dengan bilangan banduan yang bertambah terutamanya banduan remand, dadah dan sebagainya dan juga pendatang tanpa izin yang bertambah ramai. Ini bermakna penjara-penjara Malaysia adalah penuh. Kapasitinya tidak dapat menampung semua banduan ini. Kita perlu penjara yang baru untuk menampung pertambahan bilangan banduan. Walaupun kita perlu, kita mesti menguruskannya dengan baik supaya tidak timbul masalah pemborosan dan pengurusan yang tidak cekap.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pihak-pihak berkuasa tempatan memang dari setahun ke setahun, pihak Kerajaan Persekutuan mengeluarkan berpuluh-puluh juta ringgit geran untuk pihak-pihak berkuasa tempatan, dan Kerajaan Persekutuan mesti menyedari bahawa aktiviti-aktiviti pihak-pihak berkuasa tempatan tidaklah sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yakni semua itu dijalankan dengan sempurna. Beliau berkata satu pihak berkuasa tempatan sahaja yang menceburkan diri dalam pembelian saham di BSKL. Walau bagaimanapun, saya nampak ada banyak kelemahan termasuk perlantikan ahli-ahli pihak berkuasa tempatan. Kadangkala lewat. Memang ada kuota politik—sekian-

sekian banyak kepada UMNO, sekian-sekian banyak kepada MCA, sekian-sekian banyak kepada GERAKAN dan MIC. Itulah Majlis. Baik kita panggil "Majlis Tempatan UMNO" atau "Majlis Tempatan MIC", "GERAKAN" atau "MCA", kerana perlantikan memang mewujudkan kontroversi! Bila wujud kontroversi Majlis-majlis Tempatan tidak dapat berfungsi. Ini berlaku dari masa ke semasa dan orang-orang yang dilantik menjadi ahli Majlis....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meminta penjelasan dari sahabat saya. Sewaktu dia mengatakan Majlis-majlis Tempatan tidak berfungsi, adakah beliau mempunyai bukti-bukti yang nyata dan kes-kes yang nyata? Jangan membuat sweeping statements.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada di Majlis-majlis Tempatan di negeri Selangor, misalnya. Saya jadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kajang. Saya nampak dari masa ke semasa, Majlis Perbandaran Klang, misalnya, kerana perlantikan itu mewujudkan kontroversi, jadi Majlis tidak dapat bermesyuarat....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup? Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, setakat untuk saya mematuhi keputusannya, saya hendak gulunglah. (Ketawa)

Jadi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mesti mengawal-selia dengan baik Majlis-majlis Tempatan atau Pihak-pihak Berkuasa Tempatan ini supaya mereka boleh

berfungsi dengan lebih cekap, lebih bersih dan lebih beramanah kerana kita tengok, walaupun mereka hendak saya kemukakan bukti sekarang, kita boleh nampak ada aktiviti-aktiviti yang tidak sepatutnya berlaku di Majlis-majlis Tempatan di mana ahli-ahli Majlis tidak begitu bertanggungjawab. Ada yang tidak memberi sumbangan yang diharap-harapkan. Sistem perlantikan mesti diperbaiki dan kita seringkali mendesak pihak Kerajaan supaya kita adakan sistem pilihanraya (*Tepuk*) untuk Majlis-majlis, untuk Pihak-pihak Berkuasa Tempatan supaya Ahli-ahli Majlis yang tidak menjalankan tugas boleh digantikan dengan ahli-ahli yang lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap.

5.47 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyokong permintaan penambahan perbelanjaan untuk kali yang ketiga pada tahun 1992 ini yang mana saya lihat bahawa kebanyakan daripada permohonan penambahan ialah di dalam bidang infrastruktur kerana ini adalah satu aspek yang penting di dalam usaha-usaha pihak Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan kos perbelanjaan pengurusan dan seterusnya mengawal inflasi.

Usaha-usaha untuk memperbaiki dan menambahkan lagi infrastruktur ekonomi dan sosial telah tidak diabaikan.

Cuma yang ingin saya membuat teguran sedikit ialah mengenai dengan penambahan infrastruktur luar bandar yang masih lagi kekurangan. Dua tahun yang lalu, kalau saya masih lagi ingat, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada masa itu Dato' Seri Samy Vellu

telah menjanjikan sebanyak \$30 juta untuk penambahan pembinaan jalan-jalan di dalam kawasan FELDA, tetapi sehingga kini wang itu belum lagi datang khususnya di kawasan-kawasan yang jauh terpencil seperti di kawasan saya, di dua kawasan FELDA iaitu di Lubok Merbau dan juga di kawasan Bukit Tembaga.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah di dalam kita memperkatakan bahawa infrastruktur itu penting, kita jangan hanya melihat infrastruktur itu pada peringkat regional ataupun inter-regional. Yang penting ialah infrastruktur kecil-kecilan seperti infrastruktur retikulasi di dalam satu-satu kawasan kependudukan seperti FELDA. Misalannya, FELDA Lubok Merbau menyumbangkan sebanyak \$8 juta kepada ekonomi tempatan tiap-tiap tahun, tetapi pemulangan balik kepada FELDA dari segi infrastrukturnya yang tidak dikawal pembinaannya oleh FELDA tidak ada. Misalannya, jalan-jalan di dalam Rancangan FELDA Lubok Merbau masih lagi jalan-jalan yang dibuat 20 tahun yang lalu, jalan tanah merah, yang pada musim hujan adalah berkelebur dan pada musim kering berdebu. Pada hal penduduk-penduduk di situ berupaya untuk menggunakan kemudahan-kemudahan sosial yang lain oleh sebab mereka mempunyai keupayaan daripada hasil pembangunan Kerajaan.

Jadi, saya harap dengan adanya infrastruktur sebegini di kawasan-kawasan yang telah matang seperti Lubok Merbau, di Sungai Tiang, di Bukit Tembaga dan juga di kawasan-kawasan lain di negeri-negeri lain, kita dapat mempertingkatkan kemudahan sosial dengan pembangunan ekonomi supaya rakyat mempunyai motivasi yang baik untuk meningkatkan produktiviti mereka. Saya harap perkara ini diambil secara serius kerana perkara ini adalah penting di dalam usaha mempertingkatkan produktiviti ekonomi dan juga produktiviti sosial

penduduk-penduduk desa yang berkenaan yang menyumbang banyak kepada ekonomi-ekonomi tempatan.

Yang kedua yang saya ingin menegur di sini ialah mengenai sistem insentif yang diberi kepada pelajar-pelajar. Kita tidak berapa mendengar mengenai dengan biasiswa, hadiah, scholarship berasaskan kepada kebolehan penuntut tidak kira kaya-miskin. Kebanyakannya kita dengar sekarang ialah pinjaman. Ini pun diminta penambahan sebanyak \$55.543 juta untuk Kumpulan Tabung Pinjaman Pelajaran di bawah Maksud B.30. Jarang kita dengan seorang penuntut Malaysia diberi scholarship ataupun biasiswa yang dianugerah di atas kebolehan beliau, tidak kira adakah dia anak orang kaya, anak Dato', anak Tan Sri ataupun anak peladang, anak buruh. Apa yang kita lakukan sekarang ialah kita memperdagangkan pelajaran kebanyakannya iaitu memberi pinjaman.

Saya tidak mengatakan ini buruk, tetapi ianya seharusnya kita jangan lupa bahawa ganjaran-ganjaran untuk keunggulan ataupun reward for excellence mesti diwujudkan di dalam masyarakat kita ini. Saya mencadangkan di sini, jikalau di dalam kita hendak teruskan usaha secara massive pemberian pinjaman, di dalam skim itu diwujudkan satu sistem yang mana mahasiswa-mahasiswa yang mendapat grade point average 3.5 ke atas ditukarkan pinjamannya menjadi biasiswa. Ia tidak perlu dibayar balik seperti yang MARA telah lakukan baru-baru ini. Saya tak tahu adakah dilakukan, tetapi cadangan telah dibuat di dalam Majlis ataupun MARA Council supaya ianya diadakan. Barulah ada satu semangat untuk anak-anak kita yang belajar untuk mendapatkan taraf keunggulan yang tinggi. Tetapi apa yang kita dapat sekarang ialah satu keadaan complacency ataupun puas hati asalkan pass dapat grade point average 2.2, dengan izin, 2.8, itu paling tinggi dan mereka berasa itu adalah

pencapaian yang cukup unggul. Tetapi, jarang kita dapati bahawa anak-anak kita yang banyak dari segi bilangannya yang mendapat 3.5 dan 3.8 sehingga 4.0. Jadi, saya cadangkan supaya sistem ini diadakan dengan adanya penambahan \$55,543.000 di dalam permintaan ini.

Di dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan kaum tani khususnya bumiputera di dalam commercial farming ataupun di dalam usaha perniagaan tani, saya ingin memberi pujian kepada pihak LPN yang setakat ini telahpun meningkatkan kebolehan pengilang-pengilang kecil yang bertaburan di kawasan-kawasan padi di dalam usaha mereka meningkatkan produktiviti dan mutu pengeluaran mereka. Yang saya ragukan ialah usaha ini tidak berlanjutan kerana baru-baru ini saya difahamkan bahawa usaha-usaha ini telah diberhentikan dengan pemberhentian Ketua Pengarah LPN iaitu Datuk Amir yang mana banyak kilang-kilang bumiputera yang telahpun mula maju sekarang ini berlaku apa yang dikatakan, dengan izin, they are left high and dry dengan tidak adanya lagi usaha-usaha untuk mengadakan projek upah mengilang padi ataupun mewujudkan pusat-pusat pembelian di kalangan mereka.

Misalannya, di kawasan saya ada seorang pengusaha kilang bumiputera yang telah mengusahakan kilangnya dengan baik. Berasaskan pertolongan LPN yang LPN beri, anak-anaknya yang bekerja dengan beliau telahpun membuka lagi satu kilang di atas nama mereka, di atas keupayaan mereka dan di atas sumber wang anak-anaknya sendiri itu. Mereka membuka satu kilang yang berharga \$2.8 juta di satu tempat yang berjauhan daripada tempat bapa mereka. Apabila diminta bantuan LPN untuk mendapat taraf pengilang padi LPN, ini ditolak bulat-bulat kerana dikatakan mereka telah mempunyai kilang yang sudah ada.

Di atas asas itu permohonan mereka ditolak dan cuba fikirilah, dua orang budak yang berumur 25 tahun dan 26 tahun yang berhutang \$2 juta daripada bank sekarang tidak ada padi untuk mengilang, hanya berasaskan kepada alasan bahawa mereka telah mempunyai satu kilang lagi. Jadi, usaha ataupun penilaian secara simplistic ini adalah tidak baik kerana, pertamanya berlakunya satu pemecahan kilang yang mana dua orang anak telah berpecah daripada bapanya adalah satu usaha yang baik, satu perkembangan yang baik yang harus ditolong. Pada hal kilang-kilang besar yang lain diberi kemudahan itu.

Jadi di sini, di manakah usaha-usaha untuk menolong bumiputera menjadi usahawan besar yang menggunakan dana sebanyak \$2 juta sehingga \$3 juta. Saya harap pihak Kementerian Pertanian agar mengambil perhatian perkara ini supaya LPN terus menjalankan usahanya berdasarkan kepada dasar membantu untuk mewujudkan satu masyarakat peniaga bumiputera di dalam bidang commercial padi.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan saya kepada penambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Nilam Puri.

6.00 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam perbelanjaan tambahan ini beberapa perkara, di antaranya perbelanjaan yang begitu besar untuk Kementerian Pertahanan yang hampir satu bilion ringgit—\$985.384 juta ringgit. Tuan Yang di-Pertua, dengan Perbelanjaan Tambahan sebanyak ini untuk melengkapkan pertahanan tentera ataupun pertahanan negara kita, saya

amat bersetuju kerana saya lihat mutakhir ini keadaan dunia yang tidak menentu terutama sekali negara-negara yang didiami ramai oleh orang-orang Islam seolah-olah ada satu sifat kecemburuan terutama sekali bila lenyapnya kekuatan Soviet Russia, maka diramalkan abad ini Islam akan muncul sebagai satu era pembaharuan yang akan dibawa sudah ada tanda-tanda kecemburuan yang tinggi kepada Islam dan umat Islam itu sendiri.

Oleh itu kita lihat kejadian-kejadian mutakhir ini entah apa sebabnya terutama sekali tidak juga terkecuali agama-agama lain tetapi agama Islam menjadi target. Bagaimana rakyat Palestin terus dilanyak, umat Islam Kashmir masih tidak mempunyai hak, umat Islam Burma dihalau dengan begitu dahsyat di Arakan, dan juga bagaimana kejadian yang menimpa kepada umat Islam di Bosnia-Herzegovina. Yang kita lihat apa yang berlaku di Barat itu melanggar norma-norma budaya Barat, tamadun Barat yang dianggap mengutamakan human rights, hak asasi manusia, freedom of religion dan sebagainya lagi yang dilaung-laungkan, bahkan Belgrade itu menjadi pusat persidangan-persidangan antarabangsa yang meluluskan berbagai resolusi untuk membawa keamanan kepada dunia, tetapi kejadian di Bosnia-Herzegovina menyayat hati kita iaitu semua resolusi persidangan-persidangan yang dibuat di Belgrade itu dilanggar oleh pemerintah yang mendokong persidangan itu dahulunya.

Kejadian yang menimpa kepada umat Islam dan juga bangsa-bangsa yang lain kepada apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina menjadi ingatan yang begitu tinggi kepada kita apakah berulangnya peristiwa yang berlaku di Sepanyol dalam tahun 1492 di mana seluruh umat Islam dibunuh, dimurtadkan dan dihalau keluar

daripada bumi Andalusia 500 tahun dahulu, ia akan berulang di zaman yang dikatakan tamadun ini di Bosnia-Herzegovina.

Kita sebagai negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi mesti mengawasi keadaan-keadaan perkembangan mutakhir terutama sekali kita dibentangkan sekarang ini kelemahan-kelemahan pertahanan udara kita. Bagaimana kapalterbang-kapal-terbang yang dimiliki oleh Malaysia selalu terjunam dalam laut, selalu terhempas, dilaporkan di dalam media-media asing, ditertawakan keupayaan pertahanan Malaysia. Kemudian pula bila berlaku kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, terbakarnya Pusat Kawalan Udara, diberitakan sekarang ini bahawa kawalan udara Malaysia diswastakan kepada negara jiran bila kapalterbang itu terbang lebih daripada 15,000 kaki. Keadaan ini terlalu merbahaya dan amat merbahaya. Sebab mana-mana di dunia ini kita lihat bila berlaku peperangan, jarang orang jauh datang berperang dengan negeri yang dekat. Selalunya berlaku peperangan antara dua negara jiran. Misalnya Iran dengan Iraq, Arab Saudi dengan Iraq, begitulah juga Rusia dengan Hungary, Afghanistan dengan Russia. Jarang sekali berlaku pertarungan yang jauh. Misalnya Malaysia dengan Angola, tidak akan berlaku peperangan, tidak masuk akal, tetapi yang berlaku peperangan selalunya adalah negara yang berjiran, sedangkan kita bukan mahu berperang. Dalam Islam sendiri perang amat dibenci, manusia benci dan Islam benci kepada perang. Tetapi Allah juga memberitahu bahawa perang itu wajib ke atas kamu.

Jadi perkara ini kita mesti melihat, keadaan-keadaan mutakhir ini, supaya Kementerian Pertahanan dan Kerajaan mengambil satu daya usaha walaupun ada dalam pemikiran mereka, kita yakin, tetapi bagi saya ingatkan keadaan ini,

keupayaan pertahanan udara kita memang dipertikaikan. Walaupun laporan-laporan risikan kami daripada Parti Pembangkang tidak dapat penuh, tetapi bau-baunya kami tercium bagaimana sistem pertahanan udara kita terlalu rapuh, sedangkan negara jiran keupayaan mengikut analisa-analisa majalah asing, walaupun seratus peratus kita tidak boleh percaya, tetapi keupayaan mereka memang boleh menggerunkan pihak musuh. Misalnya, negara jiran kita memperolehi empat kapalterbang AWACS yang jarak pengintipannya boleh sampai melebihi Kangar. Begitulah juga mereka mempunyai kapalterbang F16 dan kapalterbang F18. Adalah dianggap kapalterbang F18 ini kapalterbang pengintip yang paling moden di dunia sekarang ini dan ini dimiliki oleh negara jiran.

Kita tidak berniat untuk bermusuhan dengan siapa-siapa. Tetapi perkembangan mutakhir terutama sekali pengaruh Israel yang menjalar sekarang ini dalam keadaan Amerika mempunyai kuasa utama di dunia ini, maka persediaan kita sebagai memenuhi perintah Allah (*menyebut suatu ayat dari Al Quran*) mesti ada dalam pemikiran terutama sekali kita di Malaysia ini, sekarang ini kita telah hidup dalam aman dan tenteram bersama dengan kaum-kaum yang lain menghormati agama-agama. Tetapi keamanan ini kita mesti lihat bahawa kadangkalanya ia tidak berkekalan jikalau ada unsur-unsur asing yang datang menggoda ataupun melakukan sesuatu sabotaj dalam bentuk perkauman ataupun antara agama boleh membawa negara kita kepada perkara yang tidak diingini. Oleh itu, dalam hal Kementerian Pertahanan yang berbelanja sebanyak ini, saya tidak menentang bahkan gunakan perbelanjaan itu untuk menguruskan betul-betul keselamatan Malaysia kerana kita

melihat mutakhir ini apa yang berlaku itu ada kebimbangan sedikit kepada kita tentang keupayaan Kementerian Pertahanan menjaga kedaulatan Malaysia.

Seterusnya, saya ingin menyentuh juga hal Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan yang mendapat tambahan dan juga Kumpulan Wang Terkanun yang berbelanja begitu banyak, \$105 juta. Hal Kementerian Pendidikan ini juga saya melihat sekarang ini ada satu kelonggaran. Dahulunya Timbalan Perdana Menteri pernah diheret ke mahkamah kerana melarang tertubuhnya Universiti Merdeka dan beliau dalam ucapannya pernah mengatakan beliau sanggup menjadi tidak popular kerana tidak mengizinkan Universiti Merdeka. Tetapi mutakhir ini kita lihat Universiti Merdeka tidak diizinkan ditubuhkan, tetapi universiti swasta begitu banyak tumbuh sekarang ini dan universiti swasta ini mengenakan yuran yang begitu tinggi menyebabkan orang-orang yang berada sahaja mampu masuk dalam universiti-universiti swasta ini. Ada pandangan di kalangan pendokong Kerajaan sendiri mengatakan—pandangannya itu dibisikkan kepada saya entah betul entah tidak, terbukanya universiti-universiti swasta sekarang ini menyamai sepuluh Universiti Merdeka kalau diizinkan untuk ditubuhkan. Sedangkan universiti-universiti swasta ini ditubuhkan ataupun mereka menjalankan program berkembar dengan universiti luar negeri, mereka mampu untuk menyekolahkan anak-anak mereka, sudah tentu dalam jangka panjang Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dilaungkan oleh pihak pemerintah akan termakan kepada diri mereka sendiri. Jadi perkara ini kita harap dapat perhatian betul-betul daripada pihak pemerintah sebab perpaduan yang ada ini perlu dipupuk lagi. Janganlah kita mengejar negara industri tahun 2020

maka pihak pemerintah sendiri melanggar semua dasar-dasar yang mereka letakkan untuk mencapai suatu tujuan.

Misalnya kenyataan daripada pemimpin MCA dalam Konvensyen Ekonomi di Perlis, mereka mengatakan, 'kami amat berpuashati tentang perkembangan ekonomi kerana target 40% yang perlu dimiliki oleh orang-orang Cina di Malaysia ini telah melebihi. Kami mencapai sekarang hampir 44%', sedangkan dibiarkan pencapaian ini. Adakah pencapaian yang sebenar untuk orang-orang Cina secara keseluruhan ataupun pencapaian kapitalis-kapitalis orang-orang atasan mereka yang telah berjaya merebut peluang ekonomi setelah Dasar Ekonomi Baru dihentikan atau ditamatkan dan digantikan dengan Dasar Pembangunan Nasional yang ada sekarang ini dengan tidak meletakkan matlamat (target) asalkan Malaysia menuju kepada negara NIC ataupun negara industri pada tahun 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh juga hal B.1 Parlimen kita di mana pindaan telah diluluskan untuk meletakkan Perkhidmatan Parlimen ini di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Oleh itu, kali ini kita harap tidak ada halangan lagi bagi pihak kakitangan Parlimen ini untuk menubuhkan kesatuan, terutama sekali 'in-house union' untuk memperjuangkan nasib mereka, sebab selama ini Perkhidmatan Parlimen ini dianggap 'security service', maka mereka tidak diizinkan untuk menubuhkan kesatuan. Kali ini mereka diizinkan, insya Allah, untuk menubuhkan kesatuan dan juga memperjuangkan aktiviti-aktiviti dan juga kebajikan yang ingin mereka perjuangkan.

Hanya sekian pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Arau.

6.12 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahas dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1992 (DR 22/92 dan 23/92).

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak sentuh berkenaan pelajaran. Di samping menyokong, saya cuma ingin menyentuh sedikit sahaja iaitu berkenaan biasiswa. Saya bersetuju dengan sahabat saya dari Padang Terap tadi bahawa satu kajian harus dibuat berhubung dengan kedudukan biasiswa yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Pendidikan, bagaimana biasiswa ini dikaji semula. Adakah dikaji semula dari masa ke semasa? Adakah kita menganggap bahawa ekonomi Malaysia kukuh, maka negeri lain juga kukuh macam kita? Britain telah mengalami masalah ekonomi yang cukup teruk, inflasi yang cukup teruk. Jadi, sejauh mana Kementerian Pendidikan dengan serta-merta mengkaji semula tentang kedudukan biasiswa untuk pelajar-pelajar kita di luar negeri. Demikian juga pelajar-pelajar kita yang berada di tempat-tempat lain, di Amerika Syarikat dan lain-lain lagi. Kadang-kadang kita ini menganggap oleh kerana kedudukan kewangan kita kukuh, maka apa yang berlaku di luar negeri juga kukuh.

Saya kurang pasti, mungkin Menteri dan Timbalan Menteri kita lebih arif tentang perkara ini, tetapi saya ingat saya baru berada di dua tempat yang berkenaan. Dalam masa dua bulan itu saya lihat perubahan ekonomi yang begitu mendadak dan yang menerima tekanan ini ialah penuntut-penuntut kita yang hanya bergantung kepada biasiswa sahaja untuk belanja hidup dengan proses pembayaran yang kadang-

kadang menghadapi masalah, tetapi dari segi kadar biasiswa tidak dikaji mengikut kedudukan ekonomi negeri-negeri yang berkenaan.

Jadi, adalah dicadangkan supaya Kementerian ini juga sensitif, lagipun Timbalan Menteri duduk sebelah-menyebelah boleh bertanya khabar tentang kedudukan ekonomi di negara-negara yang berkenaan. Di U.K. sekarang macam mana, apa harus dibuat? Sebab kita kena ingat £260 sebulan, kalau Dato' Zihin yang baru dapat gelaran "Dato'" pergi ke London, satu malam sahaja belanja hotel, ini penuntut terpaksa makan, tambang dan segala-galanya dalam masa sebulan. Pernahkah dilihat tentang perkara ini? Sejauh mana kita peka? Sebab kita selalu membincangkan soal ekonomi negara kukuh dan sebagainya, tetapi penuntut-penuntut yang kita hantar ke luar negeri kita berdasarkan kadar yang kita tak kaji dari masa ke semasa berdasarkan ekonomi negara yang berkenaan.

Nasib baik kita tak hantar pergi ke Brazil ataupun Argentina, kita sudah buat hubungan dengan negara-negara Latin Amerika yang kadar inflasinya menggila, kadang-kadang sampai seribu peratus, kadang-kadang turun, kadang-kadang naik. Saya rasa kalau pelajar kita pergi ke sana, hari ini boleh makan nasi tetapi besok tak boleh, dia jadi macam itu. Kita pula hanya menunggu apabila sampai masanya mungkin tiga, empat bulan, tetapi orang yang hendak belajar ke sana, bila penuntut-penuntut ini balik kita hendak supaya mereka nencapai tahap pengajian yang tinggi. Tetapi kita kena ingat semua ini perkara-perkara sampingan, perkara-perkara sokongan ini harus diambilkira. Pegawai-pegawai Kerajaan yang pergi ke luar negeri pun kita sedia maklum, kita cukup kerenah dan remeh-temeh, personal advance kita tak cukup, kita minta lagi kadar pertukaran wang asing, kita minta lagi baju sejuk dan sebagainya. Tetapi

penuntut-penuntut kita yang berada di sana, saya kurang pasti bila kajian semula dibuat. Apakah kita boleh ubahkan kedudukan biasiswa itu berdasarkan kedudukan ekonomi negeri yang berkenaan. Kalau dahulu kita tengok kadar pertukaran, sekarang di Great Britain itu untunglah, kalau bapanya hantar duit £100, dahulu sampai 4.9, sekarang ini kalau tak silap saya 4.22, lebih kurang macam itu. Tetapi kita kena ingat dari segi inflasi yang tinggi yang berlaku dengan begitu hebat di negara yang berkenaan, kadar pertukaran yang baik ini masih tak dapat menolong penuntut-penuntut kita untuk mengatasi masalah sara hidup dan juga sara diri di negara-negara yang berkenaan.

Jadi, saya minta walaupun ada perulangan kata-kata saya sebab saya juga sedih melihat tentang kedudukan mereka ini supaya kalau niat kita untuk mendapatkan penuntut-penuntut yang baik, kita juga perlu berbuat sesuatu supaya mereka dapat belajar dengan baik. Kalau kita hendak kefahaman Islam mereka tinggi, kita kena ajar tentang perkara-perkara itu, sudah pasti mereka mendapat kefahaman Islam yang tinggi. Kalau kita hendak pelajar yang baik, berilah perut mereka dapat diisi dengan barangan yang baik, sudah pasti otak mereka baik. Bila otak mereka baik, seperti Dato' Zihin, sudah pasti mereka akan jadi manusia yang baik.

Keduanya mengenai Kementerian Pertanian. Saya mengisytiharkan kepentingan saya. Saya hendak bercakap mengenai perkara ini sebab saya cukup pakar dalam bidang ini. Saya isytiharkan kepentingan, nanti dituduh saya ada kepentingan diri. Saya isytiharkan kepentingan, saya memang ada kilang padi. Jadi, DAP tak payahlah korek-korek di belakang, isytihar awal-awal lagi, sebab saya orang berniaga, saya juga taukeh kilang. Saya bersetuju, tetapi kepentingan sudah isytihar, supaya dilihat balik secara keseluruhan

tentang skim, namanya skim upah kering dan upah kisar ataupun di bawah skim upah kering dan upah kisar dinamakan Konsep Pusat Belian yang dibuka oleh LPN di kilang-kilang. Skim ini sebenarnya telah dilancarkan pada tahun 1986. Pegawai LPN sendiripun ramai yang tak mengetahui, sebab dia hanya dijalankan di peringkat awal di negeri Perlis, lepas itu tahun 1990 dijalankan di negeri Kedah. Di peringkat awal tujuan LPN mengadakan pusat belian dan skim ini matlamat awal itu bukan hendak bantu kilang-kilang bumiputera. Tujuannya sebab LPN menghadapi masalah kerana LPN tidak mempunyai kemampuan kerana kilang-kilang LPN tidak cukup untuk menampung jumlah pengeluaran padi yang ada dalam negara.

Saya beri statistik dari segi peratusan, LPN hanya dapat menampung 45% kilang-kilang yang ada itu boleh mengisar padi. Ini bahasa yang mudah supaya orang faham, hanya 45% dan swasta membantu 55%. Selepas itu LPN telah tingkatan keupayaannya sampai ke peringkat 65% - kalau saya tidak silap - sekarang ini, sebab saya bukan Ahli Lembaga Pengarah lagi. Selebihnya dibantu oleh pihak kilang-kilang swasta. Tetapi kalau ikut angka LPN hanya ke tahap 50%, 50% lagi dibiayai oleh kilang-kilang swasta. Jadi, kilang LPN tidak cukup oleh kerana LPN merupakan masa itu 'buyer of the last resort', dengan izin. LPN terpaksa menampung kerugian kerana padi-padi yang tidak elok dijual ke LPN, padi-padi yang elok dijual di kilang-kilang swasta, LPN menanggung kerugian. Oleh kerana LPN terpaksa menjadi pembeli terakhir dia terpaksa minta kilang-kilang lain membantu, itulah yang dimaksudkan skim upah kering dan juga skim upah kisar. Tuan Yang di-Pertua, tahu tentang perkara ini.

Sekarang ini LPN nampaknya mampu, LPN hebat dengan mesin-mesinnya yang terbaharu dan sebagainya. Saya rasa sudah sampai masanya LPN mengembangkan sayapnya untuk berdikari (berdiri di atas kaki sendiri) tanpa pertolongan mana-mana pihak. LPN boleh berbuat demikian, tetapi ada satu kesilapan LPN sebab dia pergi berjanji dan mengeluarkan surat akuan kepada bank di antara bank yang menjadi peminjam utama ialah Bank Pertanian dan juga Perwira Habib Bank. Dia beri surat itu bahawa LPN bersedia untuk membekalkan padi, ini dia masalah utamanya, jadi bank pun berilah pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, bumiputera mana yang tidak hendak beli kilang di Kedah, kalau dapat pinjaman 100%? Dan ada yang dapat pinjaman sampai 120%, sebab penilaian kilang ini bukan ramai orang tahu.

Saya cukup pakar nilai kilang, kilang yang sebesar Parlimen inipun orang kata tentu nilainya hampir \$5 juta, tetapi kalau kita hendak buat sendiri tidak sampai \$2 juta pun. Jadi, penilaian-penilaian itu macam-macam terjadi dan sebagainya. Ramai orang yang membeli kilang dengan pinjaman 100%, ramai orang hendak beli, misalnya Yang Berhormat Dato' dari Larut pun beli. Sebab dia sudah bergelar "Dato'", kena sebut banyak kali supaya orang jangan lupa, sayapun terlupa tidak panggil Dato', dia marah tadi. Bila ramai orang membeli kilang-kilang ini, dengan sendirinya orang ini mempunyai kilang atau tuan-tuanpunya kilang, tetapi orang yang membeli ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan pengilang; orang yang membeli ini ada orang dari Kuala Lumpur, ada kontraktor atau dari merata-rata tempat datang membeli kilang. Tetapi ada yang tidak tahu pokok padi ini macam mana. Dia tidak tahu langsung apa dia padi, sebab industri padi ini bukan satu benda yang mudah, Tuan Yang di-Pertua.

Nampak padi segenggam, kita kena ingat padi ini bila dipegang sahaja, kita kena tahu, ini gred apa? Padi ada 16 gred, kalau saya tidak silap, dari gred A1, A2 seperti gred beras, padi ada berbagai gred.

Seorang Ahli: Ada 14.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sorry, mujur ada orang yang tahu. Jadi, kita tahu dia ada 14 gred beras. Jadi kalau 14 gred beras bukan benda yang mudah, kalau manusia-manusia yang membeli kilang yang tidak tahu tentang industri ini, bererti dia tidak pakar, tetapi hendak salahkan dia pun pening kepala. Sebab LPN sudah memberi surat akuan, bank sudah memberi pinjaman. Sekarang ini dia tidak boleh membayar hutang bank, jangan saman. Dia tidak boleh bayar hutang bank kerana LPN tidak dapat bekal padi, LPN hendak bekal padi, padi tidak menjadi. Itu sebab saya kata ini adalah industri yang susah, jadi kena fikir balik.

Apabila LPN mengeluarkan surat akuan, ramai bumiputera membeli kilang-kilang baru di Kedah iaitu kilang-kilang bukan bumiputera yang berlaku pertengkaran yang kurang manis. Saya tidak hendak campurtangan sebab saya sudah beri nasihat awal-awal tidak patut buat benda ini. Akhirnya, kilang-kilang kecil yang Dato' sebut tadi menjadi mangsa, sebab kilang-kilang kecil ini mereka memang menjalankan skim ini dengan LPN sudah begitu lama. Mereka juga membeli kilang kerana LPN minta berbuat demikian. Mereka ini merupakan orang yang menolong LPN semasa LPN susah, dan apabila LPN senang dia tidak patut lupa orang-orang kecil, tetapi oleh kerana skim baru pengambilalihan yang dibuat secara mendadak tadi menyebabkan berlaku proses ini.

Saya mencadangkan, sebab perkara ini sudah menjadi komplikated, iaitu hutang-hutang bumiputera khususnya orang Melayu di Kedah, kalau mengikut angka saya ini lebih daripada \$120 juta yang masih berhutang dengan bank, kalau dicampur dengan interest saya kurang pasti. Angka ini daripada sumber Perwira Habib Bank, sebab Bank Pertanian sudah mengigil, dia pun takut hendak memberi pinjaman lagi. Jadi, siapa hendak bayar hutang? Mereka perlu ada padi, baru boleh bayar hutang. Maknanya LPN harus membayar hutang dalam bentuk memberi padi, dapat upah dia bayar. Itulah permasalahannya dan saya ingat tidak ada mana pihak yang boleh "membasuh tangan" tentang perkara ini. Soal ini harus diberi tanggungjawab bersama.

Saya mengucapkan tahniah kepada kilang bumiputera di Kedah, sebab mereka telah mendapat keuntungan yang begitu hebat. DAP pun tidak bising tentang perkara ini, sebab dia tengok semua orang untung, oleh kerana mereka dapat menjual kilang-kilang dengan harga yang berlipatkaliganda. Sebab sebelum itu ada 4 buah kilang di Kedah, harganya hanya \$11 juta, bila dibisingkan dengan skim ini harganya telah menjadi \$33 juta dan dibeli oleh anak-anak muda, korporat-korporat muda yang fikir skim ini bagus, lari balik ke sana, sekarang ini mereka sudah terkering kerongkong, mulut sudah kering sudah hendak mendapat kewangan dan sebagainya.

Saya minta supaya dibuat kajian yang menyeluruh dalam bentuk dua peringkat: kilang-kilang yang kapasitinya 3 tan—mana dia Menteri Pertanian? Pertama, kapasiti kilang 3 tan; Kedua, kapasiti lebih 3 tan. Sebab perjanjian awal di antara LPN dengan pengilang-pengilang—pegawai LPN ada di sini, kena ingat. Saya sudah declare saya punya interest tadi, di Perlis saya adalah orang yang pertama membuat skim ini, kapasiti hanya dalam

bentuk 3 tan. Yang lebih daripada 3 tan saya tidak tahu, itu adalah skim yang dibuat dalam tahun 1990, iaitu satu Resolusi Langkawi yang dibuat pada masa tersebut. Sekarang ini, kita tidak boleh tinggal, kedua-dua pihak sudah terikat pinjaman yang hebat dengan bank, diminta supaya Kerajaan melihat secara menyeluruh. Maknanya LPN harus sanggup mengikat perut sekali lagi—LPN sudah lama ikat perut, mengalami kerugian tiap-tiap tahun—sekali lagi untuk hendak pastikan supaya semua pihak yang sudahpun terlanjur ini diberi bantuan. Cuma mereka yang baru membeli kilang yang berharga berjuta-juta ringgit ini supaya dibenarkan menstruktur semula kilang mereka, oleh kerana mereka tidak pakar dalam industri padi dan beras.

Saya ingin bertanya kepada LPN, berapa susut nilai? Oleh sebab teknikal, sebab semua orang tidak faham, semua orang ternganga dengar saya bercakap.

Saya hendak bertanya berapa susut nilai dalam tahun 1991-1992? Saya minta jawapan selepas ini, berapa susut nilai. Yang Berhormat tahukah maksud susut nilai ini? Apabila LPN membeli padi, kemudian dikisar oleh kilang-kilang ini, misalnya LPN membeli \$10, dia kisar, sepatutnya kalau dia jual dijual kepada LPN, dapat \$12. Tetapi berlaku susut nilai, sebab padi ini bila kering, makin ringanlah. Ketika dibeli berat, apabila kering menjadi ringan—ini berlaku susut nilai. Tetapi susut nilai yang dibuat oleh orang-orang yang tidak pakar jatuh sampai ke 10%, bagi orang-orang yang pakar, susut nilai tidak boleh lari dalam angka 1% kurang ataupun mungkin lebih lagi 3%. Kalau lebih 3% maknanya petanilah rugi, dia ada macam-macam cara. Kalau hendak beri LPN untung, petani rugi. Kalau hendak petani untung, LPN rugi, dia macam itu, pusing balik, tetapi tidak ada mana-mana pakar dalam Malaysia atau dalam dunia pada masa sekarang yang boleh memberitahu termasuk MARDI—kita

hendak cabar semua pihak—yang boleh memberitahu sukatan yang paling tepat bahawa apabila kita membeli padi ini, sebanyak ini jadi beras - tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini belum ada pakar, belum ada mesin, pakar ialah yang dipanggil 'pemilih padi' iaitu budak-budak perempuan yang memilih padi, itu dia pakarnya.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup masa Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.